

Jilid II
Bil. 1



Hari Selasa
13hb Mac, 1984

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
[Ruangan 21]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 37]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 37]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 39]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 100]

USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk ke Parlimen [Ruangan 103]

Jawankuasa Pemilih—Lantikan Y.B. Dato' Dr Neo Yee Pan
[Ruangan 106]

Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 107]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M.
(Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO
MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S.
(Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,
P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

.. Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE. P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

.. Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH
AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala
Langat).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu
Kelantan).

.. Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M.,
J.M.N. (Batu Berendam).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

.. Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

- Yang Berhormat Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI
BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN
HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS
YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P.
(Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD.
ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR
STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO'
MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N.
(Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL
SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI
IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES
P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN,
D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong
Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN,
D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK,
D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL
RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL
RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI
OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN,
P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATUK BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG @ ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S, A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- .. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- .. TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- .. DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- .. TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- .. DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- .. TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).

Yang Berhormat TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

- .. DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- .. TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- .. TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- .. DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- .. TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- .. TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- .. TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- .. DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- .. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- .. TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- .. TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- .. DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- .. TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- .. TUAN ISMAIL @ MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- .. DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- .. TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- .. TUAN MARK KODING (Kinabalu).

Yang Berhormat DR KOH TSU KOON (Tanjong).

- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

- Yang Berhormat DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJIBIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 13hb Mac, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

**TITAH UCAPAN D.Y.M.M. SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada pagi semalam 12hb Mac, 1984 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu dan sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi Parlimen.

Bismillahir-rahmanir-rahim

Segala puji bagi Allah Subhanahu wa ta'ala, selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Salla'llahu 'alaihi wa-sallam dan keluarga serta sahabat-sahabatnya.

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa ta'ala yang telah melimpahkan rahmatNya bagi Beta melafazkan Titah Ucapan sempena Upacara Perasmian Penganjuran Kedua Parlimen Keenam pada hari ini.

Sejak Titah Ucapan Beta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat pada bulan Oktober 1982, negara terus berada dalam keadaan aman dan tenteram. Kestabilan negara kita menjadi kebanggaan kita dan sanjungan negara-negara lain. Walaupun kemelesetan ekonomi dunia telah menjejaskan prestasi pembangunan negara dan kehidupan rakyat, tetapi dengan izin Allah Subhanahu wa ta'ala serta dengan kebijaksanaan Kerajaan Beta dan ketahanan rakyat menghadapi cabaran, kesan-kesan yang lebih buruk telah dapat dielakkan.

Kerajaan Beta telah menetapkan matlamat bagi menjadikan negara kita aman, bersatupadu, bermaruah dan maju. Tidak ada jalan yang mudah ke arah pencapaian matlamat ini dan dari semasa ke semasa kita perlu menentukan arah-arab baru.

Kerajaan Beta di bawah pimpinan Perdana Menteri Beta yang dikasihi, Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad sentiasa berusaha memperkenalkan dasar-dasar yang inovatif. Untuk menjayakannya kita perlu mengamalkan sikap yang positif dalam segala usaha kita.

Penerapan nilai-nilai yang mulia seperti kejujuran, kerajinan, dedikasi, bertanggungjawab, bertimbangrasa dan amanah adalah penting untuk mencapai matlamat Kerajaan Beta bagi mewujudkan pentadbiran yang Bersih, Cekap dan Amanah. Nilai-nilai tersebut tidak akan membawa erti sekiranya tidak diamalkan. Konsep Kepimpinan Melalui Teladan adalah menepati maksud ini. Amalan nilai-nilai konsep itu yang seharusnya meliputi semua golongan masyarakat hendaklah disertai dengan sikap positif seluruh anggota Kerajaan. Ini akan menghasilkan pentadbiran dan urusan Kerajaan yang lebih lancar dan khidmat yang lebih baik kepada rakyat. Dengan itu, rakyat akan dapat hidup lebih bahagia.

Nilai-nilai yang baik, seperti kesucian moral dan kebersihan fizikal, akan membawa kesempurnaan hidup kepada kita semua. Dalam mengamalkan nilai-nilai rohaniah yang baik, kita juga perlu menitikberatkan kebersihan fizikal, sama ada kebersihan diri mahupun kebersihan alam sekitar dan di sekeliling kita. Sesungguhnya, kebersihan adalah sebahagian daripada iman.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa ta'ala, kerana dengan limpah rahmatNya, kita telah dapat mempertahankan dan mengelakkan diri daripada kesan yang lebih buruk, akibat kemelesetan ekonomi dunia. Dengan langkah-langkah ekonomi dan belanjawan yang tegas dan tepat yang telah diambil oleh Kerajaan Beta, ekonominegara telah dapat terus berkembang pada tahap yang memuaskan pada tahun lepas.

Beta percaya dengan pemulihan ekonomi dunia yang sedang berlaku sekarang, ekonomi negara akan dapat terus berkembang dengan baiknya pada tahun ini. Paras harga getah, kelapa sawit, koko dan kayu-kayan telah beransur baik. Kenaikan harga barangan utama ini akan dapat menambah pendapatan rakyat, khususnya para petani dan para pekerja di sektor industri. Sungguhpun begitu, kita mestilah terus berwaspada dan berhati-hati dalam perancangan perbelanjaan negara. Sifat jimat cermat hendaklah dijadikan amalan kebiasaan kita.

Kajian separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat akan dibentangkan dalam mesyuarat ini. Daripada Kajian tersebut, beberapa masalah dan rintangan di dalam sektor-sektor tertentu telah dikenalpasti. Masalah-masalah, rintangan-rintangan dan kemelesetan ekonomi telah menjejaskan pencapaian matlamat-matlamat sosio-ekonomi dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang. Penyelesaian masalah-masalah ini memerlukan beberapa pendekatan baru kepada arah pembangunan negara.

Dasar Pertanian Negara akan memberikan asas untuk merangka strategi-strategi serta program-program bagi mempergiatkan semula sumbangan sektor pertanian, dengan meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan para petani.

Dalam sektor perindustrian, penambahan barang-barang pembuatan untuk tujuan eksport akan menjadi strategi baru. Eksport barang-barang pembuatan secara besar-besaran akan digalakkan. Satu Pelan Induk Industri sedang digubal dan kajian-kajian akan dibuat mengenai dasar-dasar perindustrian dan sistem galakan industri.

Dalam pembangunan bandar dan wilayah, satu pelan mengenai pengagihan pertumbuhan mengikut kawasan di peringkat negara akan dirangka. Ini bertujuan untuk mengurangkan perbezaan pembangunan antara kawasan dan meningkatkan kemajuan. Pelan tersebut akan menggunakan strategi pembangunan yang mengambil kira keperluan pembangunan antara negeri, dan dengan itu tidak terbatas kepada sempadan sesuatu negeri, sebagaimana sekarang. Strategi yang sama juga akan digunakan dalam memberi perkhidmatan serta kemudahan-kemudahan Kerajaan kepada rakyat.

Kerajaan Beta akan juga memberi tumpuan kepada perancangan tenaga manusia ke arah meninggikan daya pengeluaran negara dan memberi perhatian untuk menghasilkan satu dasar pendudukan yang baru.

Dalam melaksanakan pendudukan baru ini, Beta menyeru sektor swasta supaya memainkan peranan yang lebih giat lagi dalam pembangunan negara. Konsep Persyarikatan Malaysia dan Penswastaan akan diberi penekanan. Melalui konsep Persyarikatan Malaysia, kerjasama antara sektor awam dengan sektor swasta akan dapat dipereratkan lagi. Penswastaan akan dilaksanakan dalam konteks Dasar Ekonomi Baru.

Untuk memesatkan lagi pembangunan sosio-ekonomi dan untuk memberi asas kepada rancangan perindustrian, kemudahan infrastruktur yang moden perlu diadakan dan kemudahan asas yang sedia ada diperbaiki dan diselenggarakan. Dalam hal ini, Kerajaan Beta akan terus membina dan memperbaiki jalan, khususnya lebuh raya dan jalan-jalan di luar bandar, pelabuhan, lapangan terbang, perkhidmatan pengangkutan dan telekom. Pembekalan air dan kuasa elektrik akan juga diperluaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kemajuan pelajaran dan pembangunan kebudayaan merupakan alat-alat yang penting bagi mencapai perpaduan negara. Sistem pelajaran dan latihan dibentuk untuk menyediakan rakyat Malaysia yang giat dalam pembangunan negara dan menghayati semangat disiplin, nilai moral dan etika kerja yang baik. Usaha-usaha ke arah pembangunan kebudayaan kebangsaan pula perlu diteruskan dan Beta menyeru setiap golongan rakyat, terutamanya kaum belia, agar memberi sumbangan positif terhadap usaha-usaha ini.

Belia hari ini, yang akan mewarisi tanggungjawab untuk memimpin negara pada masa hadapan, perlu mempunyai kemahiran dalam pelbagai bidang, berkeupayaan berfikir secara positif dan bertindak secara rasional. Adalah penting bagi golongan belia memastikan supaya asas-asas perpaduan yang dipupuk tidak terganggu sehingga mengakibatkan polarisasi kaum di kalangan mereka dalam aktiviti-aktivitinya. Semangat pelopor belia kita yang berbilang kaum amat perlu terus dipupuk dan digalakkan.

Penyertaan semua lapisan masyarakat, daripada murid-murid sekolah hingga orang-orang dewasa, dalam aktiviti sukan akan sentiasa digalakkan. Melaluinya kita dapat memelihara kesihatan dan mempereratkan perpaduan antara kaum. Adalah menjadi harapan Beta agar pencapaian sukan negara di peringkat antarabangsa akan meningkat.

Kita sedar bahawa pembangunan kebendaan tanpa pembangunan rohaniah akan mencacatkan hidup kita. Di atas kesedaran inilah Kerajaan Beta berusaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam sistem pentadbiran negara. Nilai-nilai Islam

yang sememangnya bersifat mulia dan universal, seperti bersih, cekap, amanah, ketekunan bekerja, keadilan sosial dan saling hormat menghormati diterima oleh masyarakat majmuk kita. Beta percaya penghayatan nilai-nilai itu dalam kehidupan kita akan membawa kesejahteraan kepada negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa ta'ala kerana, dengan perlindunganNya dan usaha gigih Pasukan Keselamatan serta kerjasama rakyat, keadaan keselamatan serta kesejahteraan negara terus terpelihara dan terkawal. Walaupun kita telah mencapai beberapa kejayaan dalam usaha memerangi dadah, kita tidak harus berpuashati dengan pencapaian setakat ini. Beta mengulangi seruan agar semua pihak terus memberi bantuan, kerjasama dan sokongan dalam memerangi ancaman dadah dan musuh-musuh negara yang lain. Beta tidak lupa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua anggota Pasukan Keselamatan kerana jasa dan semangat keperwiraan mereka mempertahankan kedaulatan dan maruah negara.

Dasar luar negara kita adalah benteng hadapan pertahanan negara. Kita menitikberatkan persahabatan dan kerjasama antara negara-negara jiran dan melalui ASEAN. Kemerdekaan penuh Negara Brunei Darussalam sangat kita alu-alukan. Kemasukannya ke dalam ASEAN akan mengukuhkan setiakawan negara-negara di rantau ini. Kita juga berazam memperkuatkan Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) bagi rantau ini. Kita tetap gigih mencari penyelesaian politik secara aman bagi soal Kampuchea.

Kerjasama dengan negara-negara lain, khususnya negara-negara yang sedang membangun, akan dipergiatkan lagi, terutamanya di bidang ekonomi dan teknikal. Langkah-langkah ini perlu kerana kita sedar bahawa hasrat negara-negara Dunia Ketiga supaya wujud satu rangka kerjasama ekonomi antarabangsa yang adil dan saksama melalui Dialog Utara-Selatan nampaknya semakin lama semakin menghampakan. Hubungan dua hala dan kerjasama dengan negara-negara tertentu dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa akan dipertingkatkan.

Malaysia sedia memainkan peranan ke arah keamanan dunia. Dalam memperjuangkan keadilan dan maruah sesuatu negara, kita akan terus menyumbang usaha mencari penyelesaian bagi krisis di Asia Barat, terutamanya mengenai perjuangan rakyat Palestin. Keganasan antarabangsa tetap kita kutuk; demikian juga pembunuhan yang didorong oleh tujuan politik, yang ada implikasi terhadap hubungan antarabangsa.

Dalam zaman moden ini, negara-negara saling bergantung dan perlu mengukuhkan hubungan antara satu sama lain. Melalui hubungan ini, kita telah berjaya memperolehi pelaburan asing dan pasaran antarabangsa bagi bahan-bahan eksport kita. Kejayaan ini adalah hasil lawatan pemimpin-pemimpin negara ke luar negeri dan juga lawatan pemimpin-pemimpin asing ke negara ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Sejak Merdeka, kita telah mencapai tahap kemajuan yang boleh dibanggakan yang telah dapat mewujudkan keamanan dan kemakmuran kepada negara. Namun demikian, kita tidak patut berpuashati dengan tahap kemajuan yang telah dicapai. Sesungguhnya, perjuangan kita untuk membina sebuah negara yang aman, bersatupadu, bermaruah dan maju adalah satu perjuangan yang berterusan. Jika kita

tidak waspada, kedaulatan negara kita akan tergugat. Jika kita tidak bersefahaman, kita akan berpecah belah. Jika kita enggan berusaha, kita akan ketinggalan. Jika kita gagal dalam melaksanakan tanggungjawab dan kewajipan kita, kita akan dipersalahkan oleh generasi akan datang. Inilah yang harus kita sedari. Atas hakikat inilah Beta menyeru semua pihak supaya bekerjasama dan berganding bahu melaksanakan tanggungjawab dan kewajipan masing-masing dengan tekad dan azam yang lebih kuat. Kepentingan negara berasaskan kepada nilai-nilai nasionalisma hendaklah mengatasi kepentingan-kepentingan sempit. Insya Allah, dengan berkat semangat persefahaman dan kematangan semua pihak, tidak ada masalah yang tidak dapat kita selesaikan, tidak ada dugaan dan tidak ada cabaran yang tidak dapat kita hadapi.

Beta sukacita mengambil kesempatan ini untuk merakamkan terima kasih Beta kepada Kerajaan Beta, di bawah pimpinan Perdana Menteri Beta dan semua pihak lain yang telah menumpahkan taat setia kepada Beta, sepanjang tempoh perkhidmatan Beta sebagai Yang di-Pertuan Agong. Beta berkeyakinan penuh bahawa sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan akan kekal di negara yang kita cintai ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Akhirkata, Beta berdoa ke hadrat Allah Subhanahu wa ta'ala semoga di anugerahkan taufik dan hidayah kepada Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

THE ENGLISH TRANSLATION IS AS FOLLOWS

In the name of Allah, Most Beneficent, Most Merciful.

Praise be to Allah, Lord of the Universe and may His Blessings and Peace be upon our Prophet Muhammad, his family and his companions.

Mr President, Mr Speaker, Honourable Members of the Dewan Negara and Honourable Members of the Dewan Rakyat.

I thank Almighty Allah for His blessings in enabling me to address this House in conjunction with the Official Opening of the Second Session of the Sixth Parliament today.

Since my last address to the Honourable Members in October 1982, our nation has continued to be peaceful and tranquil. The stability of our nation is a pride to us. It is a source of admiration to others. Although the world economic recession has an unfavourable impact on the performance of the nation's development and the livelihood of its people, by the Grace of Allah coupled with the wisdom of my Government and the people' resilience in facing challenges, the more adverse effects have been avoided.

My Government has set the goal for our nation to be peaceful, united, dignified and progressive. There is no easy way to achieve this goal and, hence there is need for us to determine new directions from time to time. The Government under the leadership of my beloved Prime Minister, Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad has continuously strived to introduce innovative policies. To ensure the success of these policies, we have to be positive in all our efforts.

The inculcation of noble values such as sincerity, diligence, dedication, responsibility, compassion and trustworthiness is important in achieving the declared goal of my Government to create a Clean, Efficient and Trustworthy administration. However, these values are meaningless unless they are put into practice. The concept of Leadership by Example is consistent with this goal. The adherence to these values by all members of the society must be accompanied by a positive attitude adopted by all members of the Government. This will result in a more efficient administration and provide for a better service to the people. Consequently the people will be able to lead a more prosperous life.

Esteemed values, such as moral purity and physical cleanliness, will enhance our well-being. While adhering to virtuous spiritual values, we must also emphasize the importance of physical cleanliness, be it personal or environmental. Indeed, cleanliness is an integral part of iman.

Honourable Members,

We thank Almighty Allah for His blessings, we have been able to sustain ourselves and avoid the more severe repercussion of the world economic recession. Last year the national economy continued to expand at a satisfactory pace due to the firm and appropriate economic and budgetary measures executed by my Government.

I am confident that with the current recovery of the world economy, our economy this year will continue to grow steadily. The prices of rubber, palm oil, cocoa and timber products have gradually improved. Increases in the prices of these commodities will lead to an expansion in the income of the people, particularly those of the farmers and the workers in the industrial sector. Nevertheless, we must continue to be vigilant in planning national expenditure. Prudence should be our way of life.

The Mid-Term Review of the Fourth Malaysia Plan will be tabled during this meeting. In the Review, a number of problems and constraints in some specific sectors has been identified. These problems and constraints high-lighted during the recent economic recession have effected the achievement of the socio-economic objectives of the Outline Perspective Plan. The solution to these problems requires new approaches in national development.

The National Agricultural Policy will provide the basis in the formulation of the strategies and programmes to revitalize the agricultural sector's contribution towards overall economic development. This is to be achieved by increasing the productivity and income of the farmers.

In the industrial sector, greater expansion of manufactured exports will be the new strategy for industrialization. In this regard large scale export of manufactured goods will be promoted. An Industrial Master Plan is being formulated. Studies on industrial policies and incentive system for manufacturing will be undertaken.

In urban and regional development, a national spatial plan will be formulated. This is aimed at reducing inter-regional disparities and to intensify development. The plan will use a development strategy which takes into account the development needs between states, and therefore will transcend state boundaries. A similar strategy will be adopted in providing government services and facilities to the people.

My Government will also focus on manpower planning with a view to increasing national productivity. Attention will also be given to the formulation of a new population policy.

In the implementation of these new approaches. I call upon the private sector to assume a more active role in national development. The concepts of Malaysia Incorporated and Privatisation will be emphasized. The co-operation between the public and the private sectors can be further strengthened through the concept of Malaysia Incorporated. Privatisation is to be implemented within the context of the New Economic Policy.

In order to enhance socio-economic development and to provide for a strong base for industrialisation, modern infrastructural facilities need to be provided and the existing ones to be improved and maintained. In this context, my Government will continue to build and improve roads, particularly highways and rural roads, ports, airports, transportation and telecommunication services. Water and electricity supply programmes will also be expanded.

Honourable Members,

Educational progress and cultural development are important means in attaining national unity. The educational and training system is formulated to prepare Malaysians to be actively involved in national development and to inculcate discipline, moral values and good work ethics. Efforts towards the development of national culture need to be further pursued and I call upon all Malaysians, especially the youths, to contribute positively towards this objective.

The youths of today, who will inherit the responsibility to lead the nation, need to acquire multi-faceted skills, the ability to think positively and also to act rationally. It is important for them to ensure that the existing spirit of unity is not undermined to the extent of causing racial polarisation in their activities. The pioneering spirit of our youths must continuously be nurtured and encouraged.

The participation of all levels of society, from school-going children to adults, in sports will always be encouraged. This is to ensure good health and to strengthen racial harmony. It is my hope that we improve our performance in sports at the international level.

We are deeply aware that material progress without spiritual development would render our existence incomplete. With this awareness, my Government has endeavoured towards instilling Islamic values in our administration system. These Islamic values such as purity, efficiency, trustworthiness, diligence, social justice and mutual respect, which in themselves are noble and universal, have been accepted by our plural society. I believe that the inculcation of these values in our daily lives will contribute to the well-being and solidarity of the nation.

Honourable Members,

We thank Almighty Allah for, with His Protection and with the untiring efforts of our Security Forces and the co-operation of the people, the security and tranquility of our nation has been maintained. Although we have achieved some success in our fight against dadah, we should not be contented. I would like to reiterate my call to all the people to continuously render their assistance, co-operation and support in combating the dadah menace and other enemies of the nation. I would like to record my highest appreciation to all members of the Security Forces for their meritorious service and their heroism in defending the nation's sovereignty and honour.

Our foreign policy is our forward defence to our national security. We emphasize friendship and co-operation amongst neighbours as well as through ASEAN. It is with great delight that we welcome the full independence of Brunei Darussalam. Its

entry into ASEAN will strengthen the solidarity among countries of this region. We are also determined to strengthen the Zone of Peace, Freedom and neutrality in our region. We shall persevere in our search for a political and peaceful solution to the Kampuchean question.

Cooperation with other nations, particularly among developing nations, will be intensified especially in the economic and technical fields. These steps are necessary because we realize that the Third World nations, many a time, have continued to suffer frequent disappointments in the quest for a fair and just world economic order through the North-South Dialogue. Bilateral relation and cooperations with individual countries and with international organisations will be further enhanced.

Malaysia is prepared to continue to play its part in contributing towards world peace. In promoting the cause of justice and the dignity of nations, we shall continue to contribute our efforts in finding a just solution to the crisis in West Asia, particularly in the struggle of the Palestinians. We totally condemn international terrorism, including politically inspired assassinations which have implications on international relations.

In this modern era, nations are inter-dependent and are required to foster stronger bond of friendship with one another. It is through such relationships that we have succeeded in attracting foreign investments and in gaining greater access to international markets for our exports. This success is made possible through the visits of Malaysia's leaders overseas and also of foreign leaders to Malaysia.

Honourable Members,

We can be proud of the level of progress which we have achieved since Independence. It has brought about peace and prosperity to the nation. Nevertheless, we should not be contented. Indeed, our struggle to create a peaceful, united dignified and developed nation is a continuous endeavour. If we are not vigilant, the sovereignty of our nation will be threatened. If we forsake mutual understanding and tolerance, we will breed disunity. If we shun hard work, we will be left behind.

Should we fail to carry out our common duties and responsibilities entrusted upon us, then we have to shoulder the blame from future generations. This we must never forget. It is with this awareness that I call upon all the people to work together with greater determination and diligence while performing our duties and responsibilities. The national interests based on nationalism must override any other interests. By the Grace of Allah and with the spirit of understanding and the maturity of all, no problems or challenges will remain unsolved or insurmountable.

I wish to take this opportunity to express my gratitude to my Government under the leadership of the Prime Minister, and to each and everyone for their loyalty to me during my reign as the Yang di-Pertuan Agong. I am fully convinced that the system of Parliamentary Democracy and Constitutional Monarchy will prevail forever in this beloved country of ours.

Honourable Members,

Finally, may Almighty Allah bestow His Blessings and Guidance on the Honourable Members of the Dewan Negara and the Dewan Rakyat in discharging the duties and responsibilities entrusted upon them.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong yang menjalankan tugas-tugas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenan mem-persetujukan Akta-akta yang telah di-luluskan oleh Parlimen dalam Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Kewangan 1983;
2. Akta Levi Kenderaan Barang-barang 1983;
3. Akta Manuver Tentera 1983;
4. Akta Perbekalan 1984;
5. Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1984;
6. Akta Lalulintas Jalan (Pindaan) 1984;
7. Akta Bank (Pindaan) 1984;
8. Akta Pinjaman Luar Negeri (Pindaan) 1984;
9. Akta Pejabat Pos (Pindaan) 1984;
10. Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1984;
11. Akta Bantuan Guaman (Pindaan) 1984;
12. Akta Pentadbiran Hukum Syarak (Pindaan) 1984;
13. Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1984;
14. Akta Angkatan Tentera (Pindaan) 1984;
15. Akta Rumah Judi Terbuka (Pindaan) 1984; dan
16. Akta Perlembagaan (Pindaan) 1984.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima

dua perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen yang lalu.

Saya jemput Setiausaha mem-bacakan Perutusan-perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“23hb Disember, 1983.

Tuan Yang Dipertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mem-persetujukan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Per-bekalan, 1984;
2. Rang Undang-undang Ke-wangan;
3. Rang Undang-undang Levi Kenderaan Barang-barang;
4. Rang Undang-undang Peng-ambilan Tanah (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Lala-lintas Jalan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Bank (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Pinjaman Luar Negeri (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Suruhan-jaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Pentad-biran Hukum Syarak (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Rahsia Rasmi (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Manuver Tentera;

14. Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan); dan
15. Rang Undang-undang Rumah Judi Terbuka (Pindaan).

Yang ikhlas,

t. t.

TUAN YANG DI-PERTUA
DEWAN NEGARA.”

“10hb Januari, 1984.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujui Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan).

Yang ikhlas,

t. t.

TUAN YANG DI-PERTUA
DEWAN NEGARA.”

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

MINYAK KELAPA SAWIT TEMPATAN—HARGA

1. **Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basari** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan permintaan daripada negara-negara manakah yang telah dinaikkan harga minyak kelapa sawit tempatan dan nyatakan sebab-sebabnya dan apakah harganya pada masa ini bagi satu tan metrik.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa keadaan permintaan seberang laut yang lebih baik ke atas minyak kelapa sawit Malaysia merupakan salah satu daripada faktor-faktor yang telah menyebabkan harga bahan tersebut melambung tinggi di pasaran tempatan dan eksport. Mengikut perangkaan rasmi terbaharu yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah eksport minyak kelapa sawit Malaysia bagi tempoh 10 bulan pertama tahun 1983 mencapai paras 2.596 juta tan metrik iaitu 275,567 tan metrik atau 11.9% lebih dari jumlah 2.321 juta tan metrik yang dieksport dalam tempoh yang sama pada tahun 1982. Perangkaan tersebut juga menunjukkan bahawa beberapa pasaran telah mencatatkan penambahan di dalam pembelian mereka seperti India, Pakistan, Russia, Belanda, Jepun, Amerika Syarikat, Korea Selatan, Australia dan Timur Tengah.

Di antara sebab-sebab utama yang telah menyumbang kepada peningkatan permintaan ke atas minyak kelapa sawit Malaysia adalah seperti berikut:

- (1) bertambahnya permintaan minyak kelapa sawit Malaysia di kalangan pengguna-pengguna sebagai minyak sayuran yang kompetitif, serba-boleh (versatile) dan yang mempunyai bidang penggunaan pemakanan dan perusahaan yang luas dan meningkat.
- (2) berkurangnya penawaran minyak dan lemak dunia sebanyak 2 juta tan metrik akibat kemerosotan pengeluaran kacang soya dan biji bunga matahari di Amerika Syarikat, kelapa di Filipina dan Indonesia, kacang tanah di Amerika Latin, “rapeseeds” di EEC dan juga pengurangan di dalam pengeluaran minyak kepala sawit di Malaysia sendiri.

- (3) meningkatnya keperluan import di kalangan negara-negara peng-import akibat faktor-faktor seperti pengurangan pengeluaran tempatan dan penambahan permintaan yang disebabkan oleh penambahan penduduk dan keupayaan membeli.
- (4) wujudnya keadaan harga minyak kepala sawit Malaysia yang lebih kompetitif berbanding dengan minyak dan lemak pesaing lain sejak bulan Januari 1983 sehingga bulan Oktober 1983.
- (5) bertambahnya penggunaan minyak kelapa sawit di India dan Pakistan hasil keputusan negara-negara tersebut meningkatkan penggunaan minyak kelapa sawit di dalam formulasi-formulasi bagi pembuatan vanaspati dan minyak makan sebagai minyak separa pejal minyak kelapa sawit adalah paling sesuai dari segi teknik dan kos untuk pembuatan vanaspati di negara-negara tersebut. Persiapan bagi pilihan raya umum dan kekuatiran terjadinya pencampuran lemak lembu di dalam pembuatan bahan-bahan minyak dan lemak telah mengukuhkan lagi permintaan ke atas minyak kelapa sawit di India. Di Pakistan pula, penggunaan minyak kelapa sawit sebagai pengganti kepada lemak binatang memberi jaminan kepada negara Islam itu dari kemungkinan berlakunya pencampuran lemak binatang yang tidak diinginkan di dalam pembuatan bahan-bahan minyak dan lemak.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan keadaan harga sekarang, keluaran-keluaran minyak kelapa sawit mentah kini diniagakan di paras M\$1,534.50 setan metrik.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan industri-industri memproses minyak kelapa sawit dan eksportnya sebagai hasil diproses supaya mendapat lebih keuntungan serta memberi peluang bekerja kepada orang tempatan.

Yang kedua, apa langkah yang akan dicadangkan untuk mengatasi tarif yang buruk yang ada di Jepun atas eksport minyak kelapa sawit Malaysia yang telah diproses.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam usaha Kerajaan untuk menentukan supaya minyak kelapa sawit yang kita hasilkan dalam negara kita sentiasa dieksport dalam bentuk proses, Kerajaan sebenarnya setakat ini telah berjaya melaksanakan dasar iaitu kita telah berjaya memproses sebanyak lebih kurang 97% daripada jumlah minyak kelapa sawit mentah di negara kita sendiri dan ini ialah kejayaan yang belum pernah dicapai dalam bidang komoditi-komoditi lain di negara kita dan untuk menjawab soalan yang kedua, untuk menentukan supaya kita tidak menghadapi masalah ketinggian tarif di negeri Jepun, kita sentiasa berusaha untuk mengadakan perundingan dan juga untuk mewujudkan perhubungan yang erat di antara negara kita dengan negara Jepun dan untuk menambah lagi persefahaman di antara kita bersama dan setakat ini kalau dibandingkan dengan tarif yang dikenakan oleh negara EEC, negara Jepun sebenarnya mengenakan tarif yang rendah terhadap minyak kelapa sawit yang dieksport dari negara kita. Misalnya kita menghadapi hanya 4% tarif pada mulanya ke negara Jepun dan ini telah pun berjaya diturunkan ke paras hanya 3% sahaja.

PEMBEKALAN BUKU TEKS KE SEKOLAH

2. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Pelajaran menerangkan:

- (a) berdasarkan angka-angka tahun-tahun 1981, 1982 dan 1983 berapa banyakkah perbelanjaan Kementerian ini membekalkan buku teks kepada pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah dan rendah; dan
- (b) adakah Kementerian ini sedar akan masalah yang dihadapi oleh ibubapa-ibubapa yang berpendapatan di atas garis yang membolehkan anak-anaknya mendapatkan bantuan buku teks, untuk mendapatkan buku berkenaan di pasaran-pasaran luar dan bagi mengatasi masalah ini adakah Kementerian ber-cadang untuk membekalkan buku-buku tersebut ke sekolah-sekolah bagi membolehkan ibubapa-ibubapa dalam kategori membelinya dari sekolah.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan Kementerian Pelajaran untuk membekalkan buku teks kepada pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah dan rendah bagi tahun 1981, 1982 dan 1983 adalah seperti berikut:

Tahun 1981: \$24,385,435.76

Tahun 1982: \$29,998,753.79

Tahun 1983: \$32,190,062.70

- (b) Di bawah Skim Pinjaman Buku Teks Kerajaan, pada keseluruhannya terdapat kira-kira 85% daripada jumlah murid yang layak menerima bantuan buku teks. Bakinya iaitu 15% lagi adalah tidak layak menerima bantuan kerana pendapatan ibubapa mereka melebihi garis/had kelayakan

yang membolehkan mereka mendapat bantuan dan terpaksa membeli buku-buku mereka di pasaran terbuka.

Kementerian Pelajaran memang sedar tentang betapa pentingnya bagi golongan ibubapa murid ini untuk mendapatkan buku berkenaan dan telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) Mengarahkan penerbit-penerbit supaya menyediakan/mencetak buku-buku yang mencukupi bagi keperluan Skim dan bukan Skim.
- (ii) Memberitahu penerbit-penerbit berkenaan mengenai anggaran bilangan buku yang mungkin akan dibeli oleh ibubapa sendiri bagi sesebuah sekolah yang tertentu. Cara ini akan membolehkan penerbit-penerbit membekalkan buku-buku mereka ke kedai-kedai buku yang berhampiran.
- (iii) Mengarahkan Guru-guru Besar di sekolah-sekolah memesan terus buku-buku yang diperakukan itu daripada penerbit-penerbit sendiri yang telah berjanji dan bersedia untuk membekalkan buku-buku mereka ke sekolah-sekolah.

Dengan langkah-langkah tersebut di atas, Kementerian Pelajaran tidak ber-cadang untuk membekalkan buku-buku tersebut ke sekolah-sekolah bagi membolehkan ibubapa dalam golongan ini membelinya dari sekolah.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan masalah bantuan buku-buku teks di sekolah-sekolah menengah ini, adakah Timbalan Menteri sedar bahawa ada juga ibubapa terutamanya peniaga-peniaga yang berpendapatan lebih daripada \$2,000 tetapi oleh kerana mereka itu berniaga, di dalam borang

pendapatan itu cuma \$500. Tetapi kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang pendapatannya tetap mereka tidak dapat mengelak daripada menyatakan pendapatan mereka walhal mereka itu mempunyai anak-anak yang ramai di sekolah.

Jadi, apakah langkah-langkah tertentu Kementerian ini bagi mengatasi supaya tidak berlaku lagi perkara-perkara yang mana orang yang berpendapatan lebih sepatutnya tidak dapat tetapi orang yang mempunyai hak tidak dapat.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, seboleh-bolehnya kita cuba memastikan penerangan ataupun maklumat yang kita terima khususnya mengenai pendapatan ibubapa itu tepat dan khususnya bagi mereka yang bukan bekerja dengan Kerajaan yang memang sukar untuk kita memastikan mengenai tahap pendapatan yang kita kenakan. Kita cuba minta pegawai-pegawai kita dan guru-guru sekolah, pegawai-pegawai daripada Pejabat pelajaran Daerah memastikan hal ini seboleh-bolehnya.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengubah garis had kelayakan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, hak kelayakan ibu bapa murid mendapat bantuan buku-buku teks? Misalnya, pada masa-masa yang lampau dan keadaan sekarang ini, kalau pendapatan ibubapa \$350 sebulan, semua anak-anak yang bersekolah layak mendapat bantuan buku-buku teks. Kemudian pendapatan \$500 sebulan, misalnya dua, tiga orang sahaja daripada anak yang bersekolah yang layak diberikan bantuan buku-buku teks. Oleh kerana kebanyakan ibu bapa pada masa ini yang bekerja bagi sektor awam dan mahupun sektor swasta pendapatan mereka rata-rata lebih kurang \$500 sebulan, maka ada di

antara anak-anak mereka yang tidak layak untuk mendapatkan bantuan buku teks sedangkan keadaan hidup mereka dewasa ini berdasarkan kepada keadaan kenaikan harga barangan dan yang seumpamanya begitu menyulitkan mereka membeli buku-buku teks tersebut.

Keduanya, adakah Kerajaan menyedari tentang berlakunya pembekalan buku-buku teks yang sudah lama dan sudah tidak di pakai lagi oleh sekolah tetapi masih lagi dibekalkan oleh pembekal-pembekal. Jika Kerajaan menyedari tentang atau berlakunya perkara ini apakah langkah-langkah yang positif diambil bagi memastikan perkara seumpama itu tidak berulang pada masa-masa yang datang?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan pertama, kita memang sedar bahawa kadang kalanya ujud beberapa masalah oleh kerana kita mengenakan had pendapatan tadi khususnya bagi ibu bapa yang mempunyai anak yang ramai. Dengan itu kita juga mengkaji sama ada masalah ini boleh diselesaikan. Bagi menjawab soalan kedua, sebenarnya kita tidak sedar terhadapnya pembekal-pembekal yang menghantar buku yang bukan lagi baru dan kemaskini kerana memang buku-buku dan arahan penghantaran buku-buku ini dibuat pada tiap-tiap tahun. Ada kemungkinan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi melibatkan buku-buku yang bukan menjadi buku teks tetapi buku-buku yang dijadikan sumber bagi perpustakaan bacaan dan sebagainya.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran telah menerangkan untuk mengatasi masalah ibu bapa yang mampu bagi mendapatkan bekalan buku-buku teks di sekolah-sekolah, Kerajaan telah

mengambil tiga langkah yang diterangkan tadi. Pertama sekali ialah mengarahkan supaya pengeluaran-pengeluaran buku dapat mencetak lebih banyak buku-buku teks. Yang kedua, iaitu memberikan bilangan berapa banyak buku yang diperlukan sama ada di bawah skim ataupun tidak di bawah skim. Yang ketiga, diminta Guru-guru Besar supaya membuat pesanan terus kepada pihak-pihak penerbit buku. Saya ingin tahu sejauh manakah kekesanan yang dapat dicapai bagi mengatasi masalah-masalah yang tersebut.

Kedua, adakah pihak Kementerian mendapat maklum balas daripada Guru-guru besar tentang bilangan kanak-kanak yang ibu bapanya mampu tetapi tidak mempunyai buku-buku teks di sekolah.

Dato Mohamed Khalil Yaakob: Tuan yang di-Pertua, dari segi kekesanan peraturan yang kita buat melalui arahan kepada penerbit-penerbit dan juga kepada Guru-guru Besar sekolah, saya ingin menyatakan bahawa kita berpuas hati dengan peraturan ini walaupun kita sedar kadang kalanya masalah ini timbul di peringkat pengedaran khususnya bagi sekolah-sekolah yang jauh dan berada di kawasan pedalaman.

Bagi menjawab soalan kedua, mengenai maklum balas sama ada daripada ibu bapa mengenai buku-buku, saya ingin menyatakan di sini bahawa kita memang berbuat demikian dan juga setakat ini segala maklumat itu adalah memuaskan.

**LAWATAN RASMI PERDANA
MENTERI KE AMERIKA
SYARIKAT/KANADA
PERANCHIS/SWITZERLAND—
HASIL**

3. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah lawatan beliau baru-baru ini

ke Amerika Syarikat, Kanada, Peranchis dan Switzerland telah membantu dalam membaiki hubungan perdagangan di antara banyak lagi pelaburan ke Malaysia dan apakah tindakan berikutnya akan diambil bagi memupuk hubungan-hubungan beliau dengan negara-negara yang berkenaan.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan 7 soalan-soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain kerana soalan-soalan tersebut adalah hampir sama. Soalan-soalan tersebut adalah dari Ahli-ahli Yang Berhormat seperti berikut:

- (1) Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar;
- (2) Ahli Yang Berhormat dari Bruas;
- (3) Ahli Yang Berhormat dari Ulu Rajang;
- (4) Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas;
- (5) Ahli Yang Berhormat dari Keluang;
- (6) Ahli Yang Berhormat dari Sandakan; dan
- (7) Ahli Yang Berhormat dari Tumpat.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah membuat lawatan rasmi ke Kanada, Amerika Syarikat, Peranchis dan Switzerland daripada 12hb hingga 27hb Januari, 1984 di atas jemputan Kerajaan-kerajaan yang berkenaan. Saya juga telah dijemput oleh banyak Kerajaan lain. Tetapi urusan dalam negeri tidak membenarkan saya membuat lawatan serentak ke semua negara yang sudi menjemput saya.

Semasa di negara-negara tersebut saya telah bertemu dengan Ketua-ketua Kerajaan, Menteri-menteri dan Pegawai-pegawai Tinggi di negara yang di lawati untuk bertukar-tukar pendapat mengenai soal-soal hubungan dua hala dan antarabangsa. Saya juga telah bertemu dengan ahli-ahli perniagaan dan usahawan-usahawan asing di semua negara yang dilawati. Tujuan utama lawatan saya ialah untuk mempertingkatkan kerjasama dan hubungan di antara Malaysia dengan negara-negara yang berkenaan terutamanya di dalam bidang-bidang perdagangan dan pelaburan. Di semua negara yang dilawati, saya telah menekankan tentang perlunya perdagangan di antara Malaysia dengan negara-negara tersebut diperseimbangkan. Pada masa ini eksport Malaysia ke negara-negara tersebut adalah kurang berbanding dengan import walaupun jumlah perdagangan pada keseluruhannya sudah meningkat.

Saya telah menerima reaksi yang positif dalam hal ini. Saya telah menjelaskan kepada Kerajaan-kerajaan yang berkenaan bahawa Malaysia sedang di dalam proses memperkembangkan lapangan industrinya untuk memperluaskan asas ekonomi negara. Dalam hubungan ini saya telah menyeru negara-negara tersebut supaya membuka pasaran mereka kepada hasil-hasil perindustrian Malaysia dan meneruskan pembelian barangan utama daripada Malaysia yang diperlukan oleh industri-industri mereka sendiri. Saya yakin bahawa persefahaman yang telah dicapai di antara saya dengan pemimpin-pemimpin negara yang berkenaan akan dapat memperbaiki hubungan perdagangan di antara Malaysia dan negara-negara tersebut yang mana akan menguntungkan kita.

Dari segi pelaburan pula saya telah menjelaskan kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan dan swasta di

negara-negara tersebut tentang dasar-dasar pelaburan Kerajaan kita akan iklim pelaburan di negara ini. Salah faham dan sakwasangka mereka terhadap Malaysia dan dasar-dasar Kerajaan telah dapat dikurangkan. Saya telah menjelaskan kepada pihak-pihak tersebut bahawa pelaburan asing di Malaysia akan tetap terjamin kerana Malaysia mengamalkan dasar terbuka terhadap pelaburan dan mempunyai keadaan politik yang stabil. Saya telah menyatakan bahawa perjanjian jaminan pelaburan dengan negara-negara asing boleh dipertimbangkan di mana sesuai.

Setakat ini tidaklah dapat diperhitungkan kesan jangka pendek lawatan saya itu terhadap perdagangan dan pelaburan. Walau bagaimanapun saya percaya bahawa lawatan saya itu telah membantu membuka mata pihak-pihak di negara yang dilawati terhadap kestabilan ekonomi dan peluang-peluang pelaburan di Malaysia. Insyaa Allah peningkatan hubungan di antara Malaysia dan negara-negara yang berkenaan di dalam kedua bidang ini boleh kita lihat dalam sedikit masa lagi. Saya yakin bahawa kehadiran ahli-ahli perniagaan Malaysia yang terkemuka di masa lawatan-lawatan saya itu akan mencetuskan pertalian yang lebih rapat di antara mereka dengan ahli-ahli perniagaan asing kita untuk kebaikan negara.

Saya juga telah diberi kepastian oleh pihak-pihak di Canada, Amerika Syarikat dan Perancis bahawa pelajar-pelajar Malaysia akan terus diterima di pusat-pusat pengajian tinggi di negara-negara tersebut.

Canada akan menimbangkan pengiktirafan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) oleh lebih banyak universiti-universiti negara tersebut. Perancis telah bersetuju meningkatkan kerjasama dalam bidang pengajaran yang mana urusan lanjut akan diselenggarakan oleh sebuah jawatankuasa

teknik bersama yang akan ditubuhkan sedikit masa lagi.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang perniagaan saya bertanya Yang Amat Berhormat sama ada beliau membangkit masalah perlindungan (protectionism) yang dikenakan oleh Kerajaan Perancis dan juga negara-negara lain terhadap negara kita. Dan sekiranya Yang Amat Berhormat telah membangkitkan perkara itu, suka saya mendapat tahu apakah reaksi yang diperolehi oleh beliau dan apakah yang dapat diputuskan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah membangkitkan masalah protectionism ini kepada Amerika Syarikat dan juga Perancis dan reaksi mereka ialah agak positif iaitu semua daripada mereka berpendapat bahawa protectionism ini adalah satu cara yang tidak menguntungkan mana-mana pihak. Namun demikian mereka menghadapi masalah kemasukan barangan luar yang terlalu banyak dan kemerosotan industri mereka sendiri dan mereka menyatakan bahawa mereka menerima tekanan daripada para industrialists mereka dan terpaksa mengadakan sedikit sebanyak protectionism.

Walau bagaimanapun, mereka memberi pengakuan bahawa seberapa yang boleh mereka akan mengurangkan tindakan protectionism ini di masa akan datang.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat membangkitkan soal dailog dan perhubungan di antara utara dan selatan yang telah pun dibangkitkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semalam. Adakah usaha Yang Amat Berhormat untuk memperkukuhkan atau mengubah sikap negara-negara utara dari segi dailog tersebut.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah perkara biasa yang kita bangkitkan setiap kali kita bercakap dengan negara daripada utara iaitu perlu diadakan dailog antara selatan dan utara dan dailog ini telah diadakan berkali-kali, bertahun-bertahun dan akan diteruskan bertahun-tahun lagi.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Dalam perjumpaan Yang Amat Berhormat dengan pelajar-pelajar kita di Canada, di Amerika dan juga di Perancis adakah Yang Amat Berhormat berjumpa dengan pelajar-pelajar yang agak militan dan dalam soalnya apakah soalan yang dikemukakan kepada Yang Amat Berhormat dalam tiga perjumpaan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak benarkan soalan itu. Soalan asal ialah bersangkutan paut dengan perdagangan dan negara-negara.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada jawab bukan sahaja soalan Yang Berhormat daripada Kuala Lumpur Bandar tetapi pun lain-lain Ahli Yang Berhormat termasuk satu soalan pada 20hb Mac, 1984 dari Yang Berhormat Dato' Haji Saidin bin Mat Piah mengenai hasil lawatan beliau ke negara-negara Canada, Amerika Syarikat dan Perancis dan tidak tertumpu sahaja kepada perdagangan.

Soalan saya, adakah pengalaman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila beliau melawat Perancis di mana ada pelajar-pelajar yang enggan berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Satu sebab-munasabah kenapa Kerajaan membuat keputusan untuk mengambil tindakan terhadap pelajar-pelajar di luar negeri yang mengkritik

Kerajaan, adakah ini di antara hasil daripada lawatan-lawatan baru yang ada dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya benarkan soalan itu (*Ketawa*).

Perdana Menteri: Benar atau tidak benar?

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan soalan itu sekarang (*Ketawa*).

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang pertama yang ingin saya jelaskan ialah Kerajaan tidak berhajat untuk mengambil tindakan terhadap pelajar-pelajar yang mengkritik Kerajaan kerana ini memang hak mereka mengkritik Kerajaan.

Apa yang dikesalkan oleh Kerajaan ialah tindakan pelajar-pelajar yang advocate menjatuhkan Kerajaan melalui revolusi dan kekerasan dan keduanya jenis pelajar-pelajar yang sengaja memburuk-burukkan nama negara sendiri dengan harapan bahawa dengan cara itu mereka akan dapat dipuji dan ditepuh belakangnya oleh orang asing. Orang yang semacam ini seharusnya tidak boleh dianggap sebagai duta kita ke luar negeri kerana pelajar-pelajar adalah duta kita ke luar negeri.

Berkenaan dengan tindakan yang dicadangkan ini bukanlah hasil daripada lawatan saya. Memang perkara ini dalam perhatian Kerajaan sekian lama tetapi keputusannya dibuat setelah saya balik. Mungkin Yang Berhormat itu yang kerap membuat tafsiran yang salah, membuat anggapan yang salah sekali lagi.

PENJARA—MENGHIAS HALAMAN/PINTU MASUK

5. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapakah beberapa buah

penjara yang baru dibina dihiaskan dengan indah di halaman-halaman dan pintu-pintu masuknya seolah-olah seperti tempat peranginan bagi banduan-banduan untuk menikmati dan adakah layanan seperti ini akan menggalakkan lebih ramai orang melakukan jenayah dan dihantar ke penjara-penjara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha Jabatan Penjara Malaysia menghias halaman dan pintu masuk sebuah institusi penjara adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mengindahkan bangunan-bangunan Kerajaan supaya menjadi kemas dan teratur. Langkah-langkah pengindahan ini adalah sesuai dengan matlamat pemulihan banduan iaitu untuk menjadikan mereka manusia yang berguna dan dapat diterima kembali oleh masyarakat. Suasana seperti ini adalah amat baik dan dalam hal ini banduan-banduan adalah digalakkan menggunakan bakat masing-masing dalam kegiatan yang sihat seperti mengindahkan institusi penjara tempat mereka ditahan. Anggapan yang menyatakan pengindahan ini akan mendorong lebih ramai orang melakukan jenayah adalah tidak benar.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya telah pergi ke penjara terutamanya Penjara Pudu pada akhir ini, walaupun di luar nampak cantik, di dalamnya keadaannya kurang daripada syurga. Dari segi bekalan makanan, dari segi kelebihan banduan-banduan di dalam satu-satu bilik terlalu banyak bilangannya. Dan dari segi rawatan adakah Kementerian yang berkenaan bercadang untuk memperbaiki keadaan buruk ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berasa senang hati dengan tohmah yang melulu sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi. Pihak kerajaan sama

sekali tidak akan membenarkan sesuatu yang tidak baik berlaku oleh sebab kita mempunyai objektif tertentu. Objektif kita ialah pemulihan bukan sekali-kali kita menganiaya sesiapa. Jadi saya suka nyatakan bahawa Kementerian mengkaji satu-persatu dari masa ke semasa. Tunggulah masanya. Kita tidak boleh melakukan dalam masa sekelip mata.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada langkah-langkah untuk mengindahkan dan menghias halaman dan pintu-pintu masuk penjara-penjara dan tempat tahanan, adakah langkah-langkah yang lebih mustahak diambil untuk membaiki kedudukan dalam penjara. Oleh kerana itu lebih mustahak daripada apa yang boleh dipandang daripada luar supaya objektif rehabilitation boleh dicapai.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya suka nyatakan sekali lagi bahawa matlamat kita pada hari ini ialah pemulihan dan dalam usaha-usaha menghiaskan penjara suka saya nyatakan bahawa banduan sebenarnya dilibatkan dengan berbagai vocation seumpama pertukangan kayu, pertukangan simen, membuat longkang, kerja cat-mengecat dan ini semua sekali pada hakikatnya meningkatkan pengalaman dan skill atau kepakaran banduan-banduan itu secara langsung. Di samping itu kita juga melatih mereka untuk melaksanakan tugas dengan sepenuh hati dan berdisiplin dan apakala perhiasan atau hiasan itu dilaksanakan dengan baik dan teratur, maka orang ramai akan memberi satu pandangan yang baik terhadap langkah-langkah yang diambil oleh banduan itu hasil daripada usaha Jabatan Penjara. Jadi tujuan kita ialah supaya rakyat mahu menerima banduan-banduan ini satu hari nanti kembali ke pangkuan masyarakat. Berhubung dengan soal membaiki keadaan sebagaimana saya kata

sekejap tadi, kita sentiasa berikhtiar untuk membaiki keadaan.

Sebagaimana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat iaitu katanya kesesakan berlaku di Penjara Pudu, sukacita dimaklumkan bahawa banduan wanita kita akan dipindahkan ke Kajang apabila Penjara Kajang siap tidak lama lagi.

PENGEKSPORTAN BARANGAN MALAYSIA SECARA LANGSUNG

6. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak mengeksport barang-barang dari negara kita Malaysia ke negara-negara seberang laut secara langsung dan tidak melalui pelabuhan di Singapura; jika ya, bila.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menyatakan bahawa Kerajaan memang mengambil beberapa langkah bagi menentukan bahawa barangan yang dieksport adalah secara langsung kepada pasaran-pasaran antarabangsa tertentu dan bukan melalui negara ketiga.

Langkah-langkah yang diambil untuk menentukan bahawa eksport perdagangan adalah secara langsung adalah seperti berikut:

- (i) Membesarkan, membaiki infrastruktur dan memperluaskan pelabuhan-pelabuhan dalam negara seperti di pelabuhan-pelabuhan di Pasir Gudang, Kuantan dan lain-lain pelabuhan dengan berbagai kemudahan dan peralatan. Ini akan mempertingkatkan prestasi perkhidmatan di pelabuhan-pelabuhan dan ini akan menarik minat pemilik-pemilik kapal untuk mendapatkan khidmat di tempat-tempat tersebut.

- (ii) Menggalakkan pembeli-pembeli daripada pasaran antarabangsa melawat dan mengadakan perbincangan dengan pengeksport dalam negara supaya mereka dapat memahami keupayaan industri negara termasuk infrastruktur yang menjadi tulang belakang ekonomi negara.
- (iii) Memperbaiki komunikasi yang ada seperti talian telefon dan teleks supaya hubungan yang cepat dan cekap dapat diadakan dengan pasaran-pasaran tertentu di luar negeri.
- (iv) Mengadakan perjanjian perkapalan yang bertujuan menentukan bahawa perdagangan dan perhubungan secara langsung akan diadakan di antara Malaysia dengan negara-negara tertentu terutamanya pasaran-pasaran untuk barang keluaran industri negara.
- (v) Langkah-langkah ini adalah dilaksanakan secara dasar jangka masa panjang untuk ekonomi negara.

ISU BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE—PENYIASATAN

7. **Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah hasil-hasil atau kejayaan-kejayaan yang telah diperolehi setakat ini mengenai penyiasatan ke atas isu Bumiputra Malaysia Finance (BMF).

15-3-84

13. **Tuan Karpal Singh** minta Menteri Kewangan menyatakan maklumat mengenai perkembangan-perkembangan dalam hal penyiasatan atas skandal pinjaman BMF, hingga hari ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang

di-Pertua, selain daripada soalan ini, ada satu soalan lagi yang lebih kurang sama maksudnya, yang datang daripada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong yang disenaraikan untuk dijawab pada 15-3-84. Dengan izin saya mohon menjawab kedua-dua soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat mungkin sedar bahawa Jawatankuasa Penyiasatan tiga orang yang telah dilantik dalam bulan Januari 1984 untuk menyiasat perihal isu BMF masih lagi menjalankan penyiasatannya. Seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, satu Kertas Putih akan dibentangkan di dalam Parlimen ini apabila penyiasatan yang di lakukan oleh Jawatankuasa Penyiasatan itu selesai nanti.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Kertas Putih ini yang ada disebut mengandungi laporan yang sepenuhnya daripada Jawatankuasa yang ditubuhkan atau ini akan mengandungi satu laporan yang akan menyunting (edit) laporan daripada Enquiry Committee itu.

Kedua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan kenapa skop siasatan ini terhad sahaja kepada pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh BMF kepada George Tan dan empire Carrian dan Eda Holding dan kecualikan si hutang ketiga yang terbesar dalam kumpulan ketiga-tiga itu ialah Kevin Tzu yang baru-baru ini pun ada menghadapi tindakan bankrapsi di Hong Kong? Oleh kerana perkembangan-perkembangan yang baru adalah Terms of Reference dengan izin, akan diluaskan untuk masuk siasatan terhadap pinjaman-pinjaman yang dibahagi kepada Kevin Yzu dan syarikat-syarikat lain yang berkenaan.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, Kertas Putih yang akan dibentangkan nanti akan mengandungi semua laporan yang akan dikemukakan oleh Jawatankuasa Penyiataan yang telah dilantik tanpa diberi editing oleh Kerajaan, selain daripada editing-editing yang hanya difikirkan perlu seperti perkara-perkara ejaan dan sebagainya.

Berkenaan dengan Terms of Reference yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi, sebenarnya Terms of Reference atau bidang kerja yang telah diberi kepada Jawatankuasa ini adalah difikirkan mencukupi untuk membuat penyiataan seperti yang dikehendaki.

Tuan Quah Wee Liam: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan adakah benar Jawatankuasa yang dilantik untuk menjalankan penyiataan mereka pada masa sekarang ada menghadapi ketidak kerjasama dari pihak berkuasa di Hong Kong dalam proses menjalankan tugas mereka? Adakah pihak Kerajaan mendapat maklum-balas berkenaan itu?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang kita tahu, Jawatankuasa ini tidak mengalami kesukaran-kesukaran menjalankan kerja-kerja yang telah diberi kepada ahli-ahli jawatankuasa.

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL—KAJIAN SEMULA

8. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Buruh menyatakan sama ada kajian semula mengenai Pertubuhan Keselamatan Sosial telah siap; jika ya, beri ciri-ciri utama akan perakuan-perakuan yang dibuat dan bilakah perakuan-perakuan tersebut akan dilaksanakan.

27. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Buruh menyatakan sama ada kajian semula ke atas Pertubuhan Keselamatan Sosial telah siap; jika ya, beri ciri-ciri utama pengkajian semula tersebut dan bilakah perakuan-perakuan berkenaan akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Buruh (Dato William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan No. 27 pada hari ini yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi memandangkan maksud kedua-dua pertanyaan itu adalah sama.

Tuan Yang di-Pertua, kajian semula Skim Keselamatan Sosial telah pun siap dijalankan dan perakuan-perakuan yang tertentu telah pun dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1984 yang mana akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada hari ini juga. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan dapat turut mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang pindaan itu nanti.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat boleh ambil bahagian dalam perbincangan undang-undang itu nanti.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu tanya satu perkara mengenai perkara yang dibahaskan. Dalam kajian ini yang akan dibentangkan dalam Dewan dan akan menjadi subjek perbincangan, adakah pihak Kerajaan mendapat pandangan-pandangan atau ada berunding dengan pihak-pihak pekerja-pekerja dan kesatuan-kesatuan sebelum finalise perakuan-perakuan ini.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, memang ada. Pada masa sekarang kami ada satu badan

yang dinamakan Labour Joint Council, dengan izin, di mana kedua-dua badan majikan dan pekerja-pekerja ada wakil di dalam sana.

PELAJAR MALAYSIA DI SEBERANG LAUT

9. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Jabatan Perdana Menteri kini akan bertanggungjawab secara langsung pada keseluruhannya ke atas pelajar-pelajar Malaysia di seberang laut termasuk mengambil tindakan terhadap pelajar-pelajar yang mengkritik pemimpin-pemimpin dan dasar-dasar Kerajaan, dan nyatakan bentuk tindakan dan cara penyeliaan tersebut akan dilaksanakan serta sama ada Kerajaan telah mengambil kira hakikat bahawa langkah-langkah seumpama itu terhadap pelajar-pelajar akan menjejaskan dengan teruknya reputasi dan taraf antarabangsa Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di Pertua, Jabatan Perdana Menteri tidak bertanggungjawab secara langsung ke atas pelajar-pelajar di seberang laut tetapi Jabatan Perdana Menteri menyelaras dan membantu agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dengan pelajar-pelajar di luar negeri. Penyelarasan ini dibuat melalui sebuah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu saya sendiri dan dianggotai oleh Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Menteri Penerangan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Timbalan Menteri Pelajaran, Timbalan Menteri Luar Negeri, Pengerusi MARA dan beberapa orang Pegawai Kanan dari Kementerian-kementerian berkaitan. Pada peringkat Kedutaan Besar atau Suruhanjaya Malaysia di luar negeri ada ditubuhkan juga sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Duta Besar atau Pesuruhjaya Malaysia.

Kegiatan pelajar-pelajar di seberang laut akan diawasi melalui set-up atau organisasi lain. Pelajar-pelajar adalah bebas memberi kritik membina dan kritikan-kritikan yang boleh memberi manfaat akan dipertimbangkan. Kerajaan tidak berhasrat untuk mengkongkong kegiatan-kegiatan sihat di kalangan pelajar-pelajar. Bagaimanapun, tindakan tegas akan diambil jika terdapat bukti-bukti yang cukup terhadap pelajar-pelajar yang menentang dasar-dasar Kerajaan itu.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Menteri yang berkenaan apakah tindakan tegas yang akan diambil. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan apakah tindakan itu supaya orang tidak salah faham.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, tindakan tegas itu adalah bersabit dengan ikatan kontrak yang telah dibuat antara Kerajaan dan pemegang biasiswa itu. Ada perbekalan-perbekalan yang secukupnya dalam kontrak itu untuk membolehkan tindakan diambil.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tak silap Yang Berhormat Menteri pun ada pernah kata bahawa tindakan akan diambil terhadap pelajar-pelajar pihak swasta. Kalau ada, apa tindakan yang boleh dikenakan terhadap mereka?

Kedua, kalau tindakan yang ada disebut yang akan diambil oleh Kerajaan ialah tertumpu kepada mereka yang boleh disifatkan sebagai militan yang mahu menjatuhkan Kerajaan secara revolusi, adakah begitu ramai pelajar-pelajar Malaysia kita di luar negeri di semua negara yang begitu bercenderung militan sehingga perlu sebuah jawatankuasa di Jabatan Perdana Menteri ditubuhkan untuk mengawal perkara ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, soalan bahagian pertama saya tidak ada membuat sebarang kenyataan yang menyatakan bahawa show cause ataupun tindakan itu akan diambil terhadap pelajar-pelajar swasta. Itu yang pertama.

Yang keduanya berhubung dengan jawatankuasa yang ditubuhkan itu. Jawatankuasa itu ditubuhkan bukan hanya saja kerana hendak mengambil tindakan terhadap pelajar-pelajar yang menentang Kerajaan, pelajar-pelajar yang militan sebagaimana yang telah ditakrifkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi, tetapi jawatankuasa itu lebih berfungsi dengan cara yang positif, iaitu berusaha ke arah menyebarkan maklumat-maklumat mengenai kegiatan-kegiatan dan usaha-usaha yang Kerajaan sedang jalankan dalam berbagai bidang pembangunan negara kita ini. Ia ada juga hubungannya dengan memerhatikan dan memberi bimbingan kepada pelajar-pelajar dalam hal-hal yang ada hubungan dengan kebajikan mereka dan masalah-masalah pelajaran yang dihadapi oleh pelajar-pelajar itu. Pendek kata, tugas jawatankuasa ini adalah paling tepat, lebih ada kaitan dengan memperbaiki komunikasi antara kita, Kerajaan di Malaysia ini, dengan pelajar-pelajar kita yang sedang belajar di luar negeri.

PASUKAN PETUGAS BANJIR

10. Tuan Ban Hon Keong minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan akan menubuhkan suatu Pasukan Petugas kebangsaan yang khas untuk mengkaji keadaan banjir di negara kita yang kian bertambah buruk terutamanya pada tahun ini oleh kerana keadaan cuaca yang buruk dan dalam mana pihak Kerajaan patutlah

bermula mengambil tindakan untuk memperbaiki sistem pengaliran air kita;

- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan di samping membekalkan tempat tinggal sementara dan makanan kepada mangsa-mangsa banjir di pusat-pusat pemindahan; dan
- (c) angka mangsa-mangsa yang maut dalam banjir yang baru berlaku.

Menteri Penerangan (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan telah pun menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Bantuan Bencana Alam di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah. Tugas utama Jawatankuasa ini ialah menyelaras langkah bantuan bagi kawasan-kawasan yang mungkin dilanda banjir termasuk langkah-langkah menyediakan pusat-pusat pemindahan, pengkalan hadapan, kemudahan pengangkutan, bekalan makanan dan lain-lain keperluan untuk membantu mangsa-mangsa banjir. Selain daripada itu, Kerajaan juga telah menubuhkan sebuah suruhanjaya tetap bagi mengawal banjir yang dipertanggungjawabkan merancang dan memperakukan langkah-langkah berbentuk structural jangka panjang seperti pembinaan empangan, penempatan sungai dan pembesaran monsoon drain di bandar-bandar. Memandangkan kepada langkah-langkah dan jentera-jentera yang telah sedia ada ini maka Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan sebuah Pasukan Petugas Kebangsaan khas yang lain.

- (b) Di samping membekalkan tempat tinggal sementara dan makanan kepada mangsa-mangsa banjir di pusat-pusat pemindahan, mereka juga diberi bantuan seperti buku-buku sekolah, pakaian, bantuan saraan sementara kepada keluarga, bantuan perkakas rumah serta dapur dan

bantuan untuk membaiki rumah. Bantuan juga diberi kepada pekedai-pekedai atau peniaga-peniaga kecil untuk membantu mereka meneruskan perniagaannya. Semua bantuan ini diberi tertakluk kepada penyiasatan yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri yang berkenaan. Tujuan Kerajaan mengambil langkah-langkah ini ialah untuk membantu pemulihan mangsa-mangsa banjir.

(c) Sejumlah 24 orang telah meninggal dunia akibat banjir semenjak musim tengkujuh yang lalu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan mempunyai bukti yang menunjukkan bahawa dengan adanya Empangan Kenyir di Ulu Terengganu maka banjir di negeri itu sudah kurang. Kalau begitu, adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan empangan serupa itu di Negeri Kelantan?

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan bahawa ada sebuah suruhanjaya yang telah dibentuk pada tahun 1971. Suruhanjaya ini masih lagi mengkaji dan sekarang telah ditugaskan sejak tahun 1980 berikutan dengan perubahan dan penyusunan semula Bahagian di Jabatan Perdana Menteri telah dipindahkan tanggungjawab itu kepada Kementerian Pertanian dan "terms of reference", tugas-tugas mengambil tindakan mengawal dan mengurangkan beberapa kejadian banjir dan sebagainya, bahkan beberapa kajian di Kelantan dari segi summary of progress on flood mitigation work and programme in Malaysia, dengan izin. Kelantan studies yang telah dibuat, Kelantan River Basin Study disempurnakan kajian ini pada tahun 1978 dan dari segi flood warning system telah diwujudkan telemetrics system for Kelantan River has been in operation in 1972, dengan

izin, Tuan Yang di-Pertua. Dan juga Mainworks in progress, construction of flood mitigation works for Sungai Kelantan and north Kelantan rural development project, dan propose Golok River basin study yang akan dimulakan pada tahun 1982, Study of flood mitigation works for Sungai Bagan and Sungai Sak progress. Ini adalah projek-projek yang dijalankan oleh suruhanjaya itu, termasuk Trengganu, Pahang dan sebagainya.

Dalam erti kata yang lain, Tuan Yang di-Pertua, empangan itu hanya sebagai satu kaedah, satu cara dan ada juga cara-cara yang lain seperti mewujudkan early warning system untuk membantu, bersedia untuk menghadapi keadaan-keadaan banjir tetapi dalam tahun ini agak keadaannya luar biasa.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Menteri yang berkenaan tadi telah memberi tahu bahawa pihak Kerajaan menyediakan berbagai bantuan untuk mangsa-mangsa banjir. saya ingin tahu di kawasan saya, kawasan Parlimen Bagan Datok telah dilanda banjir yang mengakibatkan pekebun-pekebun kecil yang menanam koko, koko-koko mereka telah mati akibat banjir ini dan telah mendatangkan kerugian berjuta-juta ringgit. Adakah Kerajaan bercadang untuk memberi gantian subsidi anak-anak koko kepada pekebun-pekebun kecil yang menerima mangsa banjir ini.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis untuk menyiasat perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa sebuah suruhanjaya ada ditubuh dalam tahun 1971 selepas banjir raksasa tahun itu. Adakah Suruhanjaya Banjir ini

bergiat apabila ada banjir atau kerjanya termasuk untuk anticipate dan untuk mengurangkan masalah banjir oleh kerana daripada banjir-banjir yang melanda beberapa buah negeri baru-baru ini termasuk negeri Melaka, negeri Yang Berhormat Menteri yang begitu serius, nampaknya Suruhanjaya tidak boleh menjalankan kerja dengan berkesan dan efektif. Apakah cara yang sebenarnya yang bekesan yang boleh mengatasi masalah banjir yang semakin teruk dalam negara kita.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha Suruhanjaya ini berbeza daripada Jawatankuasa Bantuan Bencana Alam yang dibentuk di bawah Majlis Keselamatan Negara yang mana saya pengerusinya. Suruhanjaya ini ialah hasil keputusan Jemaah Menteri pada 21hb, Disember 1971 telah mengumumkan mengenai perubahan Suruhanjaya Tetap Bagi Mencegah Banjir—this is prevention work. Penubuhan ini telah dilakukan memandangkan kerapnya berlaku banjir di negara ini terutama banjir besar di tahun 1967 dan 1971 yang telah mengakibatkan banyak kehilangan dan kemusnahan nyawa, harta benda, tanaman dan ternakan. Suruhanjaya ini ditubuhkan dengan diberi tugas untuk mengkaji langkah-langkah jangka pendek dan memperakukan langkah-langkah bagi jangka panjang untuk mengelakkan dari berlakunya banjir. Dan seperti saya katakan **tadi terms of referencenya** iaitu bidang tugasnya:

- (a) Mengambil tindakan mengawal dan mengurangkan kekerapan kejadian banjir,
- (b) Meminimumkan kesan banjir dan pendekatan yang diambil oleh Suruhanjaya ini termasuklah membesarkan keahlian Suruhanjaya dengan menjemput sektor swasta atau dari luar negeri, jika perlu,

- (c) Menjemput ahli-ahli lain secara ad-hoc,
- (d) Menggunakan semua kemungkinan sumber-sumber pengetahuan dan kepakaran termasuk penggunaan sains dan teknologi baru yang terdapat dari luar negeri untuk mengawal dan meminimumkan kerosakan harta benda, kehilangan nyawa dan sesungguhnya pada tiap-tiap tahun iaitu lebih kurang dalam bulan Oktober, Jawatankuasa ini mula menyelaraskan mesyuarat di peringkat nasional yang di jemput semua Jawatankuasa-jawatankuasa Bantuan Bencana Alam di peringkat Negeri untuk membuat persiapan-persiapan awal malangnya walaupun semua negeri dijemput tetapi kita tidak duga bahawa banjir pada tahun ini berleluasa dan berpanjangan kerana seperti yang telah diterangkan oleh Jabatan Kaji Cuaca ialah akibat daripada musim yang sudah berubah dengan extended ataupun musim sejuk yang berpanjangan yang telah mewujudkan high pressure areas yang telah mengakibatkan pembentukan low pressure areas di kawasan tropika dan akhirnya menyebabkan hujan yang berpanjangan.

Dari segi Suruhanjaya ini, Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha jangka panjang itu juga termasuk bagaimana untuk memeluaskan dan melicinkan lagi early warning system terhadap Jawatankuasa-jawatankuasa Bantuan Bencana Alam di semua peringkat mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi No. 11 hingga 35 adalah di bawah ini).

SEKOLAH MENENGAH TELUPID—PEMBINAAN

11. Tuan Hassan Alban bin Sandukong minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah sebabnya tidak dapat diteruskan pembinaan Sekolah Menengah Kerajaan Telupid di Sabah.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Sekolah Menengah Telupid di Sabah adalah salah satu daripada sekolah-sekolah yang terlibat dalam arahan agensi pusat bagi penangguhan perlaksanaannya dalam tahun 1983 akibat melesetan ekonomi. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun ini Kementerian Pelajaran telah pun mengambil tindakan untuk menyambung semula kerja-kerja yang tertangguh dan sekolah ini mungkin boleh dilaksanakan mengikut peruntukan tambahan yang diluluskan.

KURIKULUM KBSR— PENGENALAN

12. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan berikutan dari pengenalan (introduction) KBSR dengan sepenuhnya di semua sekolah rendah pada 1983, nampaknya kerajaan tidak berhenti dengan itu semata-mata dan sedang membuat kajian untuk mengadakan perubahan-perubahan yang besar di peringkat sekolah rendah dan menengah dalam hal kurikulum serta mata pelajaran-mata pelajaran yang baru yang boleh diperkenalkan di sekolah-sekolah itu; apakah hasil sebenar dari kajian itu dan apakah keputusan-keputusan yang sebenar-benarnya telah dibuat oleh kerajaan pada ketika ini.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sememangnya kajian kurikulum merupakan satu proses yang berterusan kerana ia meliputi berbagai peringkat termasuk peringkat perancangan, pembinaan, pelaksanaan dan

penilaian. Kajian-kajian yang dijalankan ada dua jenis iaitu kajian jangka pendek dan jangka panjang. Kajian jangka pendek pada sebahagian besarnya adalah untuk mengesan masalah, kekuatan dan kelemahan kurikulum yang sedang dilaksanakan. Oleh itu keputusan-keputusan yang diambil berdasarkan dapatan dari kajian-kajian seperti ini adalah mengenai langkah-langkah mengatasi masalah dan memperbaiki kelemahan atau kekurangan. Kajian jangka panjang pula adalah diperlukan untuk perancangan dan pembinaan. Hasil daripada kajian seperti inilah yang akan dijadikan asas untuk membuat keputusan mengenai perubahan kurikulum. Dengan kata-kata lain, kajian-kajian kurikulum bukanlah semuanya akan membawa kepada perubahan kurikulum.

Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kurikulum Baru Sekolah Rendah baru sahaja dilaksanakan pada tahun 1983. Dalam KBSR ini terdapat mata pelajaran baru, unsur baru dan nama baru. Yang sebenar-benarnya mata pelajaran baru ialah Pendidikan Moral untuk murid-murid bukan Islam. Unsur baru pula ialah Amalan Perdagangan yang menjadi sebahagian daripada mata pelajaran Matematik. Mata pelajaran Alam dan Manusia adalah nama baru bagi gabungan unsur dan mata pelajaran Sains dan Kajian Sosial. Kementerian Pelajaran sedang menjalankan percubaan untuk menentukan cara pelaksanaan satu lagi mata pelajaran baru iaitu Kemahiran Manipulatif.

Pada masa ini Kementerian Pelajaran masih lagi menjalankan kajian untuk merangka Kurikulum Baru Sekolah Menengah. Dalam kajian ini beberapa isu semasa sedang diteliti secara serius untuk ditentukan kedudukannya di dalam kurikulum baru yang akan dibina nanti. Isu-isu itu termasuklah Pendidikan Komputer, Pendidikan Pengguna, Pendidikan

Kependudukan dan lain-lain. Keputusan muktamad masih belum dibuat mengenai perkara ini.

PERSIDANGAN KEMUNCAK NEGARA-NEGARA ISLAM DI CASABLANCA

13. Tuan Mohd. Amin bin Haji Daud minta Menteri Luar Negeri menyatakan, baru-baru ini telah berlangsung Persidangan Kemuncak Negara-negara Islam di Casablanca. Berhubung dengan ini, YB Menteri Luar diminta menerangkan apakah peranan penting yang telah dimainkan oleh Malaysia dalam usaha mengembalikan perpaduan dan kerjasama negara-negara Islam yang kebelakangan ini nampaknya berkurangan, khususnya yang berkait dengan penyingkiran Mesir dari OIC, sengketa Iran-Iraq, pencerobohan dan pendudukan Rusia di Afghanistan, masalah di Lubnan, konflik Asia Barat, masalah Sahil dan lain-lain lagi.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Saya dengan sukacitanya ingin menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat wakil dari Pekan dan nampaknya soalan Ahli Yang Berhormat ini memerlukan saya memberi laporan yang luas mengenai apa yang berlaku serta hasil Sidang Kemuncak Ke 4 Ketua-ketua Negara/Kerajaan Islam yang berlangsung dari 16-20 Januari, di Casablanca, Morocco.

Apakah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam soalnya adalah mengenai asas perpaduan yang timbul dalam Sidang Kemuncak ini. Pendek kata, Sidang Kemuncak di Casablanca ini merupakan persidangan yang telah mencetus kembali perpaduan dan kerjasama antara negara-negara Islam. Segala perbincangan telah berlangsung dalam suasana yang jujur dan ikhlas dan ianya

memberi pengajaran yang penting yang menimbulkan persefahaman serta perlunya bertolak ansur dan saling memahami antara negara-negara Islam baik ianya negara-negara Arab mahupun negara-negara Islam lain di Afrika dan Asia mengikut prinsip-prinsip Islam.

Mengenai penyambungan semula peranan Mesir dalam OIC, ianya telah dibincang selama hampir tiga hari seluruhnya oleh kerana ianya perkara penting dan berkait rapat dengan masalah perpaduan Islam dan khususnya terhadap pembebasan Bandar Suci Baitul Maqdis dan penyelesaian soal Palestin. Lebih-lebih lagi OIC telah ditubuhkan antara lain untuk mencapai matlamat ini dimana pemimpin-pemimpin negara-negara Islam telah berikrar di Sidang Kemuncak yang Pertama di Rabat dahulu (iaitu selepas pencabulan Israel ke atas Bandar Suci Baitul Maqdis) tentang perlunya tindakan bersama serta penyatuan usaha-usaha untuk mencapai tujuan ini. Sebaliknya pula, jika Mesir terus disingkir dari OIC, ianya sudah tentu akan menggembarakan pihak Israel dan juga bertindak sesuka hati mereka. Disamping ini pula negara anggota OIC berpendapat bahawa Perjanjian Camp David telah ditolak oleh masyarakat antarabangsa termasuk Mesir dari segi bentuk, isi kandungannya.

Kita telah memainkan peranan yang penting di Sidang Kemuncak ini untuk mencapai tujuan ini supaya dengan sokongan negara-negara Islam yang lain Mesir dapat bertindak dengan lebih saksama ke arah sebarang usaha untuk mencapai penyelesaian masalah di Asia Barat. Dengan ini juga, Mesir akan menjadi lebih yakin untuk bertindak ke arah mencari penyelesaian terhadap masalah di Asia Barat dan sebaliknya pula, jika Mesir tidak mendapat sokongan ini, mungkin Amerika Syarikat tidak akan melaksanakan apa-apa usaha ke arah

ini dengan Mesir. Oleh itu, dalam rangka ini Mesir dapatlah memainkan peranan sebegitu rupa sebagai perantara atau jambatan antara Amerika Syarikat dengan masalah Palestin yang mana kita sepatutnyalah memberi sokongan serta dorongan ke arah tercapainya penyelesaian bersama-sama dengan Jordan dan Pengerusi PLO saudara Yasser Arafat yang tetap mendapat sokongan penuh dari rakyat Palestin. Jika usaha-usaha ini dibuat semata-mata oleh Jordan tanpa penglibatan Mesir, ianya tidak akan mempunyai "leverage" terhadap tercapai apa-apa perkembangan atau kemajuan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk menerangkan mengenai perbincangan saya dengan saudara Yasser Arafat semasa di Casablanca yang juga ada kaitan dengan peranan yang kita telah mainkan iaitu mengenai corak penyelesaian yang dapat diterima oleh Yasser Arafat. Pertama sekali beliau menyatakan keyakinan bahawa soal Palestin hanya dapat diselesaikan dengan secara politik dan ini memerlukan kerjasama serta sokongan semua negara-negara Islam. Keduanya, beliau dan pihak PLO 'terikat' (wedded) dengan ide-ide sebuah negara Palestin yang merdeka dan bersekutu dengan Jordan dan konfederasi ini tidak akan dan tidak boleh dilakukan tanpa penentuan nasib oleh mereka sendiri. Ketiganya saudara Yasser Arafat menyatakan perlunya penglibatan kuasa-kuasa besar atau sekurang-kurangnya negara-negara anggota tetap Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam mencapai penyelesaian ini. Beliau juga telah meminta sumbangan dan jasa baik Malaysia untuk menghubungi negara-negara sahabat Malaysia iaitu Britain, China dan Amerika Syarikat.

Pada akhirnya usul mengenai Mesir ini telah diterima dengan tiada satu

negara pun yang menentanginya. Ini merupakan satu petanda baik yang dicapai di Sidang Kemuncak kali ini bagi umat Islam selaras dengan perpaduan yang dicita-citakan semasa Sidang Kemuncak yang Pertama di Rabat dahulu.

Perlulah diingat bahawa masalah Lubnan tidak boleh diselesaikan secara berasingan kerana ianya adalah akibat dari soal Palestin yang masih belum selesai lagi. Oleh itu penyelesaian soal Palestin tidak mungkin tercapai dengan idea hendak mententeramkan dahulu (tranquilising) masalah di Lubnan. Dalam mencapai penyelesaian soal Palestin timbul masalah negara Israel. Tetapi dalam hal ini kita terpaksa menentukan kedudukan sempadan Israel iaitu sama ada Israel yang ditetapkan dalam tahun 1948, atau Israel 1963 ataupun negara Israel yang meliputi dari Sungai Nil ke Sungai Euphrates. Bagi negara-negara yang menghendaki pihak PLO mengiktiraf terlebih dahulu sebuah negara Israel tetapi dengan tidak menjelaskan sempadan Israel adalah tidak wajar dan mereka itu adalah tidak bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah ini. Oleh itu kita tidak dapat menghalang saudara Yasser Arafat untuk mengiktiraf Israel apabila Israel masih menduduki tanah air Palestin yang telah diputuskan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu dalam tahun 1947 melalui Resolusi 181 (II).

Dalam masalah pertikaian Iran/Iraq pula, Pengerusi Jawatankuasa Damai telah mengemukakan laporan yang objektif mengenai langkah-langkah serta usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Damai ini. Dalam hal ini persidangan telah mengambil keputusan untuk melanjutkan mandat Jawatankuasa ini dan menyeru kedua-dua pihak, Iran dan Iraq supaya memberhentikan peperangan dan mengadakan gencatan senjata. Keseluruhan pemimpin-pemimpin Islam merasa dukacita dan

menyesali bahawa peperangan Iran/Iraq ini berlanjutan. Dan sebagai pemimpin-pemimpin Islam mereka tidak membangkit soal siapa yang bersalah dan siapa yang benar, malah lebih penting lagi ialah peperangan itu sendiri adalah salah di sisi Islam. Bagi mereka apa yang perlu dilaksanakan adalah untuk memberhentikan peperangan ini dan rela melakukan apa saja yang perlu untuk mencapai tujuan ini. Apa yang perlu adalah supaya Iran dan Iraq memberi perhatian kepada seruan dan pertimbangan Jawatankuasa Damai Islam.

Masalah Afghanistan telah menjadi tumpuan utama Sidang Kemuncak di mana satu laporan lengkap telah diberikan oleh Presiden Zia Ul-Haq dari Pakistan yang menekankan bahawa di samping langkah yang diambil oleh Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, pihak Soviet Union masih tidak berganjak dari kedudukannya di Afghanistan. Pihak Mujahiddeen telah diberi peluang untuk menjelaskan kedudukan dan perjuangan mereka di mana mereka telah di tinds dengan berbagai cara yang kejam dengan penggunaan senjata termoden. Apa yang belum digunakan oleh Soviet Union adalah bom atom. Dalam menghadapi kekejaman Soviet Union ini dengan semangat berkobar-kobar, pihak Mujahiddeen menyeru negara-negara Islam agar membantu mereka bukan sahaja dengan sokongan moral dan diplomatik malah lebih dari itu mereka memerlukan sumbangan material bagi menghadapi tentera-tentera Soviet Union itu. Dalam hubungan ini, Sidang Kemuncak telah melahirkan dengan sebulat suara sokongan terhadap perjuangan Mujahiddeen dalam menentang pencerobohan Soviet Union dan juga menyambut baik langkah-langkah yang dibuat oleh Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu dalam mencari penyelesaian terhadap masalah ini. Sehubungan dengan ini juga, Sidang Kemuncak

menyanjung tinggi langkah-langkah Kerajaan Pakistan dalam memberi perlindungan sementara kepada pelarian Afghanistan.

Tentang masalah Sahel pula, kita telah menarik perhatian Sidang Kemuncak mengenai keadaan yang dihadapi oleh negara-negara Sahel yang sangat-sangat memalukan negara-negara Islam sendiri yang dengan mempunyai sumber-sumber kekayaan dan kemampuan tetapi malangnya usaha-usaha yang jitu tidak dapat dilaksanakan oleh negara-negara yang berkenaan bagi membantu rakyat Sahel. Keadaan negara-negara ini boleh disifatkan lebih buruk dari keadaan yang dialami pada tahun 1981.

Kita telah mengambil kesempatan untuk memberitahu Persidangan mengenai langkah-langkah yang telah kita ambil sebagai memenuhi tanggungjawab kita membantu negara-negara Sahel ini dengan memberi bantuan sebanyak 10,000 metrik ton beras dan bantuan-bantuan teknikal yang lain kepada Mali agar Mali dapat meningkatkan pengeluaran pertaniannya. Dalam hal ini kita telah menghantar ke Mali satu rombongan peringkat pegawai-pegawai kanan untuk mengkaji dengan lebih mendalam lagi kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan Kerajaan Mali mengenai bantuan yang akan kita berikan. Baru-baru ini juga Menteri Pertanian Mali telah melawat Malaysia selama seminggu. Pada masa ini kita sedang menimbangkan untuk menderma 10,000 metrik ton beras lagi kepada Mali.

Sidang Kemuncak, di antara lainnya telah menyeru negara-negara Islam yang lain supaya mencontohi langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia itu di samping menerima satu strategi yang baru supaya pihak swasta serta juga orang perseorangan terlibat sama dalam usaha-usaha membantu negara-negara Sahel ini dan juga menerima

cadangan agar kutipan zakat di negara-negara Islam digunakan untuk program-program dalam bantuan makanan kepada negara-negara Sahel.

Dalam penjelasan-penjelasan di atas tadi, adalah jelas kepada kita bahawa Sidang Kemuncak di Casablanca adalah merupakan satu kejayaan di mana semangat perpaduan Islam dapat dicetuskan dan ini telah menghasilkan satu harapan baru jika ditinjau dari keadaan yang tidak begitu terang di kalangan negara-negara Islam beberapa tahun yang lalu. Ini adalah satu petanda baik bagi masa hadapan umat Islam. Selaras dengan ini, Malaysia akan terus memainkan peranannya demi kepentingan umat Islam seluruhnya.

PERSIDANGAN MENTERI— MENTERI LUAR NEGERI ISLAM DI DAKKA

14. Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa Persidangan Tahunan ke 14 Menteri-Menteri Luar Negeri Islam di Dakka pada bulan Disember 1983 baru-baru ini gagal mencari penyelesaian berhubung perbalahan perang Iran/Iraq. Apakah pandangan atau usaha Kerajaan Malaysia dalam perkara ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat wakil dari Tumpat itu, sukacita saya maklumkan bahawa Persidangan Menteri-Menteri Luar Islam yang ke 14 Disember 1983 di Dakka, Bangladesh, ialah persidangan tahunan peringkat Menteri-Menteri Luar Negeri yang mempunyai agendanya yang tertentu.

Mengenai soal perang Iran/Iraq, Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Negeri hanya dapat merujukkan isu

tersebut kepada Sidang Kemuncak Negara-negara Islam dan bukannya untuk membuat apa-apa keputusan. Ini adalah kerana masalah perang Iran/Iraq telah dipertanggungjawabkan kepada Jawatankuasa Damai Islam oleh Sidang Kemuncak OIC yang ketiga yang telah diadakan di Riyadh, Saudi Arabia dalam tahun 1981 dahulu. Jawatankuasa Damai OIC ini adalah terdiri dari lapan Ketua-ketua Negara/Kerajaan OIC iaitu Guinea, Senegal, Gambia, Pakistan, Turkey, Bangladesh, PLO dan Malaysia.

Malaysia bersama-sama dengan ahli-ahli Jawatankuasa Damai OIC yang lain telah pun mengambil beberapa langkah yang tertentu untuk menjalankan tugas mereka dan akan terus berusaha mencari jalan untuk mencapai penyelesaian yang adil dan muktamat.

PERJANJIAN PERDAGANGAN

15. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan dengan negara-negara manakah Malaysia membuat perjanjian perdagangan yang manaimbangan perdagangannya menguntungkan negara-negara berkenaan dan apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi perkara ini.

Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Setakat ini, negara kita telah memeteri sebanyak 20 perjanjian perdagangan dengan negara-negara asing. Perjanjian-perjanjian perdagangan yang dimeteri adalah bertujuan untuk meningkatkan serta mengeratkan hubungan perdagangan dua hala dengan negara-negara berkenaan.

Berdasarkan angka-angka perdagangan bagi tahun 1982, dari 20 buah negara yang kita telah mempunyai perjanjian perdagangan, Malaysia telah mengalami kekurangan

perdagangan dengan 10 buah negara iaitu Jepun sebanyak \$1,526.9 juta, Republik Arab Bersatu (UAE) sebanyak \$805.7 juta, Rumania sebanyak \$6.3 juta, Poland sebanyak \$18.9 juta, Indonesia sebanyak \$71.9 juta, Libya sebanyak \$0.5 juta, Vietnam sebanyak \$3.7 juta, Republik Demokratik German sebanyak \$7.9 juta, Australia sebanyak \$792.4 juta dan New Zealand sebanyak \$151.8 juta.

Kerajaan khususnya Kementerian saya sentiasa memberi perhatian berat ke atas masalah ini. Tindakan-tindakan telah dan akan terus di ambil untuk memperbaiki ketidakseimbangan perdagangan yang kita alami itu. Ini termasuklah usaha-usaha menyusun dan mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti galakan eksport barang-barang Malaysia ke pasaran negara-negara berkenaan yang mana ianya melibatkan bahan-bahan utama dan barang-barang perkilangan siap dan separuh siap. Satu daripada kegiatan yang telah dan akan dilaksanakan ialah penghantaran rombongan perdagangan ke beberapa negara berkenaan.

Selain dari itu kegiatan galakan eksport melalui Pejabat Perwakilan Perdagangan Malaysia di seberang laut terutama di negara-negara yang mana Malaysia mengalami kekurangan imbalan perdagangan. Antara kegiatan yang diberi tumpuan ialah membuat kajian pasaran yang lebih luas ke atas barang-barang Malaysia dan maklumat-maklumat tersebut disebarkan kepada pengeluar dan pengeksport Malaysia.

Galakan eksport secara countertrade juga diperkenalkan untuk menambahkan eksport Malaysia ke negara-negara berkenaan, terutamanya dengan negara-negara yang menghadapi masalah pertukaran wang asing seperti negara-negara di Eropah Timur.

Perbincangan dua hala mengenai perdagangan di peringkat Kerajaan juga terus diadakan di mana pihak Malaysia seringkali menggesa negara-negara berkenaan menambah import mereka ke atas barang-barang Malaysia di samping mengatasi masalah-masalah dan halangan-halangan perdagangan yang ujud.

JUNIOR COLLEGES— PENUBUHAN

16. Datin Paduka Zaleha binti Ismail minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian bercadang akan menubuhkan Junior Colleges sebagai menampung pelajar-pelajar yang tidak dapat dihantar ke luar negeri dan sebagai langkah mengurangkan perbelanjaan menghantar pelajar-pelajar ke luar negeri.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Setakat ini Kerajaan belum ada rancangan menubuhkan Junior Colleges sebagai menampung pelajar-pelajar yang tidak dapat dihantar seberang laut. Bagaimanapun pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan untuk dihantar ke seberang laut dikehendaki terlebih dahulu mengikuti Kelas Persediaan di dalam negeri. Program Kelas Persediaan ini, selain daripada menjimatkan perbelanjaan, juga membolehkan Kerajaan memberikan persediaan yang lebih kukuh kepada pelajar-pelajar berkenaan.

DASAR PERINDUSTRIAN NASIONAL

17. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan keutamaan-keutamaan industri (industrial priorities) Kerajaan dalam Dasar Perindustrian Nasional dan bagaimana pelaburan-pelaburan sektor swasta dapat menolong untuk mencapai

dengan realistiknya keutamaan-keutamaan sebegini Kerajaan.

Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Dalam usaha-usaha untuk mempercepat pembangunan perindustrian pihak Kerajaan akan terus menggalak pertumbuhan industri-industri yang tertentu seperti industri-industri berasas sumber asli dimana Malaysia merupakan pengeluar yang terbesar bagi getah, kelapa sawit dan bijeh timah. Industri-industri yang berorientasi eksport adalah juga digalakkan bukan sahaja kerana saiz pasaran tempatan yang terhad bahkan akan dapat memperolehi pendapatan pertukaran asing bagi negara kita. Industri-industri berteknologi tinggi, industri-industri berat dan industri-industri kejuruteraan juga digalakkan. Pembangunan industri-industri tersebut akan mewujudkan kesan "spin-off" kepada lain-lain sektor dalam ekonomi serta mewujudkan industri sokongan dan sampingan yang diperlukan untuk mengukuhkan pembangunan sektor peindustrian. Industri-industri bersaiz kecil juga dititikberatkan memandangkan sumbangan yang berpotensi kepada ekonomi.

Sektor swasta memainkan peranan yang penting untuk mencapai objektif pembangunan negara. Sebenarnya kejayaan polisi-polisi kerajaan dalam sektor perindustrian adalah bergantung kepada penyertaan sektor swasta. Sektor swasta merupakan sumber penting untuk pelaburan, kemajuan teknologi dan kemahiran samada secara persendirian atau berusahasama dengan sektor awam. Dengan keutamaan seperti tersebut adalah diharapkan bahawa sektor swasta akan terus melabur dalam sektor-sektor yang telah dikenalpasti dan akan beri sumbangan bukan sahaja dalam bidang kewangan tetapi juga keperluan teknologi dan pasaran untuk memastikan kejayaan dalam industri-industri tersebut.

ISU ANTARTIKA

18. Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah perkembangan-perkembangan yang telah dicapai mengenai isu Antartika di mana Malaysia menjadi penganjur kepada isu ini. Apakah sambutan di kalangan antarabangsa mengenai isu ini dan adakah mendapat sokongan pada masa hadapan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Semenjak Perdana Menteri membangkitkan isu Antartika pada tahun 1982 kita telah berjaya untuk mendapatkan sokongan sebulat suara dari Persidangan Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali di New Delhi pada Mac 1983 supaya pertumbuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Sessi ke 38 mengambil langkah untuk mengadakan satu kajian yang menyeluruh mengenai benua Antartika dengan mengambil kira juga faktor-faktor yang berkaitan dengan tujuan untuk meluaskan kerjasama antarabangsa di kawasan tersebut.

Berikutan dengan kenyataan ini, Malaysia bersama-sama dengan Negara Antigua dan Barbuda telah berjaya untuk mendapatkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk bersetuju tanpa sebarang pengundian untuk memasukkan isu tersebut sebagai suatu pekara dalam Agenda Persidangan Ke 38 Pertubuhan tersebut. Selepas berunding dan usaha lobi-melobi yang intensif, sukacita saya maklumkan bahawa kita telah berjaya untuk mendapatkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menerima suatu Resolusi mengenai soal Antartika tanpa undi. Resolusi ini meminta Setiausaha Agong Bangsa-Bangsa Bersatu menyediakan suatu kajian yang menyeluruh, faktual dan objektif mengenai semua aspek Antartika.

Kejayaan kita bagi mendapatkan penerimaan tanpa undi Resolusi mengenai Antartika di Bangsa-Bangsa Bersatu sungguhpun menerima bantahan daripada negara-negara Pihak-pihak Perunding Tritis Antartika membuktikan bahawa masyarakat antarabangsa adalah bersependapat dengan kita bahawa isu ini haruslah dipertimbangkan sekarang.

PEPERIKSAAN STPM— KEBOCORAN

19. Tuan Quah Wee Lian minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada siasatan dalam kebocoran beberapa kertas peperiksaan STPM 1983 telah diselesaikan oleh semua pihak. Jika sudah, apakah keputusan-keputusannya dan apakah tindakan-tindakan akan diambil.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Siasatan dalam kes kebocoran kertas-kertas soalan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia 1983 masih belum lagi selesai. Pihak Polis sedang meneruskan penyiasatan tentang kes tersebut.

Di samping itu Majlis Peperiksaan Malaysia juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa untuk mengkaji kebocoran ini. Tugas Jawatankuasa ini adalah untuk menyiasat sebab-sebab kebocoran di samping membuat perakuan untuk menjamin tidak berulang lagi peristiwa seumpama ini.

Pada peringkat ini Kementerian saya belum lagi dapat mengumumkan langkah-langkah yang akan diambil untuk mencegah kebocoran kerana penyiasatan Polis belum selesai dan Jawatankuasa yang mengkaji kebocoran sedang menyiapkan laporan.

GURU-GURU MELETAKKAN JAWATAN

20. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa bilangan guru-guru dalam Kategori D1 dan C2 yang meletakkan jawatannya masing-masing sebelum mencapai umur bersara secara pilihan (sukarela). Apakah sebab utama mereka meletakkan jawatan itu dan apakah langkah Kerajaan untuk menambah peluang kenaikan pangkat bagi guru, khususnya bagi guru-guru berijazah jika dibandingkan dengan Pegawai Tadbir dan Diplomatik, mereka lambat dinaikkan pangkat walau pun telah berkhidmat lebih daripada 7 tahun.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran yang meletakkan jawatan sebelum mencapai umur bersara secara pilihan atau sukarela bagi tempoh 1982 sehingga 1983 dalam Kategori D1 dan C2 adalah seperti berikut:

Tahun	Kategori	Bilangan Guru Yang Meletakkan Jawatan		Jumlah
		Kat. D1	Kat. C2	
1979	38	62	90
1980	54	96	150
1981	82	135	217
1982	81	171	252
1983	70	183	253

Perletakan jawatan mereka adalah di atas sebab-sebab seperti dibawah ini:

- 50% — Tidak memberi sebab.
- 10% — Mendapat kerja lain atau membuka syarikat perniagaan sendiri.
- 10% — Mengikut suami ke luar negeri.
- 10% — Melanjutkan pelajaran (dalam dan luar negeri).
- 10% — Lain-lain sebab antaranya:
 - hilang minat.
 - berhijrah ke luar negeri.

Kementerian Pelajaran memang sentiasa berusaha untuk memperbaiki kedudukan guru-guru dalam semua kategori termasuk guru berijazah dengan mengadakan peluang-peluang kenaikan pangkat bagi mereka. Langkah-langkah untuk memberi peluang kenaikan pangkat telah pun dan sedang diambil oleh Kementerian. Di antaranya ialah:

- (i) Mengkaji dari masa ke semasa organisasi Jabatan-jabatan serta Bahagian-bahagian di bawah Kementerian Pelajaran bertujuan untuk menambahkan jawatan-jawatan naik pangkat sepertimana yang telah dilakukan semasa urusan penyusunan semula Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah belum lama dahulu.
- (ii) Mengujudkan jawatan-jawatan naik pangkat semasa Pemeriksaan Anggaran Balanjawan Tahunan terutamanya melalui proses pengredan sekolah pada tiap-tiap tahun.
- (iii) Kementerian Pelajaran juga sedang mengkaji masalah-masalah berkaitan dengan Skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pelajaran bertujuan untuk mengemas dan memperbaiki lagi kedudukan

Pegawai Perkhidmatan Pelajaran secara keseluruhan.

LEBUHRAYA SEREMBAN— PORT DICKSON

21. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Kementerian beliau mempunyai rancangan untuk membina lebuh raya dua hala antara Seremban—Port Dickson memandangkan lebuh raya yang ada sekarang ini tidak lagi sesuai dengan tambahan trafik dan pembangunan Port Dickson sebagai Pusat Pelancongan dan Perkelahan Utama.

Dato' S. Samy Vellu: Kementerian saya mempunyai rancangan untuk meninggikan taraf jalan raya antara Seremban—Port Dickson itu. Malahan kerja-kerja rekabentuk dan penyediaan dokumen-dokumen kontrak bagi maksud ini antara sebahagian dari jalan tersebut telah selesai dibuat. Tetapi oleh kerana keadaan ekonomi belum mengizinkan maka perlaksanaannya terpaksa ditangguhkan.

PINJAMAN LUAR NEGERI MALAYSIA

22. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan taraf negara Malaysia sebagai peminjam luar negeri di rantau Asia Pasifik. Walau pun pinjaman-pinjaman luar negeri adalah diperlukan, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengurangkan pergantungan negara kita ke atas pinjaman-pinjaman ini, terutama sekali pinjaman-pinjaman pasaran luaran (external market loans).

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Malaysia mempunyai kedudukan kredit yang agak tinggi sebagai peminjam dirantau Asia Pasifik. Ini adalah menjadi kenyataan kerana Malaysia tidak mempunyai sebarang

kesulitan di dalam mendapatkan pinjaman-pinjaman luar negeri dari pasaran kewangan antarabangsa, disamping memperolehi tawaran dan syarat-syarat pinjaman yang menarik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mendapatkan pinjaman luar negeri terutamanya pinjaman pasaran (external market loans) hanya apabila pinjaman daripada sumber tempatan tidak mencukupi untuk menampung keperluan kewangan Kerajaan dalam membiayai projek-projek pembangunan negara. Bagaimanapun sumber tempatan ini adalah terhad untuk memenuhi keperluan kewangan Kerajaan sepenuhnya dan Kerajaan perlu pula mengambil kira keperluan pinjaman oleh sektor swasta semoga pasaran kewangan dalam negeri tidak terjejas. Dalam pada itu, Kerajaan sentiasa berhati-hati dalam membuat pinjamannya daripada luar negeri agar tidak menimbulkan keadaan yang kurang baik terhadap kedudukan kredit dikalangan pasaran antarabangsa.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah positif untuk mengurangkan pergantungan negara kita ke atas pinjaman-pinjaman luar negeri. Kerajaan telahpun mengkaji semula aktiviti dan program yang sedang dilaksanakan dimana projek-projek yang produktif sahaja akan diluluskan. Langkah ini akan terus dilaksanakan sehinggalah kedudukan ekonomi pulih semula.

MURID-MURID DI SEKOLAH RENDAH CINA

23. **Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan murid yang memasuki darjah satu di sekolah-sekolah rendah Cina tahun ini dan sama ada bilangan ini adalah kurang berbanding dengan tahun lalu.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Pada masa ini angka-angka yang sebenarnya bilangan murid yang memasuki darjah satu tahun 1984 bagi Sekolah Rendah Cina di Sabah dan Sarawak masih lagi belum diterima sepenuhnya. Walau bagaimanapun, bilangan murid darjah satu tahun 1984 di Sekolah Rendah Cina di Semenanjung Malaysia ialah 83,025 berbanding dengan 89,455 bagi tahun 1983.

AIRBUS—PENYIASATAN KEMALANGAN

24. **Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Pengangkutan mendedahkan sebab-sebab yang menyebabkan hempasan kapal terbang Airbus berhampiran dengan Lapangan Terbang Subang pada subuh 17-12-83 dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementeriannya sebagai satu perkara biasa untuk memastikan keselamatan perjalanan udara di kedua-dua sektor dalam negeri dan antarabangsa.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Pada masa ini pasukan penyiasatan masih lagi menjalankan kerja-kerja siasatan ke atas kemalangan pesawat Airbus yang berlaku itu. Oleh yang demikian sebab-sebab kemalangan belumlah lagi diketahui.

Keselamatan penerbangan adalah sentiasa diberi keutamaan oleh Kementerian saya. Di antara langkah-langkah yang diambil untuk memastikan keselamatan penerbangan ialah menentukan juruterbang-juruterbang diberi latihan yang cukup dan mempunyai kelayakan serta pengalaman yang sesuai, semua alat kelengkapan panduarah dan kemudahan-kemudahan lain diperiksa dan pesawat-pesawat juga ditentukan berada dalam keadaan yang baik.

Berbagai langkah-langkah diambil untuk menentukan keselamatan

penerbangan; juruterbang-juruterbang MAS adalah dikehendaki menjalani pemeriksaan "proficiency" pada tiap-tiap enam bulan. Di Lapangan Terbang pula Alat-alat ILS perlu diuji dan menjalani kaliberasi (calibration) sekurang-kurangnya pada tiap-tiap 90 hari, manakala alat-alat VOR perlu diperiksa pada tiap-tiap 6 bulan.

Di samping itu, sebelum sesuatu penerbangan dibuat, pesawat tersebut diperiksa dan disahkan selamat oleh jurutera-jurutera MAS. Pesawat-pesawat juga perlu menjalani "general maintenance" mengikut jadual yang diluluskan oleh Jabatan Penerbangan Awam dan pengawasan yang berterusan dibuat MAS dan Jabatan Penerbangan Awam.

Bagi pesawat-pesawat yang didaftarkan di Malaysia, pesawat-pesawat perlu mendapat sijil "Airworthiness" daripada Jabatan Penerbangan Awam dan sijil ini diperbaharui pada tiap-tiap tahun. Hanya pesawat-pesawat yang selamat dan diselenggara dengan baik sahaja akan dapat membaharui sijil "Airworthiness"nya.

MEMODENKAN KERETAPI

25. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pengangkutan memberi butir-butir mengenai rancangan untuk memodenkan keretapi sama ada cadangan-cadangan tertentu untuk trak kembar (dual tracks) dan "electrification" sudahpun siap, dan jika ya, bilakah ianya akan diperkenalkan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Seremban, di antara rancangan-rancangan untuk memodenkan keretapi ialah:

1. KTM telah menggantikan lokomotif yang usang dengan penerimaan 15 buah lokomotif baru.

2. Pesanan-pesanan telah dibuat bagi 50 buah koc baru dengan Malaysian Shipyard Engineering. Sehingga sekarang sebanyak 24 buah koc telah diterima. Baki koc ini dijangka akan diterima sebelum akhir tahun ini.
3. Penyelenggaraan landasan juga sedang dikemaskinikan dengan pembelian jentera-jentera baru yang mana akan menggantikan tenaga manusia dan dengan demikian dapat mengurangkan buruh ke suatu tahap tertentu.
4. Pemodenan sistem persembayan dan perhubungan
5. Pembaharuan landasan-landasan untuk cawangan Pantai Timur dan Negeri Kedah. Adalah dimaklumkan bahawa tawaran tender telah diberi kepada sebuah syarikat usahasama di antara syarikat tempatan dengan Syarikat John Holland dari Australia untuk membaiki landasan keretapi dari Merapuh ke Kuala Krau.

Cadangan-cadangan tertentu untuk trak kembar dan "electrification" masih dalam kajian. Laporan Pelan Induk Pembangunan Keretapi telah pun diserahkan kepada Unit Perancang Ekonomi pada akhir tahun 1983 dan pihak Japan International Cooperation Agency (JICA) sedang menjalankan kajian kemungkinan selanjutnya dan akan mengemukakan laporan itu pada hujung 1985.

(Soalan No. 26 dijawab sama dengan Soalan No. 3).

(Soalan No. 27 dijawab sama dengan Soalan No. 8).

PERLINDUNGAN KEPADA PEKERJA

28. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Buruh menyatakan sama ada

Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Pekerjaan 1955, supaya mereka yang berpendapatan lebih dari \$750/-sebulan juga mendapat perlindungan dari Akta tersebut.

Datok Mak Hon Kam: Akta Kerja 1955 memberi perlindungan kepada semua pekerja yang digajikan dalam kerja buruh kasar tanpa mengambil kira pendapatan bulanan mereka. Tetapi, bagi pekerja-pekerja yang lain, peruntukan-peruntukan dalam Akta tersebut hanya terpakai bagi mereka-mereka yang bergaji \$750/ sebulan dan ke bawah.

Walau bagaimanapun, Kerajaan senantiasa meneliti undang-undang perburuhan yang diamalkan dalam negara ini supaya sesuai dengan keadaan semasa.

BAHASA MALAYSIA DI MAHKAMAH

29. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan adakah cadangan untuk menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar dalam semua mahkamah di seluruh negara.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Setakat ini belum lagi ditetapkan satu tarikh untuk penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar dalam semua mahkamah di seluruh negara. Walau bagaimanapun, tindakan tertentu sedang dan akan diambil untuk memperluaskan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar di mahkamah-mahkamah. Antaranya, Kerajaan telah meluluskan penubuhan Biro Terjemahan di Jabatan Kehakiman di mana di antara lain Biro ini ditugaskan untuk menterjemahkan alasan penghakiman ke dalam Bahasa Malaysia.

TANAH TERBIAR DI KAMPUNG TRADISIONAL

30. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah perancangan dan pelaksanaan yang telah dijalankan setakat ini bagi menggunakan tanah-tanah terbiar yang berselerak di kampung-kampung tradisional. Sejauh manakah kejayaan dalam perlaksanaannya.

Datok Rais Yatim: Dua buah agensi di bawah Kementerian saya iaitu FELCRA dan RISDA, telahpun merancang dan mengambil beberapa langkah dalam usaha menggunakan tanah-tanah terbiar di kampung-kampung tradisional.

Sehingga kini Kementerian saya telah mengenal pasti kawasan seluas kira-kira 569,132 hektar tanah terbiar yang berpotensi untuk dimajukan melibatkan 2,274 buah kampung di seluruh negara. Kawasan-kawasan tanah terbiar yang disebutkan itu adalah merangkumi kawasan-kawasan yang berselerak di kampung-kampung tradisional sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Usaha memulihkan tanah-tanah ini akan di jalankan secara berperingkat-peringkat dan dijangkakan kesemua tanah-tanah tersebut akan dapat dipulihkan pada tahun 1955, iaitu kira-kira 11 tahun dari sekarang.

FELCRA merupakan agensi utama Kementerian saya yang dipertanggungjawabkan untuk memulihkan tanah terbiar ini yang mana telah bermula pada tahun 1983. Program pemulihan utama yang dilaksanakan oleh agensi tersebut ialah secara Pertanian Berkoperatif.

Melalui cara ini pemilik-pemilik tanah akan menjadi pemegang saham berdasarkan saiz tanah atau hakmilik

mereka dalam tanah tersebut. Pemilik-pemilik tanah akan diambil bekerja dengan dibayar gaji berdasarkan hari bekerja. Setakat ini agensi itu telah memajukan kira-kira 24,000 hektar kawasan tanah pemulihan di seluruh negara termasuk 4,083 hektar tanah-tanah yang berselerak di kampung-kampung tradisional. Bagi program tahun 1984, FELCRA telah merancang untuk memulihkan kawasan seluas 20,270 hektar lagi termasuk 2,193 hektar tanah terbiar di kampung-kampung tradisional.

Sementara itu, RISDA juga turut terlibat dalam usaha memulih atau menggunakan tanah-tanah terbiar ini. Bagaimanapun agensi ini lebih menumpukan kepada tanah-tanah yang sedia ada ditanam getah tetapi tidak dimajukan disebabkan pokok-pokok getah sudah tua atau tidak subur. Program pemulihan yang dilaksanakan oleh RISDA adalah termasuk dalam program Mini Estet dan Rancangan Tanam Semula Biasa. Dalam program Mini Estet tanah-tanah kosong yang tersempit akan dimajukan bersama dengan tanah-tanah lain di sekelilingnya. Konsep Mini Estet secara umumnya hampir sama dengan konsep Pertanian Berkoperatif FELCRA sepertimana yang saya telah diterangkan tadi.

KELAS TAMAN BIMBINGAN KANAK-KANAK—KEMAS

31. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau sedar, bahawa sambutan rakyat, khususnya luar bandar terhadap Kelas-kelas Taman Bimbingan Kanak-kanak (TBK) di bawah kelolaan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) adalah sungguh menggalakkan. Dan adakah beliau juga sedar, bahawa masih banyak kawasan atau kampung yang masih tidak mempunyai T.B.K.

ini. Jika sedar, adakah beliau bercadang untuk melatih lebih ramai lagi guru-guru untuk menampung kekurangan tersebut. Jika ya, berapa ramaikah jumlah Guru-guru T.B.K. yang akan dihantar untuk latihan dalam tahun 1984 ini.

Datuk Sanusi Junid: Kementerian saya sedar bahawa sambutan rakyat, khususnya di luar bandar terhadap Taman Bimbingan Kanak-kanak (TBK) di bawah Kelolaan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) adalah sungguh menggalakkan. Kementerian saya juga menyedari bahawa masih terdapat kampung-kampung atau kawasan yang tidak mempunyai TBK. Suka saya jelaskan di sini bahawa pembukaan Kelas-kelas TBK KEMAS adalah berdasarkan kepada permohonan yang diterima daripada Masyarakat tempatan. Bagaimanapun oleh kerana permohonan yang diterima adalah melebihi daripada kemampuan KEMAS, maka tidak semua permohonan itu dapat dipenuhi. Daripada 1,200 permohonan yang diterima cuma lebih kurang 400 sahaja yang dapat dipenuhi oleh KEMAS. Kementerian saya menyedari akan masalah ini dan berharap dengan siapnya beberapa pusat latihan yang baru yang telah dirangkaan, masalah ini akan dapat diatasi. Walau bagaimanapun sepanjang tahun 1984 KEMAS akan hanya melatih seramai 278 orang guru-guru TBK sahaja. Ini disebabkan oleh keadaan ekonomi negara masa ini. Apabila keadaan Ekonomi Negara pulih dan peruntukan yang lebih besar dapat diadakan dan dengan adanya pusat-pusat Latihan yang disediakan maka lebih banyak Kelas-kelas TBK akan dapat dibuka.

AGENSI PEKERJAAN SWASTA—PENGAMBILAN

32. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Buruh menyatakan sama ada

pihak Kementerian sedar bahawa Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981, yang memberi galakan serta peluang kepada Rakyat Tempatan untuk berfungsi sebagai Agensi Pekerjaan Swasta, kini sedang menghadapi ancaman:

- (a) adakah pihak Kerajaan sedar bahawa ada sebilangan rakyat asing mengambil terus pekerja-pekerja tempatan dengan cara mereka sendiri tanpa melalui sebarang Agensi Pekerjaan Swasta tempatan yang berlesen; dan
- (b) adakah Kerajaan sedar bahawa ada sebilangan Agensi-agensi Pekerjaan yang tidak berlesen tetapi telah memuatkan Iklan-iklan pekerjaan melalui akhbar-akhbar tempatan dan tanpa usul periksa akhbar tersebut telah memuatkan iklan-iklan yang diberikan kepada mereka.

Dato Mak Hon Kam:

- (a) Kementerian saya sedar ada amalan mengambil pekerja-pekerja tidak melalui agensi-agensi pekerjaan swasta. Tetapi pengambilan-pengambilan ini adalah untuk kegunaan sendiri dan tidak melanggar Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981.
- (b) Iklan-iklan jawatan kosong yang disiarkan dalam akhbar-akhbar adalah dari dua kategori. Satu adalah yang dikeluarkan oleh Agensi-agensi Pekerjaan Swasta untuk mendapat pekerja-pekerja untuk kegunaan orang lain dan yang satu lagi ialah dikeluarkan oleh mereka untuk mendapat pekerja-pekerja untuk kegunaan sendiri.

Bagi mereka yang mengambil pekerja-pekerja untuk orang lain mereka perlu dilesenkan di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981. Mereka yang mengambil pekerja-pekerja untuk kegunaan sendiri tidak

perlu dilesenkan. Walau bagaimanapun Kementerian saya sentiasa mengikuti semua iklan-iklan yang disiarkan di akhbar-akhbar dan jika didapati mereka-mereka yang mengambil pekerja-pekerja untuk kegunaan orang lain tidak mempunyai lesen, tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka.

**PERSEMPADANAN SEMULA
BAHAGIAN PILIHANRAYA**

33. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyak rayuan dan bantahan telah diterima oleh Suruhanjaya Pilihanraya sehingga 3 Februari 1984 berhubung cadangan persempadanan semula kawasan pilihanraya dengan memberi penjelasan kumpulan yang mengemukakan pandangan mereka. Di atas asas apakah cadangan persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya dijalankan.

14-3-84

23. Tuan Chan Kok Kit minta Perdana Menteri menyatakan bilangan bantahan yang telah diterima oleh Suruhanjaya Pilihanraya berhubung dengan draf penyusunan semula bahagian-bahagian pilihanraya dengan menyatakan bilangan bantahan yang di terima dari (i) Kerajaan-kerajaan Negeri, (ii) pihak berkuasa tempatan dan (iii) kumpulan-kumpulan yang mengandungi tidak kurang dari 100 orang.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Saya mohon izin untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi pada 14 Mac 1984 bersama soalan ini kerana mengenai perkara yang sama.

Sebanyak 251 rayuan dan bantahan telah diterima oleh Suruhanjaya Pilihanraya sehingga 3 Februari 1984 berhubung dengan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya. Kumpulan-kumpulan yang

mengemukakan pandangan mereka adalah terdiri daripada Kerajaan-kerajaan Negeri, sekumpulan orang seramai seratus orang atau lebih yang nama-namanya ada ditunjukkan dalam daftar-daftar pemilih semasa (current electoral rolls) bagi bahagian pilihanraya yang terlibat dengan cadangan persempadanan tersebut, pertubuhan-pertubuhan siasah, perniagaan, sosial dan orang-orang perseorangan. Tiada bantahan yang diterima daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Butir-butir lengkap adalah seperti berikut:

Kerajaan Negeri	7 rayuan
Kumpulan 100 orang pemilih atau lebih	200 rayuan
Pertubuhan-pertubuhan siasah, perniagaan, sosial dan orang perseorangan.	44 rayuan

Jumlah ..	251
-----------	-----

Dalam menjalankan tugasnya untuk mempersempadankan bahagian-bahagian pilihanraya, Suruhanjaya Pilihanraya berpandukan kepada empat (4) prinsip yang termaktub di bawah Jadual ke 13 Perlembagaan Persekutuan. Secara ringkas prinsip-prinsip tersebut adalah meliputi perkara-perkara penting seperti berikut:

- (i) pemilih-pemilih mudah memperoleh peluang untuk mengundi;
- (ii) bahagian-bahagian pilihanraya tidak melintasi sempadan sempadan Negeri;
- (iii) bahagian-bahagian pilihanraya Negeri tidak melintasi sempadan bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen;
- (iv) wujudnya kemudahan-kemudahan pentadbiran bagi mendaftarkan pemilih-pemilih dan tempat-tempat mengundi dalam tiap-tiap bahagian pilihanraya;

- (v) bilangan pemilih dalam tiap-tiap bahagian pilihanraya dalam sesebuah Negeri patutlah lebih kurang sama banyaknya kecuali bagi kawasan-kawasan luar bandar jika terdapat kesukaran untuk sampai kepada pemilih-pemilih dan lain-lain kesukaran yang dihadapi di bahagian-bahagian pilihanraya di luar bandar maka pertimbangan hendaklah memberatkan terhadap keluasan satu-satu bahagian pilihanraya di kawasan-kawasan itu; dan
- (vi) perubahan bahagian-bahagian pilihanraya tidak menimbulkan kesulitan tetapi sebaliknya boleh mengekalkan hubungan-hubungan tempatan.

PINJAMAN LUAR NEGERI

34. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa lebih daripada negara-negara lain di ASEAN, sebahagian besar hutang luar negara kita adalah daripada kadar-kadar bunga pinjaman yang selalu bertukar-tukar yang bermakna bagi setiap naik "percentage point" dalam pasaran kadar-kadar bunga seperti U S Prime & Libor (London Interbank Offered Rates) beban hutang menjadi lebih berat bagi Malaysia daripada anggota-anggota ASEAN yang lain khasnya Singapura yang mana negara seperti Malaysia juga tidak berkelayakan bagi "concessional Fund" daripada pertubuhan yang ditubuhkan oleh badan-badan kewangan dunia untuk meminjam kepada negara-negara yang sedang membangun yang miskin.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Sebahagian besar daripada pinjaman luar negeri yang telah diperolehi oleh Kerajaan adalah dalam bentuk pinjaman pasaran yang terdiri dari

Euro-Dollar. Pasaran Euro Dollar merupakan sumber utama dalam menampung keperluan kewangan di kalangan peminjam-peminjam antarabangsa termasuk negara kita, di mana jumlah pinjaman boleh dibuat dengan banyaknya bergantung kepada kedudukan kredit pihak peminjam. Kadar faedah yang digunakan pada umumnya adalah dalam bentuk terapong berdasarkan kepada LIBOR (London Interbank Offer Rate) yang selalu bertukar-tukar. Sebarang kenaikan dalam kadar faedah ini akan menambahkan pembayaran khidmat hutang negara dan sebaliknya apabila berlaku sebarang kekurangan dalam kadar faedah ini ianya pula akan mengurangkan pembayaran hutang tersebut yang seterusnya menguntungkan Kerajaan. Dalam pada itu untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memperolehi syarat-syarat pinjaman yang menarik berbanding negara-negara lain di ASEAN.

KEBAJIKAN SYARIKAT (COMPANY WELFARISM)

35. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Buruh menyatakan mengapa Kerajaan tidak menitikberatkan pengalaman kebajikan syarikat (company welfarism) oleh syarikat-syarikat Jepun yang besar di Malaysia sebagai sebahagian daripada Dasar Pandang Ke Timur, dan jika ini tidak benar, berapakah bilangan syarikat-syarikat Jepun yang mengamalkannya. Adakah benar bahawa di antara faktor-faktor yang menarik pelabur-pelabur Jepun ke Malaysia adalah bahawa mereka boleh mengelakkan amalan-amalan kebajikan dan lain-lain komitmen yang memakan wang, dan jika benar, mengapa.

Datok Mak Hon Kam: Syarikat-syarikat di Negara kita, sama ada syarikat Jepun ataupun negara asing yang lain mahupun syarikat-syarikat

tempatan telah meningkatkan gaji, syarat-syarat perkhidmatan dan lain-lain pembayaran elaun atau kemudahan-kemudahan untuk pekerja-pekerja masing-masing seperti yang dilihat di dalam perjanjian bersama dan sebagainya. Disamping itu, Kerajaan kita juga memainkan peranan meningkatkan kebajikan para pekerja melalui undang-undang dari masa ke semasa selaras dengan perkembangan sosio-ekonomi dan pembangunan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga, Negara kita mempunyai beberapa faktor yang penting bagi menarik pelaburan dari negara-negara asing. Antara faktor-faktor ini ialah kestabilan ekonomik dan politik, dasar-dasar Kerajaan yang 'consistent', kekayaan Negara dengan sumber alam yang diperlukan dan tenaga kerja kita yang muda dan produktif.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (No. 2)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membuat peruntukan mengenai penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya termasuk perubahan sempadan-sempadan Negeri Sabah dan bagi membuat pindaan-pindaan lain kepada Perlembagaan Persekutuan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERANCANG KELUARGA
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perancang Keluarga 1966; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PELESENAN TENAGA ATOM**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai kawalselia dan kawalan tenaga atom mengenai penetapan standard-standard mengenai liabiliti terhadap kerosakan nuklear dan mengenai perkara-perkara yang berkenaan atau berkaitan dengannya; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
KESELAMATAN SOSIAL
PEKERJA (PINDAAN)**

Rang Undang-undang Suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Buruh; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN TAMBAHAN
(1982 dan 1983)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1982 dan 1983 dan

bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan di bacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBADANAN KEMAJUAN
FILEM NASIONAL
MALAYSIA (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
KANUN TANAH NEGARA
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara 1965; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
KELUARGA ISLAM
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengkanunkan peruntukan-peruntukan tertentu Undang-undang Keluarga Islam mengenai perkahwinan, perceraian, nafkah, penjagaan dan lain-lain perkara berkaitan dengan kehidupan keluarga; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
TABUNG PERTAHANAN
NEGARA (PEMBUBARAN
DAN PEMINDAHAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membubarkan Tabung Pertahanan Negara dan bagi memindahkan semua harta dan liabilitinya kepada Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara, dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan kepadanya atau berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertahanan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL-USUL

**JALAN-JALAN MASUK
KE PARLIMEN**

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menggalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran Dewan ini, dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya biasanya Usul semacam ini tidak perlu banyak dibahaskan tetapi saya rasa inilah suatu masa yang wajar untuk mengemukakan satu pandangan:

Kita setiap kali ada persidangan Parlimen apabila dirasmikan, satu usul yang berbunyi usul di hadapan kita dikemukakan oleh kerana tradition. Tradisi Parlimen bahawa Parlimen ada satu peranan, satu tugas yang utama di negara kita. Oleh kerana sebenarnya hal ehwal atau tugas menjaga keselamatan dalam tangan pihak Polis, tetapi ini daripada sejarah tradisi Parlimen yang menunjukkan bahawa Parlimen ada satu tanggungjawab yang berbeza daripada Eksekutif yang diamanahkan oleh rakyat.

Saya dapati dan oleh kerana masanya tidak cukup, saya tidak boleh dapat mengesahkan sama ada benar atau tidak benar tetapi saya dapati bahawa pada kali ini pihak Kerajaan akan memendekkan masa untuk perbincangan Titah Ucapan Diraja kepada dua hari untuk Back-benchers dan dua hari untuk pihak Menteri-menteri.

Saya tidak tahulah sama ada itu benar, dan tentulah dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat, tidak ada apa-apa peruntukan mengenai masa-masa menghadkan berapa hari untuk perbincangan. Tetapi oleh kerana tradition yang mustahak oleh kerana Titah Ucapan Diraja ialah satu ucapan bukan sahaja merupakan satu dasar, tetapi supaya menunjukkan hormat Dewan yang mulia ini yang menunjukkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya rasa kalau kita memendekkan masa untuk perbincangan, itu adalah satu tanda yang tidak baik. Dan saya harap bahawa kita boleh menumpukan betapa mustahaknya kita mengawal tradisi berparlimen di negara kita.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat sekejap tadi sama sekali tidak relevant. Apa yang saya bangkitkan ialah berhubung dengan soal-soal keselamatan supaya jangan ada huru-hara berlaku di mana-mana khususnya di tempat-tempat yang berhampiran dengan Dewan ini dan oleh sebab itu saya menyatakan bahawa soal ini adalah penting, iaitu soal keselamatan merupakan soal yang maha tinggi nilainya dan kita tidak sekali-kali boleh menempah apa-apa risiko.

Jadi itulah kenyataan saya sekejap tadi dan saya berharap kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat itu tidak lagi dibangkitkan pada masa-masa yang akan datang (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul di bawah nama Menteri Dalam Negeri dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menggalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan Dewan ini, dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

**JAWATANKUASA
PEMILIH—LANTIKAN
Y.B. DATO' DR. NEO YEE PAN**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Datuk Abdullah bin Haji Ahmad
Badawi):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa yang diberi kepadanya oleh perenggan (2) Peraturan Mesyuarat 82, Yang Berhormat Dato' Dr Neo Yee Pan dilantik menjadi ahli Jawatankuasa Pemilih untuk menggantikan Yang Berhormat Dato' Lee San Choon yang telah meletakkan jawatan sebagai Ahli Dewan Rakyat ini mulai 10hb Oktober, 1983.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Oleh sebab tiada siapa-siapa yang hendak berbahas, saya kemukakan Usul untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul yang dibawah nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dipersetujukan. Masalahnya dikemukakan bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa yang diberi kepadanya oleh perenggan (2) Peraturan Mesyuarat 82, Yang Berhormat Dato' Dr Neo Yee Pan dilantik menjadi ahli Jawatankuasa Pemilih untuk menggantikan Yang Berhormat Dato' Lee San Choon yang telah meletakkan jawatan sebagai Ahli Dewan Rakyat ini mulai 10hb Oktober, 1983.

**UCAPAN TERIMA KASIH
KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M.
SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

3.45 ptg.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar (Kuantan): Tuan Yang di-Pertua, saya Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar akan mencadangkan:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang berbunyi demikian:

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Keenam”.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bangga dan bersyukur kepada Allah Subhanahuwataala oleh sebab saya telah diberi peluang mencadangkan persembahan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong suatu ucapan yang telah saya sebutkan tadi.

Peluang yang diberikan kepada saya ini merupakan satu erti yang besar kepada diri saya dan penghargaan yang sangat disanjung tinggi terutama sekali dikalangan rakyat di kawasan pilihan-raya saya, Kuantan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa-masa kebelakangan ini, Kerajaan kita telah banyak membuat berita hangat di dalam dan di luar negeri. Banyak telah diperkatakan tentang dasar dan pendirian Kerajaan kita. Imej kita telah mencapai ke tahap yang membanggakan. Di antara sebab-sebabnya ialah

prestasi dan pencapaian kemajuan kita yang berterusan walaupun ekonomi dunia yang meleset sekarang ini dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia.

Usaha-usaha Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir ini merupakan satu sambungan kepada usaha-usaha pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang terdahulu darinya.

Inilah satu perkara yang harus kita semua bersyukur kepada Allah Subhanahuwataala kerana mendapat rahmatnya dan sentiasa mendapat kepimpinan yang banyak memberi guna dan membangunkan negara kita ke tahap yang lebih tinggi dan disanjung oleh semua.

Sememangnya sejak dari dahulu lagi pemimpin-pemimpin kita merupakan pemimpin-pemimpin yang realis dan pragmatis serta berani dengan tegas melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh rakyat.

Sikap seumpama ini timbul kerana keikhlasan dan kesungguhan penganjur-penganjur kita dan hal mempertahankan kehendak rakyat dan juga mempertahankan perinsip Kerajaan yang kita berlandaskan kepada Demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan.

Ini juga timbul kerana penganjur-penganjur kita amat rapat dengan rakyat dan tugas rakyat serta melaksanakan perjuangan dan dasar-dasar yang betul-betul sesuai dengan kehendak rakyat dan prinsip pemerintahan dalam negara kita ini.

Sesuatu Kerajaan akan terus berjaya dan kekal memegang kuasa sekiranya pemimpin-pemimpinnya terus berani mengubahsuaikan pentadbiran mengikut aspirasi rakyat dengan terus

mencari inovasi dengan menyumbangkan segala daya fikiran dan tenaga dengan penuh dedikasi bagi memenuhi kehendak rakyat.

Perkara ini memang mudah dilakukan kerana kita telah dirahmati dengan sistem politik demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan. Sistem politik kita ini menuntut hubungan rapat antara Kerajaan dengan rakyat melalui parti-parti politik dan golongan-golongan tertentu dalam masyarakat dan yang paling penting sekali kita semua sebagai wakil rakyat yang dipilih, diberi tempat dalam Dewan yang mulia untuk menyuarakan kehendak dan masalah rakyat.

Sistem yang telah terbukti kebaikannya ini harus bukan sahaja dipertahankan tetapi dipupuk dan difahami secara sungguh-sungguh dan mendalam oleh semua lapisan rakyat dan semua pihak. Hanya dengan jalan ini sahajalah sistem hari ini akan terus memberi bakti dan guna bagi mempertahankan keamanan dan mempertingkatkan kemakmuran dan kedaulatan negara kita ini.

Kerajaan Barisan Nasional memikul tanggungjawab ini dengan jayanya dan saya pasti akan terus memikul dengan jaya juga. Banyak sekali bukti yang boleh disebutkan di sini, sebagai contoh dalam beberapa bulan yang lalu semasa menghadapi krisis Perlembagaan, Kerajaan Barisan Nasional telah mengendalikan dengan bijaksana segala masalahnya sehingga ianya dapat diselesaikan tanpa merugikan atau merosakkan kedudukan mana-mana pihak. Masalah atau krisis perlembagaan itu telah dihadapi dengan tabah dan penuh insaf bersandarkan prinsip sistem politik di negara kita yang dikasihi ini. Ianya diterima sebagai satu takdir dan tentunya mempunyai suatu hikmat yang setimpal. Salah satu hikmat yang besar timbul dari krisis tersebut ialah kesedaran yang sebenarnya pada

sistem politik negara kita ini oleh rakyat keseluruhan. Dalam proses penyelesaiannya ia menjadi tajuk perbincangan oleh semua pihak dan kalangan rakyat. Hasilnya buat pertama kali sistem politik kita iaitu demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan dapat difahami dengan sebenarnya dan lebih mendalam oleh rakyat jelata di semua peringkat. Dalam proses itu juga Perlembagaan Malaysia sendiri banyak dibincangkan dan difahami. Hasil-hasil ini semua sebenarnya memberi erti yang sungguh besar kepada negara kita dan rakyat umum.

Pemimpin Barisan Nasional pula tidak bersikap angkuh dan takbur apabila ianya dapat diselesaikan. Paling lantang terdapat ialah unsur tolak-ansur dalam penyelesaiannya. Inilah satu perkara yang sememangnya merupakan identiti masyarakat Malaysia umumnya dan Melayu khususnya. Ibarat kata pepatah penyelesaian yang dibuat sebagai menarik rambut di dalam tepung, rambut jangan putus dan tepung jangan berkecai. Atau memukul ular, kayu jangan patah, ular mesti mati, tanah jangan lekuk.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam mesyuarat Parlimen kali ini akan dibentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Yang Keempat. Ia akan mengenal pasti masalah dan rintangan dalam sektor-sektor tertentu. Kajian ini akan secara langsung menggambarkan pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB). Sebagaimana kita maklum DEB ini telah diterima oleh Dewan yang mulia ini sebagai satu dasar pokok yang merangkumi semua aspek pembangunan negara. Pencapaiannya dikira akan menjadi satu faktor yang mutlak bagi mempertahankan keamanan dan kemakmuran negara. Oleh kerana pentingnya dasar ini baru-baru ini banyak dipersoalkan tentang kemungkinan pencapaiannya setelah

menjelang akhir tahun 1990 iaitu akhirnya tempoh DEB. Banyak di antara suara-suara yang kedengaran supaya dasar ini dipanjangkan sehingga objektif seperti mana yang termaktub di dalamnya dapat dicapai. Ada pula yang tidak bersetuju tempoh dasar ini dipanjangkan.

Walau apa pun yang menarik perhatian kepada saya ialah masalah ini hanya disuarakan oleh satu kaum sahaja iaitu kaum Melayu seolah-olah dasar ini hanya memberi keuntungan kepada satu kaum sahaja. Ini tentunya bertentangan dengan semangat asalnya apabila dasar ini dilaksanakan dan digubal pada tahun 1970 dahulu. Walau apa pun, saya ingin merakamkan persetujuan dengan pendapat bahawa semua objektif DEB harus diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Kerajaan tidak harus bercadang untuk memanjangkan tempoh pencapaian objektifnya.

Sebaliknya sekiranya DEB di rancang untuk dipanjangkan tempoh bagi pencapaian objektifnya akan timbullah satu keadaan complacent dalam usaha-usaha menjalankannya. Ianya akan timbul di semua pihak, pihak Kerajaan dan jenteranya mahupun pihak rakyat jelata seluruhnya. Dengan kata lain, kita akan leka dengan tempoh yang dipanjangkan.

Saya juga berharap semangat sebagaimana masa ianya digubal dahulu dihidupkan kembali. Ianya harus diterima dan diperjuangkan oleh semua pihak dan kaum bagi menentukan kestabilan dan keamanan juga kemakmuran negara yang tercinta ini.

Saya juga berharap dalam pembentangan kajian semula Rancangan Malaysia Keempat, bukan sahaja membentangkan rintangan dan masalahnya tetapi juga cadangan penyelesaiannya. Saya percaya Dewan yang mulia ini berharap pendedahan masalah dan rintangan itu nanti dapat menimbulkan satu keyakinan bahawa

semua dasar yang terkandung dalam DEB dapat tercapai mengikut jadual. Dewan ini akan menyokong segala pembaharuan pendekatan walaupun radikal bagi memastikan kejayaannya.

Tuan Yang di-Pertua, di antara perkara yang telah ditekankan dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ialah tentang penumpuan Kerajaan kepada perancangan tenaga manusia ke arah meninggikan daya pengeluaran negara dan memberi perhatian untuk menghasilkan satu dasar pendidikan yang baru. Saya mengambil kesempatan ini untuk turut sama mengutarakan beberapa perkara mengenai program pembangunn tenaga manusia di negara ini.

Saya juga berpendapat perkara ini amat penting dan harus dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini. Lebih-lebih lagi di saat-saat negara kita memasuki era baru pembangunan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang sedang membangun, Malaysia memerlukan satu penilaian semula ke atas pelaksanaan program pembangunan tenaga manusia yang berjalan sekarang ini. Tenaga kerja professional dan mahir dalam berbagai bidang kerja sangat-sangat diperlukan bagi memenuhi kehendak pertumbuhan ekonomi perindustrian. Tugas dan tanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan satu program bagi memenuhi kehendak ini menjadi lebih rumit dan sukar dalam keadaan di mana gunatenaga juga adalah merupakan satu faktor yang terpenting dalam menentukan matlamat pencapaian DEB. Banyak jabatan dan agensi-agensi Kerajaan telah dipertanggungjawabkan dalam menjalankan program pembangunan

tenaga manusia yang secara langsung membawa ke arah pencapaian kedua-dua matlamat berkenaan.

Dalam hal ini sistem penyelarasan yang lebih tersusun perlu diwujudkan. Saya berpendapat bahawa pihak-pihak yang ditugaskan untuk merancang dan melaksanakan program pembangunan tenaga manusia perlu mengkaji semula aspek permintaan dan pengeluaran tenaga manusia dengan mengambil kira kepentingan penyertaan bumiputera terutamanya di sektor swasta.

Saya mengutarakan isu ini kerana menyedari bahawa masih jelas terdapat kekurangan tenaga kerja bumiputera di semua peringkat pekerjaan dalam sektor perdagangan. Tenaga kerja bumiputera masih tertumpu di sektor pertanian iaitu pada kadar yang melebihi 65% dari jumlah gunatenaga yang terlibat. Dari segi aspek pekerjaan mengikut kategori pekerjaan, jumlah tenaga kerja bumiputera dalam kumpulan profesional dan teknik dilaporkan sebagai memuaskan, sedangkan jika diketepikan profesyen guru dan jururawat, bilangan gunatenaga bumiputera adalah mendukacitakan.

Kedudukan ini amat ketara lagi dalam 8 bidang profesional iaitu antara lainnya Akitek, Akauntan, Doktor Gigi, Doktor Haiwan, Jurutera, Juru Ukur dan bidang Guaman.

Pada 1982 purata bilangan bumiputera dalam bidang-bidang tersebut sekadar tercapai 12%-14% sahaja. Saya berpendapat jika matlamat DEB hendak dicapai, maka satu program pembangunan tenaga manusia yang komprehensif dan intensif haruslah dilaksanakan segera. Peranan dan fungsi serta hubungan tanggungjawab antara jabatan dan agensi latihan yang berkenaan haruslah dikaji semula dan disesuaikan dengan keadaan semasa. Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita untuk menambahkan

bilangan tenaga kerja bagi keperluan sektor awam dan swasta, Kerajaan telah menanggung beban pembiayaan yang agak besar terutamanya untuk menghantar pelajar-pelajar kita ke luar negeri untuk mendapat latihan dalam berbagai bidang tertentu yang tidak terdapat di institusi pengajian tinggi tempatan.

Dalam tempoh 1982 sahaja adalah dianggarkan terdapat lebih dari 52,000 orang pelajar Malaysia di luar negeri. Dari jumlah ini kira-kira 75% mengikuti kursus-kursus berijazah dan lain kursus profesional dan bakinya adalah mengikuti kursus di peringkat diploma dan sijil. Bilangan pelajar-pelajar Malaysia keseluruhannya di seberang laut dijangka akan bertambah sebanyak 10% setahun. Dan menjelang 1990, jumlah mereka dianggarkan akan meningkat ke bilangan 100,000.

Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar kita di luar negeri berkenaan adalah merupakan harapan bangsa dan negara. Dalam keadaan sepertimana yang telah saya katakan amatlah perlu diwujudkan suatu sistem pengawasan yang lebih rapi bagi memastikan kegiatan-kegiatan mereka tidak bercanggah dan bertentangan dengan dasar-dasar dan hasrat negara. Memang benar pada masa ini terdapat Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia (MSD) di beberapa buah negara mempunyai bilangan penuntut yang ramai, namun ianya merupakan pejabat-pejabat yang lebih mengendalikan perkara-perkara mengenai kewangan dan pelajaran sahaja. Dengan lain perkataan, MSD pada masa ini kurang berkemampuan untuk mengawasi kegiatan-kegiatan pelajar-pelajar di luar negeri daripada memenuhi kehendak pelajaran mereka. Bagi tujuan menepati matlamat penubuhan MSD atau penyesuaian semula perlu dilaksanakan bagi membolehkan MSD

menjalankan tugas pengawasan aktiviti pelajar dengan lebih efektif dan aktif lagi.

Tuan Yang di-Pertua, penghantaran beramai-ramai pelajar-pelajar lepasan S.P.M. ke seberang laut untuk mengikuti berbagai kursus pengajian adalah merupakan satu langkah dan usaha untuk mempercepatkan pencapaian matlamat pembangunan negara tenaga manusia di bawah Dasar Ekonomi Baru. Akan tetapi usaha murni Kerajaan ini telah menimbulkan sedikit sebanyak kesan negatif bukan sahaja kepada pelajar-pelajar itu sendiri bahkan kepada negara juga. Dengan usia yang begitu muda, para-pelajar ini mudah terdedah kepada pengaruh luar yang saya kira bertentangan dengan kehendak negara seperti yang telah dinyatakan awal tadi. Sejak akhir-akhir ini terdapat golongan-golongan pelajar kita di luar negeri yang dikatakan mencuaikan pelajaran mereka. Sebaliknya mereka melibatkan diri secara aktif dengan kegiatan-kegiatan yang berbentuk politik yang bertentangan dengan kepentingan nasional dan negara.

Di samping itu terdapat juga golongan-golongan pelajar yang terlibat dalam kegiatan yang bercanggah dengan nilai-nilai dan norma-norma agama dan kebudayaan kita. Walaupun golongan mereka ini kecil jika dibandingkan dengan jumlah penuntut-penuntut kita di luar negeri keseluruhannya tetapi jika kegiatan yang tidak sihat ini tidak dibendung mungkin ianya akan membahayakan dan menjejaskan nama baik negara. Yang menjadi tandatanya atau persoalan kita pada hari ini mengapa pelajar kita di seberang laut sekarang bersikap demikian. Adakah kerana berpunca dari masalah sistem pendidikan dan pelajaran kita, ataupun kerana pelajar-pelajar kita kurang mendapat perhatian dan pendedahan dalam ciri kewarganegaraan seperti semangat nasionalisma dan patriotik

sebelum mereka dihantar ke luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa pelajar-pelajar kita yang dihantar ke seberang laut perlu diberi semangat ketahanan nasional lebih kuat kerana saya khuatir tanpa semangat ketahanan nasional yang kukuh, para pelajar kita berkenaan akan mudah tergugat bila berhadapan dengan pengaruh dan environment, dengan izin, yang baru. Sebagai langkah jangka masa pendek saya mengemukakan langkah Kerajaan untuk mengadakan semua bentuk kursus persediaan kemasukan ke institusi pengajian tinggi luar negeri selama dua tahun terlebih dahulu di dalam negeri. Dalam masa yang sama saya kira pelajar-pelajar kita boleh diorientasikan ke arah mana semangat nasionalisma dan patriotik dan lain-lain. Untuk tujuan jangka panjang saya merasakan satu bentuk pendedahan dan kefahaman baru dalam aspek tata negara yang membawa kepada penghayatan yang lebih kukuh dalam nilai nasionalisma dan ciri-ciri semangat kebangsaan. Ini dapat dilakukan melalui satu bentuk penyesuaian dalam sistem pendidikan dan pelajaran. Aspek ini adalah perlu memandangkan masalah yang sedang dihadapi. Kita tidak mahu melihat pelajar-pelajar kita hanya mampu menjadi jaguh di gelanggang sendiri tetapi di sebaliknya mudah tergugat dan lemah bila di gelanggang asing.

Usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan lagi penguasaan bahasa asing terutama bahasa Inggeris di kalangan para pelajar kita adalah satu usaha yang positif. Usaha ini adalah menepati dengan keperluan negara kita untuk muncul sebagai sebuah negara yang terkenal di mata dunia. Kita mahu memastikan bahawa rakyat dan pemimpin kita pada masa hadapan berkemampuan untuk bersaing dan berganding bahu dengan masyarakat dunia. Bukanlah hasrat saya untuk

memperkecilkan kepentingan nasional tetapi semata-mata bertujuan mempernyatakan betapa penguasaan bahasa asing adalah sama penting dalam usaha kita untuk mencapai ke taraf antarabangsa dan apa jua bidang yang kita lakukan.

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, Malaysia tidak terlepas dari pendedahan antarabangsa. Oleh hal yang demikian media komunikasi internasional adalah wajar dan perlu penguasaan oleh masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, penyusunan semula masyarakat terutama sekali di bandar atau di pusat-pusat pertumbuhan baru adalah di antara beberapa perkara yang ditekankan dalam matlamat Dasar Ekonomi Baru. Kemajuan dan pembangunan ekonomi negara berserta dengan galakan Kerajaan secara langsung atau tidak langsung telah menimbulkan banyak peluang-peluang pekerjaan di bandar-bandar dan pusat-pusat pertumbuhan baru berkenaan. Dengan kemudahan-kemudahan lain yang memang terdapat di bandar-bandar ini merupakan tarikan kepada penduduk-penduduk luar bandar khususnya kaum-kaum Melayu atau Bumiputra untuk berhijrah. Mereka datang dengan penuh harapan untuk mendapat pekerjaan dan mengesepi kesejahteraan hidup dalam bandar. Jumlah penghijrahan kian bertambah dari masa ke semasa sehingga menimbulkan keadaan yang meruncing di dalam bandar. Ianya menuntut penyelesaian yang serius dan segera. Sekiranya ia tidak dapat diselesaikan dengan saksama dan segera, keadaan penghijrahan di bandar-bandar ini akan menimbulkan masalah-masalah yang mungkin berkekalan dan bercanggah dengan aspirasi Kerajaan sekarang.

Kalau dibanding dari segi angka-angka boleh dianggap keadaan penghijrahan orang-orang Melayu khususnya ke bandar ini sebagai satu kejayaan bagi memenuhi satu aspek

DEB tadi walaupun ianya masih belum mencukupi. Sebagai contoh, Kuala Lumpur sendiri semenjak DEB dilancarkan mengandungi lebih banyak kaum Melayu sekarang, jika dibandingkan dengan keadaan sebelumnya. Jumlah pertambahan pada angka yang besar telah mula menimbulkan masalah besar. Kesannya buruk mulai dirasakan dari segi sosial di kalangan penghuni-penghuni setinggan. Persoalan-persoalan keadilan sosial terhadap mereka ini menjadi perkara pokok sebagai satu tanggungjawab yang harus diselesaikan. Saya akui bahawa Kerajaan memang sedar dalam masalah ini dan Kerajaan juga telah banyak berusaha untuk menyediakan tempat-tempat tinggal kepada para setinggan. Sayangnya segala usaha dan projek kemudahan awam Kerajaan hanya merupakan penyelesaian secara ad-hoc dan tidak ditumpukan ke arah melaksanakan dasar pembentukannya semula masyarakat keseluruhannya. Ini mungkin juga kerana jumlah penghijrahan terlalu mendadak dan besar dan dalam masa yang singkat ia telah menimbulkan "constrain", dengan izin, yang besar kepada kemampuan Kerajaan. Walaupun apa pun yang dilakukan jumlah setinggan makin bertambah dan sudah mulai kekal sebagai satu phenomena.

Sebagaimana yang diketahui umum masyarakat setinggan adalah merupakan satu masyarakat yang tidak dirancang dan diorganised. Mereka datang dari luar bandar dengan membawa cara dan corak hidup yang berbeza tanpa apa-apa persediaan. Dengan keadaan bandar yang amat mencabar itu timbullah apa yang dikatakan "cultural shock", dengan izin, di kalangan mereka. Hasil daripada keadaan begini timbullah satu kebudayaan yang diolah sendiri oleh masyarakat dalam suasana tersendiri dengan nilai-nilai dan unsur-unsur yang mungkin negatif. Keadaan sebegini tentunya kurang sesuai

dengan aspirasi Kerajaan yang berkehendak masyarakat Malaysia yang berdisiplin dan produktif. Dalam keadaan dan suasana yang serba berkurangan masyarakat setinggan merasakan hidup mereka sungguh-sungguh tertindas dan tertekan. Mereka sentiasa terasa hampa atau, dengan izin, "disillusioned" dengan penghidupan di bandar, tambahan pula dengan keadaan tempat tinggal mereka yang sentiasa dirasakan tergugat oleh pihak-pihak berkuasa ataupun tuannya tanah. Keadaan kemiskinan mereka yang lantang berbeza dengan keadaan masyarakat bandar juga merupakan unsur yang menekan jiwa mereka. Ini dari satu segi telah menimbulkan satu sikap menentang kepada Establishment, dengan izin, dan pihak berkuasa atau mungkin kepada masyarakat umum yang berada dalam bandar.

Satu perkara yang harus disebutkan di sini bahawa oleh kerana ianya tidak diorganise dan mempunyai sikap-sikap negative tadi, maka bolehlah dikira masyarakat setinggan ini akan kekal merupakan satu masyarakat yang miskin, satu masyarakat yang tidak mampu untuk hidup secara "competitive" di kawasan bandar. Kemiskinan ini akan ketara sekali berbanding dengan keadaan kemajuan dalam bandar. Dengan keadaan ini timbullah satu paradox, satu masyarakat miskin dengan jumlah yang besar yang baharu pula timbul dalam suasana bandar yang mewah dan effluen. Ini tidak harus terjadi kerana DEB juga mempunyai dasar untuk membenteraskan kemiskinan di mana sahaja dalam negara kita ini.

Keadaan-keadaan yang saya utarakan tadi boleh menimbulkan satu masalah setinggan yang chronic yang mungkin menyamai masyarakat "ghetto" di bandar-bandar besar di negara U.S. Satu masalah yang tidak mungkin dapat diselesaikan dan

menjadi fenomena yang kekal. Maka kemiskinan juga akan terus kekal.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan masalah ini harus diinsafi oleh semua pihak dan ianya tidak harus semata-mata diserahkan kepada pihak berkuasa sahaja untuk menyelesaikannya, malah masalahnya terlalu besar. Oleh yang demikian, saya menyeru pihak berkuasa meningkatkan usaha-usaha penyelesaian masalah ini dan juga mencari jalan menggubal dasar supaya pihak-pihak swasta juga dapat bersama memainkan peranan yang positif bagi penyelesaiannya. Pihak swasta juga harus mempunyai sikap terbuka dan sanggup bekerjasama bagi penyelesaian masalah bersama ini.

Saya mengesyorkan supaya dasar pembentukan semula masyarakat ini iaitu penghijrahan orang-orang luar bandar harus dirancang dan diorganise sehingga ianya tidak lagi merupakan satu potensi masalah dalam bandar. Satu persediaan yang harus dirancang dan dibuat kepada mereka yang ingin berhijrah ke bandar supaya mereka lebih bersedia untuk menerima cabaran-cabaran dan memahami kebudayaan dan cara hidup bandar. Masyarakat setinggan jangan dibiarkan begitu untuk menghadapi hidup cara bersendirian dan membentuk kebudayaan sendiri. Pihak berkuasa harus mencari jalan supaya masyarakat setinggan lebih organise dan dirancang dengan cara yang positif supaya mereka akan menjadi satu golongan bererti dalam bandar. Ini pun merupakan satu usaha sementara sebelum mereka diberi tempat tinggal yang sesuai dan selesa. Usaha-usaha ini juga harus dipanjangkan kepada penghuni-penghuni rumah murah Kerajaan yang asalnya dari kampung dan dipindahkan juga dari kawasan setinggan.

Tuan Yang di-Pertua, minggu lalu Kerajaan telah membuat pengumuman

bagi mengurangkan beban pengurusan pentadbiran Kerajaan. Ini dengan sendirinya memberi erti bahawa beban pengurusan pentadbiran Kerajaan kian hari kian bertambah sehinggakan ia boleh meruncingkan kewangan negara kalau keadaannya tidak dibendung dengan segera. Pengumuman itu disambut baik oleh seluruh rakyat terutama sekali di dalam keadaan ekonomi yang meleset sekarang ini. Saya ucapkan syabas dan menghulurkan sekalong bunga kepada pihak Kerajaan di atas keinsafan dan usaha dalam hal ini. Saya percaya bahawa proses mengurangkan beban pengurusan ini akan dibuat dengan teliti sehingga ianya tidak akan menjejaskan prestasi dan kemampuan jenteranya. Dalam ertikata lain, Kerajaan akan lebih menitikberatkan kualiti dari quantiti pentadbiran. Dalam usaha Kerajaan untuk mengkaji dan menyusun semula pentadbiran jentera Kerajaan, saya merasakan perlu diwujudkan satu bentuk penyesuaian, terutamanya bertujuan mewujudkan kesefahaman dan kerjasama yang erat dalam mana para pegawai pentadbir dapat memahami kehendak dan asperasi pemimpin. Disamping itu usaha-usaha menerapkan nilai-nilai Islam dan sifat-sifat mulia seperti kejujuran didikasi, kerajinan, berani dan bertanggungjawab harus dipertingkatkan. Environment ini jua harus diadakan bagi melahirkan kumpulan pentadbir-pentadbir yang bermotivasi. Menyebut tentang motivasi para pentadbir jentera Kerajaan, saya berpendapat ianya boleh ditingkatkan kepada tahap yang lebih baik lagi. Inilah satu aspek yang saya fikir harus diusahakan benar-benar sehingga ianya menjadi satu kenyataan yang boleh dibanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menca-dangkan.

Dr Abdul Hamid bin Pawan Teh:
Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai.

4.15 ptg.

Tuan Tan Kok Hooi (Padang Serai): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Wakil dari Kuantan yang mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada Dewan yang mulia ini. Hari ini bukan sahaja saya tetapi juga semua pengundi di Padang Serai, Kedah merasa sangat bangga kerana saya diberi peluang untuk membuat sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapannya, Seri Paduka telah memuji Kerajaan pimpinan Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad yang membawa kestabilan dan ketenteraman yang lebih kukuh dan kemajuan serta kemakmuran yang lebih mantap kepada negara ini. Sejak kempen Kepimpinan Melalui Tauladan dilancarkan, pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional telah menjadi lebih bersih, cekap dan amanah. Dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional sepanjang masa ini diterima baik oleh seluruh rakyat. Bagaimanapun, masih ada segelintir pegawai yang melupakan semangat Barisan Nasional ini dan melupakan yang negara ini negara berbilang kaum. Kealpaan terhadap faktor-faktor tersebut akan sedikit sebanyak menjejaskan suasana perpaduan negara.

Seperti yang telah saya tegaskan dalam ucapan menyokong Rang Undang Perlembagaan (Pindaan), 1984 di Dewan yang mulia ini pada 9hb Januari yang lalu, reaksi rakyat berbagai kaum terhadap isu pindaan Perlembagaan menunjukkan bahawa apa sahaja perkara, apa sahaja isu dalam negara ini bukan lagi menjadi satu isu sesuatu golongan atau pihak sahaja tetapi adalah isu seluruh rakyat. Pendek kata, isu rakyat adalah isu negara dan masalah rakyat adalah

masalah negara. Oleh itu dalam menghadapi isu atau masalah rakyat Kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk mengambil berat dan menyelesaikan secara adil. Secara umum bolehlah dikatakan bahawa rakyat berbilang kaum di negara ini hidup dalam keadaan yang harmoni dan penuh perpaduan. Namun begitu masih terdapat beberapa dasar ketika dilaksanakan yang terlalu menekankan aspek kaum atau keturunan. Demi pekerjaan. Pemimpin-pemimpin Kerajaan hendaklah berikhtiar untuk membasmi atau mengurangkan jurang di antara kaum-kaum di negara ini. Kita hendaklah memupuk fikiran yang terbuka di kalangan jenarasi muda baik dalam bidang pendidikan mahupun pekerjaan. Pemimpin-pemimpin perlulah menunjukkan tauladan, peluang yang saksama haruslah diberi kepada jenarasi baharu untuk pelajar atau bekerja. Kerana hanya dengan cara ini mereka akan menjadi lebih bersatu padu dan hidup bak kata pepatah "terlentang sama mendadah embun, tertiarap sama memakan pasir" serta sama-sama membina tanah air kita yang tercinta ini.

Titah Ucapan Seri Paduka Baginda juga menyentuh soal pelajaran dan kebudayaan sebagai alat untuk mencapai perpaduan seluruh rakyat. Sejak kemerdekaan negara kita capai usaha yang paling berjaya ialah usaha mengembangkan pelajaran. Di merata-rata kita dapat melihat sekolah rendah dan sekolah menengah dan kita juga sudah mempunyai 7 buah universiti akan tetapi masih ada murid-murid sekolah rendah yang belajar di bangunan sekolah yang buruk, tidak cukup terang dan tidak ada kemudahan. Sekolah-sekolah rendah seperti ini perlulah dibaiki atau dibina semula supaya kita akan mencapai kejayaan yang lebih cemerlang lagi. Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, bahasa pengantar dan sukatan pelajaran sekolah telah pun diseragamkan dan pelajar-pelajar

juga mengambil peperiksaan yang sama. Oleh itu di bawah persaingan yang adil keputusan peperiksaan hendaklah dijadikan kayu ukur bagi pengambilan pelajar-pelajar ke institusi pengajian tinggi. Cara ini akan menggalakkan lagi pelajar-pelajar menuntut ilmu dan memajukan diri dalam bidang pendidikan.

Berhubung dengan Kebudayaan Kebangsaan pula, ia sangatlah kontroversial sejak dahulu lagi. Walau bagaimanapun, dalam masyarakat berbilang kaum ini kita hendaklah bersikap terbuka dalam soal ini supaya Kebudayaan Kebangsaan dapat berkembang dengan mencerminkan ciri-ciri berbagai kaum negara ini.

Seri Paduka telah juga bertitah bahawa sektor swasta akan diberi peluang menyertai pembangunan negara di bawah konsep pengswastaan. Konsep ini bersama konsep Persyarikatan Malaysia sangatlah baik. Namun saya ingin menarik perhatian Kerajaan kepada soal bahawa negara kita tidak mendapat apa-apa kebaikan dengan memberikan kontrak-kontrak besar kepada pemborong-pemborong asing. Sebab saya berkata demikian ialah tidak ada pemindahan teknologi yang berlaku dan tidak juga kita lihat orang-orang kita dilatih dalam berbagai bidang. Sebaliknya yang pasti berlaku, Tuan Yang di-Pertua, ialah wang kita mengalir keluar negeri. Di bawah konsep Pengswastaan dan Persyarikatan Malaysia, Kerajaan seharusnya menggalakkan pemborong-pemborong tempatan dengan menawarkan kontrak-kontrak besar kepada pemborong-pemborong tempatan yang berkemampuan. Hanya dengan penglibatan dan penyertaan langsung dapat menjamin rakyat akan memperolehi pengalaman dan latihan kemahiran di samping mendapat peluang pekerjaan dan menyekat wang mengalir keluar. Selain dari itu rakyat semua kaum mendapat nikmat dan faedah di bawah konsep-konsep itu.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat Dasar Pertanian Negara sekarang ialah untuk menambah hasil pertanian dan meningkatkan pendapatan para petani. Meskipun negara kita sedang mengalami proses industrialisasi pada asasnya, ia masih merupakan negara pertanian dan sumbangan sektor ini kepada ekonomi negara sebelum ini tidaklah tinggi parasnya sekarang telah berkurangan daripada 59% kepada 22.8%. Ini menunjukkan perkembangan sektor pertanian telah pun merosot.

Perlaksanaan Dasar Pertanian Negara pada waktu ini sangatlah tepat pada masanya. Semasa kita bercakap tentang pertanian mahu tidak mahu kita terpaksa menyentuh soal tanah. Kerajaan hendaklah membahagikan lebih banyak tanah pertanian kepada rakyat terutama kepada mereka yang benar-benar memerlukan tanah untuk bertani. Para petani juga hendaklah digalakkan menanam buah-buahan dan sayur-sayuran secara besar-besaran. Selain membekalkan hasil tanaman itu kepada penduduk-penduduk dalam negeri, lebihannya boleh dieksport. Usaha ini adalah selaras dengan matlamat Dasar Pertanian Negara iaitu untuk menambah hasil pertanian dan meningkatkan pendapatan para petani di samping itu negara akan mendapat pertukaran asing. Dasar Pertanian Negara juga haruslah meliputi rancangan untuk menyelesaikan masalah pertanian haram. Ini dapat membantu penduduk yang bertani di tanah orang lain secara haram itu mendapat tanah pertanian yang kekal dan meneruskan usaha mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Seri Paduka juga telah menyentuh tentang pembangunan di kawasan-kawasan luar bandar. Rancangan-rancangan pembangunan luar bandar hendaklah terus dilaksanakan meskipun negara masih mengalami kesan-kesan kemelesetan ekonomi, kemudahan-kemudahan asas seperti

air dan api masih merupakan perkara asing bagi setengah-setengah kampung, ladang dan pekan-pekan kecil. Selain daripada itu jalan yang elok dan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang memuaskan masih lagi berkurangan. Oleh itu kemudahan-kemudahan asas seperti yang saya sebut tadi hendaklah diadakan segera supaya penduduk-penduduk luar bandar terpelihara dari segi kebajikan dan kesihatan di samping membantu mereka memperbaiki taraf hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ingin sekali lagi menyokong usul Ucapan Terima Kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka. Sekian, terima kasih.

Dr. Abdul Hamid bin Pawan Teh:
Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ini sekarang terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.27ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):
Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Usul di hadapan kita untuk mengucap sebanyak-banyak kasih syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapan Baginda telah menyeru pemuda-pemudi Malaysia untuk memastikan agar kegiatan-kegiatan mereka tidak melemahkan perpaduan negara sehingga ia boleh menyebabkan polarisasi kaum. Sebenarnya, pemuda-pemudi Malaysia dalam tahun 1984 merupakan generasi yang paling dipolarisasikan dalam sejarah negara kita dalam erti kata ethnic disebabkan dasar-dasar, sikap dan falsafah pembinaan negara yang menegaskan serta menitikberatkan

perbezaan ethnic dan bukan satu pertalian bersama berasaskan indentiti dan kesedaran Malaysia.

Jadi dasar keseluruhan kuasa politik di Malaysia, khususnya di Semenanjung Malaysia adalah bergantung kepada premis bahawa seorang Melayu di Malaysia bukanlah seorang Melayu kecuali jika beliau menyokong dan mengundi UMNO, seorang Cina bukanlah seorang Cina di Malaysia melainkan beliau menyokong dan mengundi MCA, dan seorang India bukanlah seorang India di Malaysia melainkan beliau undi dan sokong MIC.

Sebenarnya UMNO membanggakan diri kerana berjaya mencapai kedudukan di mana ia boleh menganggap bahawa "UMNO adalah Melayu dan Melayu adalah UMNO", bukan "UMNO adalah Malaysia dan Malaysia adalah UMNO", sehingga pihak MCA sedang cuba mencontohi teladan UMNO dengan membanggakan bahawa "MCA adalah Cina dan Cina adalah MCA", melalui ahli-ahli "phantom"nya.

Kerajaan 2M telah mendesak rakyat Malaysia memandang ke Timur dan mempelajari daripada orang Jepun khususnya. Adalah penting bahawa dalam kehairahan memandang ke Timur serta mempelajari dari pengalaman Jepun, rakyat Malaysia patut memperolehi pengetahuan yang wajar mengenai apa yang sebenarnya formula bagi kejayaan ekonomi Jepun. Menurut satu kajian, rahsia di sebalik kejayaan Jepun adalah terletak kerana di Jepun "hakikat menjadi Jepun adalah hakikat yang paling penting sekali dalam kehidupan seorang Jepun". Sehingga kita di Malaysia boleh sampai ke tahap di mana pada analisa muktamadnya, "hakikat menjadi seorang Malaysia adalah hakikat yang paling penting sekali dalam kehidupan seorang Malaysia", tidaklah mungkin kita akan mempelajari apa jua pun

yang dramatik daripada dasar "Pandang ke Timur"!

Selepas suku abad sebagai negara Malaysia, hakikat yang paling penting di dalam kehidupan seseorang warganegara Malaysia bukanlah hakikatnya sebagai seorang Malaysia, tetapi sebagai seorang Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan lain-lain. Semasa pilihanraya umum setiap empat atau lima tahun, keseluruhan sumber-sumber negara adalah digerakkan untuk mendesak rakyat Malaysia mengundi sebagai orang Melayu, Cina, India, Kadazan serta Iban, bukan sebagai warganegara Malaysia. Ini adalah kerana di Malaysia, hakikat menjadi orang Malaysia bukanlah yang paling penting dalam kehidupannya, dan wujudlah masalah "brain drain" yang paling besar, dengan penghijrahan doktor-doktor, jurutera-jurutera, doktor-doktor gigi dan peguam-peguam ke luar negeri.

Di majlis pembukaan bersama Pemuda Perhimpunan Agong dan Wanita UMNO pada bulan Ogos tahun lalu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menjadikan "Nasionalisma Melayu" sebagai tema ucapan rasminya. Adalah menyedihkan serta mengkagumkan bahawa 25 tahun selepas tercapainya kenegaraan Malaysia, "Nasionalisma Melayu" patut dijadikan tema satu-satunya ucapan yang penting. Perkara ini boleh difahami jika kita berada di dalam tahun-tahun 1940an atau 1950an, tetapi kita berada dalam tahun 1983. Saya berasa pasti bahawa jika barang siapa yang lain menjadikan "Nasionalisma Cina" atau Nasionalisma India" sebagai tema ucapannya, mereka akan dituduh mengapi-apikan chauvanisma Cina atau racialisma India. Menurut logik serta tanggapan yang sama, dalam tahun 1980an, yang wujud bukanlah nasiolisma Melayu, tetapi racialisma atau chauvanisma Melayu kerana

hanya satu jenis nasionalisma sahaja yang boleh wujud di Malaysia hari ini, iaitu nasionalisma Malaysia.

Polarisasi kaum bukan sahaja mendominasi proses politik malah keseluruhan proses pembinaan negara sama ada di arena ekonomi, pelajaran, sosial atau kebudayaan. Jadi, adalah sah menyatakan bahawa selepas suku abad sebagai negara Malaysia, kita masih merupakan sebuah negara tanpa rakyat Malaysia, hanya orang-orang Melayu, Cina, India, Iban dan Kadazan.

Dasar Ekonomi Baru telah digubal untuk mengatasi masalah kekurangan perpaduan negara yang sama ini, memandangkan pencapaian perpaduan negara telah diumumkan sebagai matlamat utama DEB melalui serampang dua matanya, iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat Malaysia. Saya akan membangkitkan subjek DEB dan perpaduan negara kelak semasa membahar ke atas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat di mesyuarat Parlimen ini, tetapi ingin menunjukkan bahawa bertentangan dengan matlamatnya mengurangkan polarisasi kaum, DEB telah memburukkan lagi polarisasi ini. Jika Kerajaan adalah benar-benar serius dalam kekuatirannya mengenai polarisasi kaum, ia patut dengan beraninya berusaha mengatasi masalah-masalah yang pokok. Jika tidak, permintaan terhadap para belia kita supaya jangan menyumbangkan kepada polarisasi kaum di dalam sesuatu keadaan yang amat polarized akan gagal sama sekali, kerana kerajaanlah yang mesti menanggung tanggungjawab mengurangkan polarisasi.

Apa yang ingin saya bangkitkan di dalam perbahasan ini adalah amaran bahawa di dalam 15 tahun abad ke 20 ini yang akhir menjelang tahun 2000, sebab ketiga yang boleh menjadi utama bagi masalah kekurangan perpaduan

negara adalah polarisasi agama setelah polarisasi kaum dan polarisasi kelas. Selepas pilihanraya umum yang lepas pada bulan April 1982, proses Islamisasi di dalam Kerajaan, pentadbiran, ekonomi, pelajaran malah juga moral, telah menimbulkan kekuatiran, ketidak senangan (foreboding) di kalangan rakyat Malaysia bukan Islam.

Kini, tiada satu minggupun yang lepas tanpa sebatang tuntutan, cadangan atau keputusan Islamisasi, di suatu bidang atau yang lain. Penuntut-penuntut universiti yang baru di semua kursus pengajian diwajibkan mengambil Tamaddun Islam sebagai satu mata pelajaran, wujud tuntutan bahawa Islam patut dijadikan formula bagi pembinaan negara Malaysia—iaitu suatu dasar pembinaan negara Islam; tuntutan bagi suatu pandangan Islam terhadap penggubalan kebudayaan nasional—iaitu kebudayaan nasional Islam, dan lain-lain lagi.

Saya ingin menjelaskan seberapa yang boleh di sini bahawa kekuatiran rakyat Malaysia bukan Islam terhadap proses Islamisasi tidak timbul dari sebarang permusuhan atau antipathy terhadap Islam sebagai suatu agama, tetapi kerana kebimbangan mereka bahawa dasar asas Malaysia sebagai sebuah negara sekular di mana wujud kebebasan agama, kepercayaan dan amalan, dengan Islam sebagai agama rasmi, akan dilemahkan secara tersirat dan berkesannya.

Menteri-menteri Kerajaan telah cuba mengurangkan ketakutan orang-orang bukan Islam dengan mengatakan bahawa nilai-nilai Islam yang diserapkan ke dalam Kerajaan dan pentadbiran adalah nilai-nilai yang baik yang diiktiraf dan disokong oleh ugama-ugama lain seperti keadilan, toleransi dan keharmonian. Namun demikian, jaminan-jaminan seumpama itu dan Menteri-menteri kian menjadi kurang berkesan apabila proses Islamisasi dipergiatkan kerana orang-orang bukan

Islam takut bahawa proses Islamisasi akan menyediakan asas ke arah pengwujudan sebuah negara Islam dalam masa akan datang—yang sebenarnya telah diakui secara awam di forum-forum Islam oleh mereka-mereka yang memperjuangkan Islamisasi.

Ketakutan dan kebimbangan mereka ditingkatkan lagi apabila mereka membaca dalam suratkhbar-suratkhbar tentang apa yang sedang berlaku di negara-negara lain di mana percubaan ke arah pembentukan sebuah negara Islam dijalankan seperti di Pakistan di mana ramai wanita telah memprotes serta berdemonstrasi terhadap kempen Kerajaan untuk memperkenalkan nilai-nilai Islam yang tegas, dengan cadangan-cadangan yang memerlukan keterangan dua orang wanita untuk disamakan dengan keterangan seorang lelaki, bahawa pampasan yang diberikan kepada keluarga seorang wanita yang meninggal dunia adalah separuh yang dibayar kepada seorang lelaki, sebatan untuk wanita yang berzina ditambahkan, cadangan Kerajaan untuk menubuhkan universiti-universiti berasingan untuk wanita, cadangan supaya keluarga seorang mangsa jenayah boleh menuntut penalti mati hanya sekiranya mangsa-mangsa adalah seorang lelaki.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: (*Bangun*).

Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat, minta jalan atau peraturan mesyuarat? Minta penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat yang berkenaan, apakah Yang Berhormat yang berkenaan tidak faham tentang konsep penerapan nilai-nilai Islam yang sering dibawa dan dikemukakan oleh pihak Kerajaan kita

pada hari ini. Apakah Yang Berhormat berkenaan tidak tahu bahawa penerapan nilai-nilai Islam yang dimaksudkan oleh pemimpin-pemimpin kita hari ini ialah untuk menimbulkan satu nilai yang mulia sebagaimana yang disebutkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semalam iaitu nilai-nilai yang universal yang diterima oleh semua seperti sifat-sifat rajin, sifat-sifat yang tidak suka menghasut, sifat-sifat yang tidak suka mengadu-dumba di antara satu sama lain dan lain-lain sifat yang diterima oleh semua. Yang kedua, saya amat kesal

Tuan Lim Kit Siang: Itu bukan penjelasan, ini satu ucapan.

Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat, saya tunggu Yang Berhormat dari Tumpat membuat kesimpulan.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Penjelasan yang kedua, saya minta daripada Yang Berhormat yang berkenaan iaitu tentang peraturan-peraturan yang dibawa itu apakah peraturan-peraturan yang dimaksudkan itu seperti membahagi harta pesaka sebahagian kepada lelaki dan separuh kepada yang perempuan itu apakah ini dikenakan kepada yang bukan Islam dan ini pihak Kerajaan tidak berhajat sama sekali untuk mengenakan undang-undang yang serupa ini kepada yang bukan Islam.

Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh: Silakan Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap Yang Berhormat boleh faham bahawa dalam sebuah negara yang berbilang agama apa tindakan yang diambil oleh Kerajaan patutlah sensitif terhadap pandangan-pandangan dan fikiran-fikiran majoriti rakyat Malaysia. Sungguhpun tiada seorangpun menentang nilai-nilai Islam yang ada bersama-sama dengan lain-lain

ugama atau disifatkan sebagai universal tetapi kalau penerapan nilai-nilai Islam di beberapa bidang kehidupan dijalankan di negara ini, itupun boleh menjadi asas untuk mengadakan undang-undang Islam oleh kerana itupun untuk kebaikan masyarakat sebab saya percaya tiada seorangpun yang akan kata bahawa pengenalan undang-undang Islam bukan untuk kebaikan masyarakat. Dan itu adalah satu-satu langkah yang rakyat Malaysia akan bimbang iaitu satu Islamic State. Tetapi apa yang mustahak saya rasa ialah sebelum proses ini diteruskan lagi bahawa fikiran-fikiran, kekuatiran rakyat warganegara Malaysia difahami dahulu. Dengan sebab itulah saya kemukakan pandangan ini dan bolehkah saya teruskan?

Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh:
Sila Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi saya ada sebut beberapa cadangan dan akhirnya ialah pengharaman yang dikenakan ke atas athletes wanita ke Asian Games di New Delhi dua tahun dahulu.

Ketakutan dan kebimbangan mereka tidak berkurang pula apabila mereka mendapati ekoran dari bacaan-bacaan mereka mengenai Islam bahawa dalam sebuah negara Islam, orang-orang bukan Islam bolehlah mempunyai tempat dalam jentera pentadbiran negara tetapi tidak boleh diamanahkan dengan tanggungjawab menggubal dasar-dasar am negara atau menguruskan perkara-perkara yang penting berhubung dengan keselamatan dan kewibawaannya.

Sebenarnya, orang-orang yang mengesyorkan supaya sebuah negara Islam ditubuhkan di Malaysia telah mengutarakan bahawa orang-orang bukan Islam di Malaysia boleh membuat sumbangan-sumbangan politik atas sifat perundingan atau advisory capacity sahaja tetapi tidak akan

mempunyai apa-apa peranan pun dalam majlis di mana keputusan-keputusan dibuat untuk mentadbirkan kerajaan dan negara.

Apa yang mengganggu orang-orang bukan Islam ialah walaupun kita tidak mempunyai sebuah negara Islam, orang-orang bukan Islam nampaknya dikesualikan dari merangka dasar-dasar asas Negara. Umpamanya, dalam perkara seperti penyerapan nilai-nilai Islam dalam Kerajaan dan pentadbiran yang akan mempengaruhi kedua-dua orang-orang Islam dan bukan Islam di Malaysia, rakyat Malaysia yang bukan Islam tidak memainkan apa-apa peranan langsung. Malah, hujah yang sama boleh juga diperluaskan ke bidang rumusan dasar-dasar asas yang lain serta penyandangan jawatan-jawatan Menteri yang penting. Baru-baru ini, pasukan petugas khas Kabinet untuk mengulangkaji Rancangan Malaysia Keempat telah menjadi sensitif bukan sahaja kerana ia mengandungi Menteri-menteri UMNO sahaja dengan mengecualikan penyertaan Menteri-menteri MCA, Gerakan, MIC, SUPP tetapi juga disebabkan pada waktu Kerajaan sedang menjadikan Islamisasi sebagai satu isu yang dipolitikkan, komposisi pasukan petugas tersebut dari segi ugama adalah amat mengganggu.

Disebabkan nilai-nilai Islam yang Kerajaan ingin menyerapkan ke dalam Kerajaan dan pentadbiran adalah nilai-nilai universal yang diajar juga oleh ugama-ugama agung yang lain, maka di sebuah negara berbilang kaum, agama dan budaya seperti Malaysia, nilai-nilai seumpama itu hendaklah disebarkan atas nama semua ugama dan kepercayaan dan bukan atas nama satu ugama sahaja kerana tiga sebab penting:

- (1) untuk mempertahankan kejaminan Perlembagaan terhadap kebebasan beragama.

- (2) untuk memupuk perpaduan negara dengan menggunakan nilai-nilai sejagat bersama yang didapati dalam berbagai agama di Malaysia sebagai asas untuk pembinaan negara dan bukan untuk mengujudkan satu benteng baru di antara nilai-nilai Islam dengan bukan Islam.
- (3) Untuk mencegah dari berlakunya polarisasi ketiga di Malaysia yakni polarisasi agama yang akan menambah kepada polarisasi kelas dan perkauman dan polarisasi agama pasti akan berlaku sekiranya perubahan-perubahan radikal dibuat dalam pentadbiran, kerajaan, ekonomi, pelajaran, politik dan undang-undang atas nama Islamisasi oleh orang-orang Islam dengan mengecualikan langsung rakyat Malaysia yang menganuti agama-agama lain.

Penyerapan nilai-nilai agama dan etika dalam Kerajaan, pentadbiran, ekonomi, pelajaran dan moral hendaklah diawasi oleh sebuah badan perunding antara agama yang mengandungi wakil-wakil dari agama-agama yang utama di Malaysia iaitu Islam, Buddhist, Christianity dan Hinduism.

Tuan Yang di-Pertua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia di dalam Titah Ucapan Baginda telah menyentuh akan kepentingan perkembangan-perkembangan kebudayaan dalam pencapaian perpaduan negara. Sebuah dasar kebudayaan boleh disamakan dengan sebilah pisau bermata dua, yang berupaya mengukuhkan perpaduan negara atau memusnahkan asas-asas perpaduan negara.

Dasar Kebudayaan Nasional dan cara ianya ditonjolkan oleh Kerajaan telah menjejaskan matlamat-matlamat perpaduan negara. Tahun 1984 telah bermula dengan 3 pengumuman tanpa kompromi oleh 3 pemimpin

UMNO. Di dalam satu seminar kebudayaan anjuran Pemuda UMNO, yang dengan jelasnya mengatakan bahawa tiada apa-apa lagi untuk dibicarakan atau dibahaskan berhubung dengan Dasar Kebudayaan Negara. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan bahawa Dasar Kebudayaan Nasional telah tertutup bagi perbincangan selanjutnya dan bahawa Kerajaan tidak akan bertoleran dengan sebarang persoalan atau kritikan Dasar ini. Beliau juga telah memberikan justifikasi bahawa penolakan memorandum kebudayaan yang telah dikemukakan kepada Kerajaan oleh Persidangan atau Conference Kebudayaan Cina Malaysia yang telah dihadiri oleh pertubuhan-pertubuhan Cina Kebangsaan pada bulan Mac tahun lepas, adalah suatu perkara kecil.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mencadangkan suatu rancangan perspektif untuk melaksanakan Dasar Kebudayaan Nasional, termasuk mengambil tindakan terhadap unsur anti-nasional yang membantah Dasar Kebudayaan Nasional.

Menteri Besar Pahang mengumumkan bahawa suatu kebudayaan nasional yang lahir daripada gabungan kebudayaan asal rantau ini berasaskan Islam tidak akan berjaya jika ia merangkumi kebudayaan-kebudayaan lain dan beliau mencadangkan bahawa usaha-usaha evolusi kebudayaan nasional patut dimulakan dari tahap Tadika sehingga ke Universiti.

Bagi sebuah negara majmuk seperti Malaysia di mana tiada sebarang kaum majoriti kerana setiap kaum merupakan kaum minoriti, patut wujudnya demokrasi kebudayaan bukan auto-krasi kebudayaan, untuk membolehkan perkembangan subuh pelbagai kebudayaan yang telah bertemu di persimpangan sejarah di Malaysia, dan evolusi suatu kebudayaan Malaysia yang terdiri daripada unsur-unsur baik pelbagai kebudayaan tersebut.

Malangnya, Malaysia sedang mengikuti jalan asimilasi dan tidak toleransi. Saya akan memberikan satu contoh mengenai perkara ini. Semasa perbahasan Dewan Rakyat atas Akta Pelajaran 1961 pada 20hb Oktober, 1961, semasa menjawab tuduhan-tuduhan bahawa dengan adanya Fasal 21(2) Akta tersebut yang memberikan kuasa kepada Menteri Pelajaran untuk mengubahkan Sekolah-sekolah Rendah Cina kepada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Kerajaan tidak menyedari akan kepentingan kebudayaan Cina. Presiden MCA pada masa itu dan Menteri Kewangan, Tun Tan Siew Sin telah mengatakan, dan ini adalah dalam *Hansard*, dan dengan izin, saya petik daripada *Hansard* tahun 1961 dalam bahasa Inggeris:

“Those of us who like myself have been privileged to attend State banquets and functions held at the Istana Negara have, for example, noticed that every time there is some sort of entertainment provided after a meal is over, or in the course of a meal, we get cultural exhibitions given by, for example, Radio Malaya; and in every one of these exhibitions there are always a few items which are performed by Chinese artists and in the Chinese language and depicting some aspects of Chinese culture.

I do not think that this has ever happened before, and I do not think it ever happened during the time when the British were in control of this country. If today the Alliance Government was not aware of the importance of Chinese culture, I do not think such a thing would be allowed to happen.”

Tuan Yang di-Pertua, lebih daripada satu dekad selepas Kongres Kebudayaan Nasional tahun 1971 di mana 3 prinsip Dasar Kebudayaan Nasional telah diterima, ‘such a thing’ yang disebutkan oleh Tun Tan Siew Sin tidak berlaku lagi.

Keadaan telah buruk sampai ke satu tahap yang paling extreme seperti yang nyata daripada kenyataan seorang scholar Melayu yang terkenal di Perjumpaan Dunia Melayu di Melaka pada tahun 1982, di mana beliau menekankan bahawa tidak patut wujud diskriminasi terhadap rakyat China yang telah memeluk cara hidup tanah-air, misalnya beliau kata datuk-datuk China mesti diberikan kehormatan yang sama seperti datuk-datuk Melayu, selagi mereka membuktikan ketaatsetiaan dan kerelaan menjadi sebahagian daripada negara ini melalui penerimaan adat-adat Melayu.

Sikap tidak toleran Kerajaan terhadap persoalan Dasar Kebudayaan Nasional nampaknya diikuti dengan dorongan Kerajaan terhadap kekurangan toleransi awam terhadap apa yang diturunkan sebagai kebudayaan kaum, kecuali di kalangan golongan-golongan kaum tersebut. Jadi, semasa Tahun Baru Cina baru-baru ini, walaupun Tarian Singa telah dibenarkan di bawah peraturan-peraturan kawalan polis yang ketat, salah satu daripada peraturan ini menghalang pertunjukan tarian singa ini diadakan di kawasan-kawasan dengan penduduk-penduduk Melayu, sebagai contoh, di rumah-rumah pangsa.

Jika rakyat Cina dan India didorongkan atau dibenarkan menghalang pertunjukan bentuk-bentuk kebudayaan kepunyaan kumpulan-kumpulan kebudayaan yang lain, misalnya kompiang ke arah manakah yang dituju? Adakah kepada sebuah negara Malaysia yang lebih bersatu-padu atau berpecah-belah? Mungkin adalah kini popular bagi pemimpin-pemimpin UMNO untuk membuat kenyataan-kenyataan yang ganas mengenai Dasar Kebudayaan Nasional, memandangkan menjelang pemilihan Perhimpunan Agong UMNO dalam beberapa bulan yang akan datang ini, tetapi saya benar-benar berharap

bahawa demi kepentingan jangka panjang semua rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kebudayaan, Kerajaan akan menyimpang dari sikap rigid serta tiada kompromi seolah-olah berlakunya autokrasi kebudayaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan mendakwa mempunyai pentadbiran yang terbuka serta liberal, adalah jelas bahawa Kerajaan bersikap semakin intolerant terhadap kritik dan perbantahan. Suatu contoh adalah pendirian Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bahawa beliau tidak akan tolerate terhadap sebarang perbincangan atau persoalan atas Dasar Kebudayaan Nasional. Suatu lagi adalah kenyataan Timbalan Menteri Kewangan yang baru-baru ini di satu forum mengenai Dasar Ekonomi Baru di Universiti Sains Malaysia bahawa Dasar Ekonomi Baru tidak patut dibahaskan atau dipersoalkan lagi.

Contoh ketiga adalah suatu percubaan baru-baru ini untuk menghalang penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri daripada mengkritik Kerajaan. Penarikan balik oleh Kerajaan berhubung dengan perkara ini berikutan dengan bantahan awam terhadap cadangan-cadangan tersebut, tidak dapat menyembunyikan tujuannya yang asal. Jadi, apabila Timbalan Menteri Pelajaran mengumumkan pada awal bulan Februari 1984 bahawa Kerajaan akan mengambil tindakan terhadap penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri yang membangkang dasar Kerajaan atau bersikap kritikal terhadapnya, beliau telah menjelaskan makna rangkaian kata 'aktiviti-aktiviti yang menentang Kerajaan' bagi merangkumi kritikan-kritikan awam terhadap dasar-dasar Kerajaan, dan membolehkan kemungkinan salah tafsiran dasar-dasar Kerajaan dan penuntut-penuntut yang mengambil bahagian di dalam demonstrasi-demonstrasi anti-Kerajaan.

Seorang lagi Menteri menyatakan bahawa tindakan-tindakan ini tidak

patut terhad kepada penuntut-penuntut Kerajaan tetapi termasuk juga penuntut-penuntut persendirian. Berikutan dengan bantahan-bantahan nasional dan antarabangsa, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menjelaskan bahawa clamp down Kerajaan ini terhadap penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri hanya ditujukan kepada penuntut-penuntut militan yang ingin menggulingkan Kerajaan sahaja.

Saya percaya bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran tidak begitu incompetent sehingga salah mewakili tujuan-tujuan Kerajaan, khususnya memandangkan beliau tidak pernah menjelaskan atau tarik balik kenyataan-kenyataan beliau. Kejadian ini menunjukkan betapa penting rakyat Malaysia bersikap waspada akan hak-hak mereka serta membantah tanpa sebarang ketakutan sebarang percubaan menghakisnya.

Saya menyeru kepada Kerajaan memberikan penjelasan sepenuhnya akan jenis tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri kerana bentuk asal keputusan clamp-down ini akan hanya menjadikan orang ramai mensyaki tindakan Kerajaan ini.

Suatu lagi petunjuk akan sikap intolerance yang kian bertambah adalah 'hukuman' Kementerian Dalam Negeri ke atas majalah *Far Eastern Economic Review* dengan melambatkan setiap pengeluaran mingguan tersebut selama 2 minggu kerana laporan majalah mingguan tersebut mengenai krisis Perlembagaan yang melanggar pengharaman yang dikenakan oleh Kerajaan ke atas perkara tersebut.

Penggantungan akhbar *Watan*, majalah bulanan *Nadi Insan*, mingguan Bahasa Malaysia bernama *Mingguan BUMI* dan cadangan-cadangan mengubal suatu Akta Percetakan baru untuk

menguatkan kawalan Kerajaan ke atas semua cetakan-cetakan yang diimport adalah sebahagian daripada suatu percubaan lebih besar untuk membolehkan manipulasi Kerajaan yang lebih ke atas pendapat umum di negara ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah melafaskan keyakinan Baginda dalam sistem demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan di Malaysia. Saya berpendapat bahawa sistem Raja Berperlembagaan tidak pernah merupakan suatu isu termasuk semasa krisis Perlembagaan baru-baru ini. Apa yang memerlukan pertimbangan serius setiap rakyat Malaysia yang berfikir, khususnya Ahli-ahli Parlimen, adalah kedudukan demokrasi berparlimen di Malaysia.

Demokrasi Berparlimen hanya seolah-olah sebuah tempurung kosong, dengan lebih trappings daripada isi kandungan tradisi demokrasi kerana rakyat Malaysia termasuk Ahli-ahli Parlimen dinafikan memainkan peranan serta penglibatan yang bermakna dalam menentukan masa depan negara serta kehidupan mereka.

Melalui masa, Parlimen telah makin menjadi sebuah institusi rubber stamp, dipergunakan oleh pihak Eksekutif untuk memberikan kesahan kepada tindakan-tindakan serta keputusan-keputusan tetapi tidak relevan kepada proses membuat keputusan dasar kebangsaan seperti terbukti dalam krisis Perlembagaan baru-baru ini.

Rakyat Malaysia yang menaruh kepercayaan kepada sistem demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan mesti cuba mengembalikan kepada Parlimen peranannya sebagai Dewan deliberative, legislative dan pembuat keputusan yang tertinggi sekali, bukan dianggap sebagai institusi sebuah rubber stamp yang tertinggi di Malaysia.

Pandangan rendah terhadap Parlimen di kalangan orang-orang awam boleh diukur daripada keutamaan yang diberikan oleh pihak akhbar kepada perjalanan Parlimen. Bukanlah anih bagi akhbar-akhbar tempatan untuk memberikan liputan suku muka atau kurang daripadanya kepada persidangan Parlimen, walhal kejadian-kejadian lain yang tidak terbanding kepentingannya dengan perjalanan Parlimen jika Parlimen yang benar-benar berada dikemuncak proses politik diberikan liputan yang lebih.

Parlimen patut menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk mengkaji semula peranannya dan memutuskan bagaimana ia boleh memulihkan tahap pre-eminennya di dalam sistem politik, jika tidak, bukan sahaja Parlimen yang telah mengecilkan peranannya, tetapi prinsip serta sistem demokrasi berparlimen telah juga dilemahkan dengan teruknya.

Adalah ditegaskan dalam Titah Ucapan diraja bahawa adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mewujudkan sebuah pentadbiran 'Bersih, Cekap dan Amanah'. Apabila cogan kata ini digunakan dalam pilihanraya umum April, 1982, ramai yang memberikan Kerajaan 'the benefit of the doubt' dan berharap pimpinan 2M boleh mengotakan cogan kata ini, tetapi sebelum dua tahun telah lalu di mana cogan kata 'Bersih, Cekap dan Amanah' sudah menjadi dengan izin 'a bad joke'. Malah MCA begitu malu dengan cogan kata pentadbiran 'Bersih, Cekap dan Amanah' sehingga ia menggugurkan penggunaan cogan kata tersebut sama sekali dalam pilihanraya kecil Seremban yang diadakan November lalu. Akibat itu, kita telah menyaksikan tema kempen utama Kerajaan dalam pilihanraya umum digugurkan sama sekali yang bererti seolah-olah satu pengakuan dibuat bahawa pentadbiran adalah 'tidak bersih, tidak cekap dan tidak amanah'. Bagaimanakah rakyat boleh menaruh harapan

yang tinggi pada Kerajaan sedangkan demi untuk jawatan politik, orang-orang yang menghendaki jawatan-jawatan tersebut mereka berpuluh ribu orang-orang ahli yang palsu.

Perkara yang menghampakan sangat sekali rakyat kita ialah cara Kerajaan mengendalikannya skandal pinjaman sebanyak \$2,500 juta Bumiputra Malaysia Finance di Hong Kong.

Bahagian yang mengejutkan tentang skandal BMF tersebut ialah bukan sahaja luasnya atau 'magnitude' pinjaman-pinjaman yang terlibat tetapi sikap dan falsafah mereka yang berada dalam Kerajaan yang nampaknya tidak menerima prinsip bahawa kuasa adalah satu amanah rakyat dan mereka hendaklah menjadi 'accountable' dalam tindakan-tindakan mereka.

Meskipun terdapat tuntutan negara supaya sebuah Suruhanjaya Diraja ditubuhkan untuk menyiasat skandal BMF, namun Perdana Menteri hanya telah menubuhkan sebuah jawatankuasa penyiasatan in-house. Memandang kepada bidang kerja yang begitu terhad, adalah diragui bahawa jawatankuasa penyiasatan tersebut yang diketuai oleh Ketua Audit Negara akan berkuasa untuk menyiasat ke dalam ramification politik di sebaliknya pinjaman-pinjaman berjumlah berbilion-bilion ringgit itu, orang-orang dari belakang yang merekomen, mempengaruhi serta bertanggungjawab dapat kelulusan pinjaman-pinjaman tersebut dan mungkin besar orang-orang ini ialah orang-orang politik yang berpengaruh sangat yang tidak mempunyai perhubungan secara langsung dengan Bank Bumiputra dan BMF.

Disebabkan jawatankuasa penyiasatan BMF adalah dari segi teknik sebuah jawatankuasa penyiasatan in-house yang ditubuhkan oleh Bank Bumiputra, namun orang ramai merasa amat 'skeptical' yang ia dapat

menjelajahi lebih jauh daripada Bank Bumiputra atau BMF kerana mungkin tempat di mana keputusan untuk meluluskan pinjaman-pinjaman tersebut dibuat adalah lain sama sekali. Umpamanya, adakah jawatankuasa penyiasatan BMF itu dapat menyiasat sama ada benar UMNO telah menerima satu 'cut' dari siberhutang-siberhutang tersebut sebagai derma untuk tabung bangunan UMNO ekoran transaction pinjaman berbilion-bilion ringgit BMF di Hong Kong itu seperti didakwakan.

Satu lagi aspek yang 'baffling' tentang bidang kerja jawatankuasa tersebut terhad kepada pinjaman-pinjaman dan kemudahan-kemudahan kredit yang diberikan oleh BMF kepada George Tan dan Eda Investments sahaja dengan mengecualikan orang ketiga yang terdiri dari si berhutang-siberhutang BMF, iaitu pemaju hartanah Kevin Hsu, dari skop penyiasatan.

Adalah dilaporkan dari Hong Kong bulan lalu bahawa petisyen-petisyen bankrapsi telah difailkan terhadap Kevin Hsu oleh sebuah bank perdagangan Jerman dan Kreditor utama BMF ialah Kevin Hsu. Pihak Hong Kong dan Shanghai Banking Corporation telah menyaman Kevin Jewelry, sebuah syarikat yang dikuasai oleh Kevin Hsu untuk sejumlah HK\$55 juta dan tuntutan tersebut tidak di 'contested'. Orang-orang lain yang telah menyaman Kevin Hsu tersebut menuntut jumlah wang yang melebihi HK\$80 juta daripadanya.

Rakyat Malaysia berhak mengetahui mengapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengecualikan Kevin Hsu daripada skop siasatan Jawatankuasa Penyiasatan BMF tersebut.

Saya ingin mendapat satu jaminan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa laporan penuh Jawatankuasa Penyiasatan BMF akan diumumkan kepada orang ramai serta dibentangkan dalam Parlimen

dengan memberikan peluang sertamerta untuk membahaskan skandal BMF itu.

Sungguhpun kami dari Parti DAP merasa dukacita dengan keengganan Kerajaan untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan di Raja ke dalam BMF, serta komposisi dan bidangkerja dan bidangkuasa jawatankuasa penyiataan in-house BMF itu, namun kita tidak akan membuat sebarang komen sehingga jawatankuasa telah memberikan laporannya.

Jawatankuasa Penyiataan BMF harus beritahu rakyat Malaysia berapa lamakah masa yang akan diambil olehnya untuk menyiapkan siasatan dan laporannya memandangkan ia telah setakat ini mempunyai lebih dua bulan untuk menyiakat kes tersebut. Kami berharap tidak akan berlaku apa-apa kelambatan yang berpanjangan dalam kerja dan laporan jawatankuasa penyiataan tersebut kerana minat orang ramai terhadapnya adalah besar dan kredibiliti orang ramai akan terjejas lagi sekiranya orang ramai nampak terdapat satu lagi bab untuk melengahkan atau melambat-lambatkan dalam saga panjang mengenai skandal BMF.

Selepas menjadi Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat telah mengatakan bahawa beliau akan sanggup membenters rasuah atau 'put the fear of God in those people who are corrupt'. Harapan orang ramai bahawa Kerajaan 2M akan membenters rasuah masih belum dipenuhi lagi dan rakyat Malaysia telah semakin menjadi 'cynical' akan usaha-usaha anti-rasuah Kerajaan yang lebih merupakan langkah-langkah publisiti daripada mengasingkan mereka yang korup daripada perkhidmatan awam dan jawatan-jawatan politik tertinggi.

Baru-baru ini Kerajaan Nakasone (Jepun) telah memerlukan semua

Menteri Kabinet Jepun mengisytiharkan harta benda mereka untuk memulihkan keyakinan awam terhadap Kerajaan. Ini pasti merupakan sesuatu yang patut dipelajari oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri daripada rakan sejawat beliau di Jepun. Sebenarnya, beliau patut melangkah satu langkah lagi ke depan dan mendesak semua Menteri Kabinet mengisytiharkan harta benda mereka bersama-sama dengan harta suami/isteri dan anggota keluarga, yang kemudiannya boleh dicontohi oleh orang-orang Jepun pula untuk menjamin kewibawaan pemimpin-pemimpin politik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bulan Januari sebuah Jawatankuasa Menteri Australia bagi mengkaji semula Dasar Kerajaan Australia mengenai penuntut-penuntut persendirian dari luar negeri yang diketuai oleh Prof. John Goldring telah melawat Malaysia untuk mendengar pendapat rakyat Malaysia. Rakan-rakan saya, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, Kepong dan saya telah menemui Jawatankuasa Menteri Australia tersebut dan membuat cadangan-cadangan tegas bahawa demi kepentingan perhubungan Australia-Malaysia, Kerajaan Australia harus mengelakkan diri daripada menghadkan bilangan tempat-tempat yang terbuka kepada warganegara Malaysia di Institusi-institusi Pengajian Tinggi Australia seperti yang telah dilakukan tahun ini di mana hanya 1,640 tempat (1,050 tempat sekolah pra-universiti dan 590 tempat universiti) telah diperuntukkan untuk penuntut-penuntut Malaysia. Kami juga telah menolak pandangan di beberapa kalangan Australia tertentu bahawa penuntut-penuntut Malaysia persendirian di Australia biasanya berasal daripada keluarga yang berada.

Saya berharap bahawa Jawatankuasa Goldring akan dapat kembalikan dasar pendidikan Australia yang

liberal, yang membolehkan kemasukan pelajar-pelajar Malaysia tanpa had ke dalam Australia untuk pengajian tinggi, walaupun modifikasi-modifikasi tertentu kepada dasar Australia mungkin diperlukan bagi menjamin agihan pelajar-pelajar Malaysia yang lebih seimbang di institusi-institusi dan kolej-kolej di seluruh Australia, berbanding dengan keadaan sekarang di mana ianya amat tertumpu kepada 2 buah universiti sahaja.

Yang mengeciwakan penuntut-penuntut persendirian Malaysia ialah dalam percubaan pergi ke Australia untuk melanjutkan pelajaran tinggi mereka ialah mereka bukan sahaja menghadapi masalah tempat-tempat yang terhad yang merupakan tanggungjawab Kerajaan Australia, tetapi juga mendapati Kerajaan Malaysia sedang menyaing dengan mereka untuk tempat-tempat terhad yang ada dengan memperolehi kuota-kuota yang dikhaskan bagi pelajar-pelajar yang ditaja oleh Kerajaan.

Jadi, daripada seramai 1050 pelajar-pelajar pri-universiti yang dikhaskan bagi Malaysia untuk tahun ini, Kerajaan telah mengambil lebihkurang 60% daripada tempat-tempat bagi penuntut-penuntut Kerajaan, walhal Kerajaan berupaya mengadakan tempat-tempat yang sama ini bagi pelajar-pelajar persendirian kerana dengan senangnya ia boleh mengadakan persediaan-persediaan alternatif bagi pelajar-pelajar Kerajaan sama ada di negara-negara lain atau di Malaysia sendiri.

Jadi, saya menyeru kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya berhenti bersaing dengan murid-murid persendirian bagi tempat-tempat yang terhad di negara-negara yang menetapkan kuota bagi pelajar-pelajar Malaysia.

Pada 25hb Februari, 1984, akhbar *Berita Harian* telah melaporkan

bahawa bermula daripada tahun 1986, semua sekolah rendah termasuk Sekolah-sekolah Rendah Cina dan Tamil akan dikehendaki mengajar Jawi sebagai suatu matapelajaran wajib dari Darjah IV hingga VI. Laporan ini menyatakan bahawa Pusat Kemajuan Kurikulum sedang mengakhiri persiapan kurikulum bagi pengenalan pengajaran matapelajaran Jawi secara wajib sebagai sebahagian daripada fasal kedua Kurikulum KBSR atau 3M di sekolah-sekolah rendah.

Laporan tersebut juga telah memetik Timbalan Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Dr Tan Tiong Hong sebagai menyokong pelajaran Jawi di kalangan murid-murid bukan Melayu, atas alasan bahawa pelajaran Jawi adalah perlu untuk membolehkan mereka yang bukan Melayu memperolehi kefasihan yang bermutu tinggi dalam Bahasa Malaysia.

Pihak DAP menentang sekeras-kerasnya pengenalan Jawi sebagai matapelajaran yang diwajibkan bagi penuntut-penuntut bukan Melayu. Yang lebih relevan untuk mereka adalah pengenalan bahasa-bahasa ibunda sebagai matapelajaran wajib di semua sekolah-sekolah rendah kebangsaan dan peningkatan mutu bahasa Inggeris di Sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil. Kita menyeru Kerajaan supaya memansuhkan rancangannya untuk menjadikan Jawi sebagai suatu matapelajaran wajib di sekolah-sekolah rendah bagi semua murid-murid kerana ia adalah paling tidak sihat sekiranya Islamisasi dibawa ke tahap sekolah rendah pun.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak.

5.13 ptg.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob Hilir Perak): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyertai membahas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, terlebih dahulu saya ingin merapatkan sembah menjunjung kasih atas Titan Ucapan tersebut yang meliputi semua bidang walau dalam negeri ataupun di luar negeri.

Satu ungkapan yang menarik hati saya dalam Titah Kebawah Duli ialah "Sistem pelajaran dan latihan dibentuk untuk menyediakan rakyat Malaysia yang giat dalam pembangunan negara dan menghayati semangat disiplin, nilai moral dan etika kerja yang baik." Dengan ini diharapkan dapat kita mencapai yang telah dicitakan-citakan oleh Kebawah Duli itu dengan secepat yang mungkin dan akhirnya akan mewujudkan satu sikap Bersih, Cekap dan Amanah dan diharapkan dasar Bersih, Cekap dan Amanah ini bukanlah satu big joke sepertimana yang telah dikatakan oleh wakil Kota Melaka itu kerana hanya pada orang yang tak suka bersih, tak suka cekap dan tak suka amanah sahaja yang menganggap dasar Bersih, Cekap dan Amanah itu sebagai big joke.

Dalam hal Kementerian Pelajaran ini inginlah saya menyentuh beberapa perkara dan saya pertekankan Kementerian Pelajaran adalah kerana ungkapan-ungkapan yang saya telah nyatakan tadi sungguh menarik. Jadi, Kementerian Pelajaran diharapkan dapat membuat renungan, perhatian, pertimbangan dan tindakan yang seterusnya.

Perkara yang pertama ialah bahagian pembangunan. Sejak Pilihanraya Umum 1978 banyak binaan sekolah baru menggantikan sekolah yang lama juga sekolah tambahan diluluskan oleh pihak Kementerian Pelajaran di seluruh negara. Ini termasuklah beberapa buah sekolah di kawasan-kawasan luar bandar termasuklah di kawasan saya sendiri yang bernilai beberapa juta ringgit, namun catitan dan minit Mesyuarat

Tindakan Daerah diulang-ulangkan perkara ini selama hampir lima atau enam tahun dan jawapan yang diberi ialah dalam tindakan Kementerian. Ini semua tidak dapat dilaksanakan kerana kita semua faham bahawa ekonomi negara yang meleset. Tetapi dalam masa itu murid-murid makin bertambah, sekolah lama bertambah buruk dan uzur, sekolah yang ada bertambah bersedak-sesak. Tahniah saya ucapkan kepada Kementerian Pelajaran kerana Skim Pembangunan Gerak Kilat dilancarkan di mana bangunan kayu yang telah dimasak dilaksanakan di sana-sini terutama di luar bandar. Saya harap untuk memecahkan masalah ini, untuk menyelesaikan masalah bangunan dan kelas-kelas yang tidak cukupini, Skim Gerak Kilat ini diperluas dan diperhebatkan sehingga meliputi sekolah-sekolah yang telahpun dijanjikan kelulusan pembinaannya dahulu kerana untuk menunggu pembinaan sepertimana yang dijanjikan entah bila akan menjelang tiba kerana keadaan kewangan negara.

Perkara kedua ialah Bahagian Latihan Guru. Saya sungguh tertarik hati membaca berita akhbar bahawa hampir 30 orang guru yang baru keluar dari maktab perguruan terpaksa berulang alik ke Pejabat Pelajaran Wilayah untuk mengetahui ke sekolah manakah mereka ditempatkan, walaupun pada masa itu penggal sekolah sudah seminggu bermula. Mereka ini terpaksa tinggal di Kuala Lumpur dengan cara menyewa hotel atau menumpang di rumah-rumah sanak-saudara. Tentulah perbelanjaan banyak yang habis.

Di samping itu di masa yang sama terkeluar berita menyatakan bahawa ada sekolah-sekolah yang terpaksa melepaskan kelas-kelas lebih awal kerana kekurangan guru di masa itu. Bukankah satu perkara yang pelik, ada guru yang terlatih yang tidak dapat tempat mengajar dan ada pula sekolah

yang tidak cukup guru. Jika sistem penempatan guru baru ini dapat diselaraskan dengan betul dan tersusun tentulah perkara-perkara yang seperti saya katakan tadi tidak akan wujud. Seharusnya sebulan sebelum penggal dibuka nama-nama guru ini telah dihantar oleh Kementerian Pelajaran ke negeri-negeri dan Pejabat Pelajaran Negeri pula menyusun penempatan guru-guru tersebut dan dihantar terus kepada guru-guru yang berkenaan. Guru-guru tersebut terus melaporkan diri ke sekolah-sekolah dan pihak sekolah pula telah sedia menyiapkan jadual waktu kerja bagi guru-guru tersebut. Diharapkan pentadbiran ini dapat dikemaskinikan agar guru-guru baru tidak dibebankan, sekolah-sekolah berjalan dengan baik, murid-murid tidak menjadi mangsa.

Pertukaran guru. Dalam banyak-banyak jawatan, jawatan guru yang banyak sekali pertukaran di hujung atau di awal tahun. Ini disebabkan perkembangan banyak sekolah dan penambahan murid-murid. Dengan itu adalah baik jika sistem pertukaran ini dibuat begitu rupa hingga tidak menyusahkan pihak guru, keluarga dan anak-anak mereka. Misalnya didapati pertukaran ini dibuat lagi satu minggu Penggal Pertama hendak dimula. Bila ini terjadi akan mewujudkan masalah yang begitu banyak terhadap guru-guru yang terlibat terutama yang mempunyai keluarga yang besar. Perpindahan memerlukan wang, mencari rumah di tempat baru, sekolah anak-anak dan juga pertukaran isteri ataupun pertukaran suami. Dengan sebab itu di awal penggal guru-guru tersebut menghadapi masalah, sekolah di mana ia ditempatkan kucar-kacir, murid-murid rugi dari segi pelajaran. Apa salahnya pertukaran ini dibuat dan diberitahu lebih awal supaya segala persediaan dan persiapan dapat dibuat oleh guru-guru tersebut walaupun takut mereka membuat rayuan kepada Wakil-wakil Rakyat atau kepada

Menteri-menteri Besar atau Menteri-menteri, namun ini terpulang kepada ketegasan pihak pentadbir juga dengan memberi sebab-sebab yang munasabah. Jika ini dapat dilaksanakan tidaklah wujud masalah-masalah yang saya nyatakan tadi.

Keempat, Biasiswa perguruan Keluar Negeri.

Kementerian Pelajaran masih kekurangan tenaga pengajar terhadap mata-mata pelajaran yang professional seperti kejuruteraan dan vocational.

Dengan itu biasiswa ditawarkan kepada mereka yang kononnya berminat dalam dunia pendidikan. Tetapi apabila sudah lulus, mereka mencari helah untuk keluar dari dunia perguruan. Disamping itu membuat kenyataan akhbar bahawa mereka tidak berminat. Mereka terima biasiswa dahulu kerana semata-mata hendak keluar negeri, hendak melanjutkan pelajaran.

Tetapi bila kembali dan lulus menghina jawatan guru dan menganggap jawatan guru sebagai jawatan yang terakhir. Mereka lupa siapa yang mengajar mereka sehingga dapat keluar negeri dan lulus dengan ijazah.

Mereka lupa bahawa ramai lagi adik-adik mereka yang ingin lulus seperti mereka yang memerlukan pertolongan dan bimbingan. Orang seperti ini lupa akan budi guru mereka. Budi Kementerian menempatkan di sekolah-sekolah yang baik bagi mereka dan lupa akan wang Kerajaan dan juga wang rakyat yang memberi mereka biasiswa. Mereka lebih mementingkan diri mereka sendiri.

Apa salahnya mengajar dahulu buat beberapa tahun setelah habis tempoh perjanjian, keluarlah ketempat lain dan hendak buat duit berguni-guni pun siapa pun tidak kata apa. Apabila hutang budi sudah di bayar, dapat pula

melahirkan murid-murid yang bijak dalam bidang yang sama. Rezeki yang ingin kita cari untuk diri kita itu akan lebih direzki Allah.

Dengan itu, saya berharap Kementerian Pelajaran juga Jabatan Perkhidmatan Awam dapat memastikan bahawa calon-calon yang menerima biasiswa benar-benar cenderung berminat dan bertanggung-jawab atau perjanjian yang dibuat oleh mereka dengan pihak-pihak yang memberi biasiswa.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh.

5.23 ptg.

Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyatakan sokongan terhadap usul yang telah dibawa oleh wakil dari Kuantan bagi mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Keenam yang telah dibentangkan sebegini tadi.

Saya ingin menjunjung kasih dan merakamkan penghargaan di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Titah Ucapan Baginda semalam dilafazkan dengan penuh keikhlasan dan kejujuran yang secara keseluruhannya menyentuh semua aspek pentadbiran negara dan dasar-dasar negara.

Baginda terlalu ikhlas dan jujur dalam membuat pandangan. Baginda mempunyai pandangan yang jauh ke hadapan untuk memastikan negara ini diberkati oleh Allah subhanahu wa ta'ala dalam mengekalkan negara ini di dalam keadaan stabil, aman, bersatu padu, bermaruah dan maju. Kesetabilan negara, keamanan dan perpaduan yang kita sama-sama cipta pada

masa ini adalah untuk jenerasi-jenerasi yang akan datang.

Pemupukan semangat tersebut kepada semua lapisan rakyat di dalam negara ini adalah amat perlu agar semangat cintakan tanahair atau semangat nasionalisma ini sentiasa wujud dan subur di hati sanubari setiap lapisan negara ini.

Dasar-dasar yang innovative seperti yang dijelaskan oleh Baginda hendaklah menjadi turutan, ikutan dan amalan kepada setiap rakyat di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Keempat yang akan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini mengenalpasti masalah-masalah dan rintangan-rintangan yang mencatatkan keberkesanan matalamat rangka rancangan jangka panjang Kerajaan terutamanya di dalam usaha ke arah mencapai matalamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Walaupun kalau kemiskinan yang wujud dikalangan petani, nelayan dan pekebun kecil di negara ini bukanlah kemiskinan mutlak sehingga wujud petani-petani, nelayan-nelayan dan pekebun-pekebun kecil kebuluran atau dengan izin starvation dan kekurangan makanan atau dengan izin malnutrition seperti yang terdapat di beberapa buah negara membangun di dalam dunia ini, tetapi kita tidak harus melupakan kepada hakikat bahawa golongan-golongan yang saya sebutkan itu tadi masih lagi miskin.

Pendapatan mereka masih jauh berbeza jika dibandingkan dengan mereka yang digolongkan sebagai golongan yang kaya atau golongan yang berada. Kegiatan pertanian yang diusahakan oleh mereka, kegiatan penangkapan ikan yang dijalankan

oleh mereka masih lagi dilaksanakan mengikut amalan-amalan tradisi dan conservative.

Mereka masih belum melepaskan diri dari belunggu dan kongkongan orang tengah. Perkataan "taukeh" masih tidak lenggang di bibir mereka. Bagi mereka perkataan tersebut terlalu lunak disebutkan dan enak didengar. Pada hal perkataan "taukeh" itulah yang selama ini mencengkam, memeras penghidupan mereka.

Saya berkeyakinan penuh bahawa asas atau punca kepada kemiskinan ini ialah dari penggunaan tanah yang tidak ekonomik dan tidak sistematik di samping faktor keluasan tanah yang terlalu terhad. Kemiskinan yang wujud di kawasan luar bandar ini seolah-olah seperti penyakit yang berjangkit. Kaum tani yang tidak tahan menghadapi ancaman kemiskinan ini melarikan diri ke bandar-bandar dengan cita-cita dan harapan untuk mendapat atau mencari pekerjaan bagi memperbaiki taraf ekonomi mereka.

Penghijrahan seumpama ini berlaku dengan tidak mengira masa. Ianya berterusan dan bilangannya kian bertambah. Akibatnya penyakit kemiskinan yang berasal dari luar bandar tadi menjangkit kebandar. Pengangguran berlaku di bandar, terlalu banyak penawaran tenaga kerja menyebabkan setengahnya gaji pekerja-pekerja menjadi kian murah sehingga tidak memungkinkan pekerja-pekerja ini memiliki rumah sendiri atau menyewa rumah tempat tinggal mereka di mana akhirnya wujud kawasan-kawasan setinggan di mana di dalam kawasan-kawasan setinggan itu pula terdapat banyak kepicingan sosio ekonomi dan sosio budaya.

Dengan ini dari satu masalah pokok mengenai kemiskinan di luar bandar, negara kita terpaksa menghadapi masalah yang sama di dalam bandar

akibat jangkitan dari masalah pokok tadi. Kerajaan memang sentiasa menitikberatkan untuk menyelesaikan kedua-dua masalah tadi. Cuma hasilnya belum boleh dikatakan amat-amat memberangsangkan.

Walau bagaimanapun, bersama-samalah kita mengucapkan syukur kehadiran Allah subhanahu wa ta'ala kerana dengan limpah dan kurniaNya, mendorong Kerajaan melancarkan suatu dasar baharu ke arah penyelesaian kemiskinan tadi yang diberi nama Dasar Pertanian Negara.

Saya menjunjung tinggi usaha Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai Dasar Pertanian Negara, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam pembentukan dasar tersebut.

Saya juga menyanjung tinggi harapan beliau supaya Dasar Pertanian Negara ini akan membawa perubahan kepada taraf hidup petani, pekebun serta para nelayan yang sangat-sangat mengharapkan agar mereka dibebaskan dari belunggu kemiskinan.

Kesedaran dan keinsafan beliau tentang masalah yang dihadapi oleh masyarakat tani yang selama ini menumpahkan taat setia mereka kepada negara dan sistem demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan yang selama ini dikenalpasti memberi sokongan padu kepada Kerajaan patut disanjung tinggi dan disokong sepenuhnya agar usaha ke arah pencapaian matalamat Dasar Pertanian Negara itu menjadi realiti.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha Kerajaan mengimplimentasikan Dasar Pertanian Negara yang bermatlamatkan untuk memaksimumkan pendapatan daripada pertanian melalui penggunaan sumber-sumber negara dengan cekap dan mempergiatkan semula sumbangan sektor pertanian kepada pembangunan ekonomi negara keseluruhannya

berdasarkan strategi-strategi pembukaan tanah-tanah baru, pembangunan-pembangunan in situ, perkhidmatan sokongan pertanian dan pembangunan sosial dan institusi di dalam usaha Kerajaan membantu para nelayan meninggikan taraf hidup mereka dengan dasar sekim kemudahan kreditnya di dalam usaha Kerajaan membantu para peniaga kecil dengan memberi kemudahan kewangan melalui institusi-institusi kewangan Kerajaan seperti MARA dan bank-bank perdagangan yang lainnya, di dalam usaha Kerajaan membantu para belia yang cenderung di dalam bidang perladangan dengan memberikan bantuan melalui projek belia peladangnya dan kepada para belia yang cenderung dalam bidang perniagaan diberikan bantuan melalui projek belia niaganya dan juga di dalam usaha Kerajaan untuk memberi peluang kepada kakitangan Kerajaan yang berminat di dalam bidang perniagaan dengan memberikan cuti bergaji penuh bagi mengikuti kursus-kursus perniagaan anjuran Kerajaan.

Kita harus jangan lupa bahawa terdapat sebahagian kakitangan Kerajaan yang terlibat di dalam mengusahakan bagi mendapatkan bantuan-bantuan kepada mereka yang memerlukannya hanyalah sekadar berusaha mendapatkan bantuan sahaja. Satu usaha sekerat jalan. Sebahagian dari kakitangan Kerajaan yang terlibat di dalam bidang-bidang bantuan seperti yang disebutkan di atas tadi tidak menyedari dan tidak menginsafi bahawa mereka bukan hanya sekadar memerlukan bantuan kewangan semata-mata malahan mereka juga memerlukan bantuan-bantuan bimbingan khidmat nasihat pemasaran dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memudahkan penganalisaan, biarlah saya berikan beberapa contoh. Misalnya Pejabat-pejabat MARA Daerah yang diamankan dan

dipertanggungjawabkan di dalam memberikan bantuan modal dan galakan kepada peniaga-peniaga kecil ataupun Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan di Daerah-daerah yang dipertanggungjawabkan untuk memberikan bantuan kepada belia-belia yang berminat dan berkesanggupan melalui sekim projek belia peladang dan belia niaga. Apa yang biasanya berlaku di Daerah-daerah ialah mereka hanya mempunyai keupayaan untuk memberikan bantuan dari sudut menyediakan kertas kerja projek, kemudian membuat surat-surat sokongan dan permohonan lantas disalurkan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk mendapatkan kelulusan. Apabila permohonan telah diluluskan dan disampaikan kepada pemohon dibiarkan terus pemohon menjalankan program masing-masing tanpa dibuat susulan bagi memastikan kejayaan projek-projek yang berkenaan.

Perkara yang seumpama ini sering berlaku. Ianya berlaku bukan kerana pegawai-pegawai tersebut malas sungguhpun ada segelintir bukan kerana pegawai-pegawai tersebut tidak berminat dan tidak dedikasi di dalam menjalankan tugas-tugas hariannya sungguhpun segelintirnya ada tetapi lebih tepat lagi ianya berlaku kerana jabatan-jabatan berkenaan seperti Pejabat-pejabat MARA Daerah, Pejabat Kebudayaan, Belia dan Sukan di Daerah-daerah tidak dibekalkan dengan kakitangan yang cukup. Adalah terlalu sukar dan amat membebankan bagi seorang Pegawai MARA Daerah dan Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan Daerah untuk melaksanakan kerja-kerja membuat kertas kerja kepada pemohon-pemohon dan memastikan validitinya menyalurkan permohonannya membuat lawatan-lawatan dari semasa ke semasa kepada projek-projek yang mendapat bantuan Kerajaan bagi memastikan ianya berjalan lancar dan licin serta menguntungkan di samping

membuat kerja-kerja pejabat lain mengikut arahan-arahan daripada pihak Negeri dan juga pihak Pusat.

Apa yang berlaku dewasa ini pegawai berkenaan tidak langsung mempunyai kesempatan untuk melaksanakan dengan sesempurnanya semua bidang tugas yang telah disebutkan di atas tadi. Akhirnya berjuta-juta ringgit bantuan Kerajaan yang disalurkan kepada belia dan peniaga-peniaga kecil ini hangus begitu sahaja. Sebahagian besar projek-projek yang diberikan bantuan ini menemui kegagalan sementara yang selebihnya berada di dalam keadaan hidup segan mati tak mahu. Oleh yang demikian suka saya mencadangkan di sini di dalam Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan mengkaji semula dasar-dasar bantuan kewangan kepada para peniaga kecil dan kepada para belia melalui sekim belia peladang dan belia niaga bagi mengelakkan pembaziran. Dalam konteks ini setiap bantuan dan kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan, hendaklah ada susulan dari masa ke semasa dari kakitangan Kerajaan yang berkenaan. Susulan ini perlu untuk memastikan kejayaan sesuatu projek dengan memberikan khidmat nasihat dan bimbingan dan bantuan-bantuan pemasaran. Kerajaan hendaklah menempatkan lebih ramai lagi kakitangan di jabatan-jabatan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita yang sedang pesat membangun ini dapat mengekalkan keamanan kesentosaan, perpaduan dan kesejahteraan rakyat walaupun tanpa disedari kita masih sedikit sebanyak terikut-ikut dengan sistem penjajahan dahulu dalam konteks pembangunan negara mengikut kawasan (regional Development).

Bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t. kerana pucuk pimpinan negara telah menyedari hakikat tersebut lantas menggubal dasar pembangunan

bandar dan wilayah yang bertujuan untuk mengurangkan perbezaan pembangunan antara kawasan dan meningkatkan kemajuan. Dengan ini bererti bahawa kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti sebagai kawasan-kawasan mundur akan dibangunkan. Dengan ini juga bererti bahawa kawasan-kawasan di mana pendapatan penduduknya berada di bawah garis kemiskinan akan diserapkan dengan berbagai bentuk pembangunan agar pendapatan per kapita penduduk di kawasan ini akan dapat dipertingkatkan. Usaha Kerajaan memberikan keadilan dan sesaksamaan pembangunan ini patut diberikan pujian serta sanjungan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, Bahasa Malaysia bahasa rasmi negara yang telah diperluaskan penggunaannya ke seluruh negara dan semua peringkat hendaklah dipertahankan kedaulatan. Bahasa ini terlalu mudah dipelajari dari sudut sintaksisnya, semantikanya dan fonologinya. Walau bagaimanapun setelah berpuluh-puluh tahun kita bersama-sama mendaulatkan dan mempertahankan maruah bahasa ini dewasa ini masih terdapat golongan-golongan yang secara sengaja mahu-pun tidak sengaja menggunakan bahasa-bahasa yang salah. Sering didapati penggunaan Bahasa Malaysia yang salah dari sudut sintaksis dan ejaannya di papan-papan tanda perniagaan dan papan kenyataan awam dan yang seumpamanya. Akhir-akhir ini pula terdapat satu trend baru dalam membunyikan beberapa perkataan Bahasa Malaysia. Saya berikan satu contoh ayat, Tuan Yang di-Pertua. Ayat ini saya bacakan ikut bacaan biasa dahulunya. Contohnya:

Ahli-ahli sosioloji, antropoloji dan saikoloji akan menganjurkan satu dailog mengenai karikelem dan ko-karikelem sekolah-sekolah.

Tetapi ayat tersebut dewasa ini, akhir-akhir ini dibaca seperti berikut:

Ahli-ahli sociology, anthropology dan psikology akan menganjurkan satu dialog mengenai kurikulum dan ko-kurikulum sekolah-sekolah.

Perbezaannya begitu ketara sekali dan oleh kerana perbezaan ini begitu ketara kadangkala ianya menjadi bahan ketawa kepada orang ramai dan jika sekiranya bahasa yang selama ini kita pertahankan kedaulatan serta maruahnya dijadikan sebagai bahan ketawa kepada orang ramai, Maka kedaulatan serta maruah Bahasa Malaysia yang kita agung-agungkan ini akan tercemar.

Sungguhpun dari segi sintaksisnya betul, semantikanya betul, dan fonologinya juga berkemungkinan betul tetapi oleh kerana bunyi beberapa perkataan tadi berubah maka ia menjadi bahan ketawa orang ramai. Orang ramai merasa kekok dan janggal menyebabkan mereka yang memperdalam ilmu bunyi berasa segan dan silu untuk menggunakan serta membunyikan perkataan-perkataan tersebut. Alah bisa kerana biasa, kata orang. Beberapa perkataan lain, Tuan Yang di-Pertua, boleh saya contohkan seperti dialog, pada masa dahulu kita sebut, tetapi pada masa ini dialog. Karikulum disebut sebagai kurikulum. Akademik disebut sebagai akademik. Strategi disebut sebagai strategi. Idea, disebut sebagai idea. Kalau begitu, ianya akan menjadi bahan ketawa orang ramai kepada yang membunyikan sebutan bagi ayat ini. Idea-idea membentuk strategi yang akademik dalam melaksanakan kurikulum baru sekolah rendah lahir dari para cendekiawan negara. Kadangkala kita pun tidak faham bunyi ayat tersebut. Oleh hal yang demikian, di dalam kita memperkembangkan penggunaan Bahasa Malaysia ini, dalam usaha kita mempertahankan kedaulatan dan memelihara maruah Bahasa Malaysia

yang tercinta ini suka saya membuat cadangan berhubung dengan kedua-dua perkara yang telah saya sebutkan tadi.

Yang pertama, Kerajaan hendaklah membentuk satu Jawatankuasa Pengkaji Bahasa Malaysia yang membuat kajian dari sudut sintaksis, semantik dan fonologinya di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah-daerah di dalam negara ini. Jawatankuasa ini juga hendaklah diberikan tauliah untuk menegur, menangkap dan mendakwa kepada mereka yang didapati sengaja melakukan kesalahan berbahasa atau yang dengan sengaja melakukan pencemaran bahasa.

Yang kedua, sebelum perubahan-perubahan ejaan dan bunyi-bunyi perkataan dilaksanakan Kerajaan hendaklah memberitahu dan mengajar orang ramai mengenai perubahan-perubahan yang akan dilaksanakan melalui media-media Kerajaan seperti radio, teliviesyen, akhbar-akhbar dan majalah-majalah. Kita tidak mahu lagi perkataan Malaysia disebut sebagai Malayssia. Kita tidak mahu mendengar perkataan nasional disebut nassional dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali ingin saya junjung kasih, merakamkan terima kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda yang berbunyi:

“Dalam zaman moden ini, negara-negara saling bergantung dan perlu mengukuhkan hubungan antara satu sama lain. Melalui hubungan ini, kita telah berjaya memperolehi pelaburan asing dan pasaran antarabangsa bagi bahan-bahan eksport kita. Kejayaan ini adalah hasil lawatan pemimpin-pemimpin negara ke luar negeri dan juga lawatan pemimpin-pemimpin asing ke negara ini.

Titah Baginda ini dapat menghilangkan keraguan rakyat mengenai lawatan-lawatan yang sering dilakukan oleh Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri ke luar negeri di mana kekerapan lawatan tersebut dijadikan perbincangan politik di kedai-kedai kopi. Golongan-golongan penentang Kerajaan ini menganggap bahawa lawatan-lawatan tersebut adalah suatu yang membazir sedangkan negara dewasa ini menghadapi masalah kemelesetan ekonomi. Pemikiran mereka terlalu singkat sehingga tidak dapat membuat analisa bahawa dengan lawatan-lawatan ke luar negeri yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin negara banyak mendatangkan faedah kepada rakyat dan negara seperti yang telah dititahkan oleh Baginda Tuanku sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok.

5.45 ptg.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana diberi peluang dan kesempatan untuk turut berucap bagi menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong yang sangat bernas dan selaras dengan kehendak-kehendak negara pada masa ini dan saya sangat menjunjung kasih merafakkan sembah di atas pandangan-pandangan yang terdapat dalam Titah Ucapan Baginda di dalam merasmikan Parlimen keenam pada hari semalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati Ucapan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah disampaikan di dalam Dewan yang mulia ini dapat saya simpulkan bahawa perpaduan, kerjasama, sokong-menyokong di antara Kerajaan

Parti yang memerintah dengan kedaulatan Raja-raja Melayu telah begitu erat dan begitu padu sekali untuk membangunkan negara dan rakyat yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Dewan ini di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda yang berbunyi:

“Kerajaan Beta telah menetapkan matlamat bagi menjadikan negara kita aman, bersatupadu, bermaruah dan maju. Tidak ada jalan yang mudah ke arah pencapaian matlamat ini dan dari semasa ke semasa kita perlu menentukan arah-arrah baru. Kerajaan Beta di bawah pimpinan Perdana Menteri Beta yang dikasihi, Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad sentiasa berusaha memperkenalkan dasar-dasar yang inovatif. Untuk menjayakannya, kita perlu mengamalkan sikap yang positif dalam segala usaha kita”.

Dan, Tuan Yang di-Pertua, di akhir daripada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda telah menyebutkan:

“Beta berkeyakinan penuh bahawa sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan akan kekal di negara yang kita cintai ini”.

Ini Tuan Yang di-Pertua, telah membuktikan dan menyangkal kalau adanya tuduhan-tuduhan sama ada daripada Parti Pembangkang dan sebagainya yang cuba mengambil kesempatan daripada apa yang berlaku di dalam negara kita ini bahawa perpaduan yang wujud yang begitu kukuh di antara Kerajaan yang memerintah dengan Raja-raja yang berdaulat di dalam negara ini telah terbukti daripada apa yang diperkatakan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulas satu demi satu di mana yang saya fikir terdapat penting di dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda.

Pertama, ialah di dalam ungkapan dasar pertanian negara yang akan memberikan asas untuk merangka strategi-strategi serta program-program bagi mempergiatkan semula sumbangan sektor pertanian dengan meningkatkan daya pengeluaran negara dan pendapatan pata petani. Oleh sebab kita tahu negara kita adalah sebuah negara pertanian, sudah semestinyalah rancangan Kerajaan membuat satu dasar pertanian negara ini sangat-sangatlah disanjung tinggi dan disokong penuh. Tetapi pada pendapat saya apa yang penting ialah penyelarasan kerjasama di antara Kementerian Pertanian dengan Jabatan-jabatan lain itu mestilah diselaraskan ataupun disatupadukan.

Sebagai contoh, saya mengambil perhatian Dewan ini kepada suatu perkara di dalam kuasa saya sendiri di mana Kementerian Pertanian ataupun Jabatan Pertanian telah memperuntukkan subsidi yang berjuta ringgit. Bukan sahaja barangkali di dalam kawasan saya bahkan di seluruh negara. Kementerian Pertanian dan Jabatan Pertanian serta agensi-agensi lain seperti MARDI dan sebagainya telah diperuntukkan wang yang begitu banyak untuk meninggikan taraf pengeluaran negara di dalam sektor pertanian ini.

Tetapi apabila berlaku sesuatu mala petaka negara, misalnya baharu-baharu ini banjir telah melanda di dalam negara kita khususnya di dalam kawasan saya sendiri beratus-ratus hektar tanah telah musnah dilanda banjir dan ini menyebabkan pokok-pokok koko juga benda-benda yang lain yang dipunyai oleh penduduk-penduduk di kawasan itu telah musnah disebabkan oleh keadaan banjir itu. Apabila disiasat, apabila dikaji, apabila dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah didapati bahawa saluran-saluran parit memarit di dalam sesuatu kawasan itu tidak disempurnakan dengan begitu baik, maka ini telah menyebabkan bahawa

peruntukan yang telah diperuntukkan oleh Kementerian Pertanian atau Jabatan Pertanian ataupun agensi-agensi Kerajaan di dalam sektor-pertanian itu telah musnah begitu sahaja. Inilah selalu saya katakan di Dewan ini perancangan yang amat penting perlu diwujudkan atau diadakan sebelum Kerajaan melaksanakan sesuatu rancangan bagi faedah rakyat, bagi faedah negara di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa MAMPU iaitu Jabatan Perdana Menteri telahpun membuat kajian berhubung dengan pentadbiran daerah secara memperkenalkan konsep Pejabat Daerah Contoh dan lain-lain teknik pengurusan, selain daripada kajian-kajian, seminar-seminar juga telah diadakan dan kalaulah dikumpulkan kajian-kajian dan juga kertas-kertas seminar ini dan dimasukkan ke dalam guni maka saya percaya memang telah penuhlah guni tersebut dengan kertas-kertas tetapi mengapakah hasilnya kurang memuaskan. Dan saya telahpun menghuraikan sebab-sebab utama seperti yang telah saya katakan sebentar tadi. Oleh kerana itu sampailah masanya pada pendapat saya agensi-agensi pusat iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbendaharaan dan Unit Perancangan Ekonomi membuat kajian-kajian yang lebih mendalam serta detail ke atas pentadbiran daerah.

Tuan Yang di-Pertua, perseimbangan di dalam jentera pentadbiran hendaklah dilihat dari segi perlaksanaan tugas-tugas bagi membangun ekonomi dan masyarakat. Pegawai-pegawai yang berkebolehan, yang berkelayakan, berpengalaman serta berkalibar bukanlah untuk ditempatkan di Kementerian-kementerian, agensi-agensi pusat tetapi mereka ini tak kira daripada apa gred jawatannya hendaklah ditempatkan diperingkat akar umbi di mana

orang ramai memerlukan khidmat mereka khususnya di peringkat negeri dan juga pentadbiran daerah. Malahan dengan adanya pegawai-pegawai seumpama ini akan dapat diberikan nafas baharu untuk merancang, melaksana, memestikan pembangunan berjalan dengan lancar dan akhirnya mereka ini akan dapat pula menilai kejayaan atau kegagalan sesuatu program Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya ini mungkin agaknya satu radikal terutama kepada pegawai-pegawai agensi Kerajaan Pusat. Saya merasa kurang senang dengan alasan-alasan tidak boleh dijalankan perubahan semata-mata berdasarkan kepada prinsip perkhidmatan dan perjawatan. Inilah punca dan inilah yang menjadi masalah utama mengapa berlakunya kekecohan di dalam jentera pentadbiran. Agensi-agensi pusat yang mempunyai begitu ramai pegawai dan jika dihimpun jumlah pegawai-pegawai PTD misalnya kita akan dapat hampir-hampir satu per enam jawatan-jawatan tingkatan tertinggi berada di agensi-agensi pusat.

Satu perkara yang menarik perhatian dan perlu direnung oleh pegawai-pegawai atau ketua-ketua jabatan di agensi-agensi pusat ialah mereka mestilah sedar dan faham keperluan pegawai-pegawai yang dinamik berkhidmat diperingkat daerah. Baharu-baharu ini pun Timbalan Perdana Menteri kita telah menyarankan bahawa akan mengkaji tentang penyelarasan pegawai-pegawai Kerajaan di dalam semua Jabatan Kerajaan kita. Ini barangkali adalah kesedaran Timbalan Perdana Menteri adanya suatu jabatan itu terlalu berlebih-lebihan pegawai Kerajaan tetapi ada pula di dalam satu-satu jabatan itu tidak mencukupi pegawai-pegawai untuk bertugas bagi menyelesaikan masalah yang begitu banyak di dalam kita merancang untuk membangunkan negara kita ini.

Keperluan itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah berdasarkan bahawa sekiranya orang ramai tidak percaya lagi dengan jentera pentadbiran yang ada sekarang, tidak cekap atau sebarang perkara yang kurang memuaskan maka sudah tentu keyakinan mereka kepada Kerajaan sendiri akan berkurangan, maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, biarlah orang ramai yang menyokong yang sentiasa taat setia kepada parti yang memerintah iaitu parti Barisan Nasional ini terus mendokong pimpinan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri serta Menteri-menteri Kabinet, Menteri-menteri Besar dan Exco Kerajaannya, pegawai-pegawai yang sepatutnya yang lebih ramai berkhidmat di peringkat daerah itu dan tidak seharusnya lagi ditempatkan di Kementerian serta agensi-agensi pusat.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak harus berpegang kepada dasar pengurusan-pengurusan tradisional.

Maksud saya kalau hendak dibuat perubahan mestilah dilihat struktur negeri atau struktur negeri, takut pula nanti ada pegawai lebih tinggi daripada Setiausaha Kerajaan dan lain-lain, ini fikiran negatif. Kajilah sedikit struktur pihak swasta kerana negara memerlukan perubahan. Kalau sekiranya pihak Kerajaan Negeri atas sebab-sebab kewangan tidak mampu menampung pegawai-pegawai yang akan kita tempatkan diperingkat pentadbiran daerah maka pihak Kerajaan Pusat hendaklah memikirkan cara-cara yang tertentu pula bagi membiayai segala peruntukan kewangan yang diperlukan itu. Ini juga memerlukan perubahan dari segi dasar dan juga prinsip yang dipegang selama ini. Sama ada peruntukan itu datang daripada poket Kerajaan Pusat atau poket Kerajaan Negeri natijahnya ialah sama. Peruntukan itu adalah peruntukan daripada Kerajaan semuanya. Apa yang saya inginkan biarlah jentera pentadbiran sekarang ini sama ada di

peringkat Persekutuan ataupun di peringkat negeri ataupun di peringkat daerah hendaklah diperseimbangkan dari segi kemajuan yang dilancarkan oleh program Kerajaan itu sendiri. Sekiranya tidak ada penyelarasan dan keseimbangan di antara program dengan jentera pentadbiran Kerajaan saya rasa kegagalan akan lebih banyak berlaku daripada tahap pencapaian perlaksanaan dasar Kerajaan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada aspek pentadbiran yang lain iaitu aspek perancangan. Saya telah pun menyebut bahawa perancangan-perancangan yang diselenggarakan di peringkat Negeri dan di peringkat Daerah sekarang ini sedikit sebanyak terdapat juga tidak menyenangkan. Kelemahan-kelemahan nyata dari segi perancangan adalah tidak adanya data-data yang boleh dianggap sebagai tepat tetapi masih dipergunakan oleh Unit Perancang Ekonomi ataupun Kementerian-kementerian bagi maksud merancang. Apabila data-data tidak dapat hasil daripada perancangan itu sendiri akan jauh lari daripada matlamat yang dicita-citakan maka kerana itu, kita dapati rancangan-rancangan pembangunan negara kadangkalanya menjadi berat sebelah. Ada kalanya pula perancangan-perancangan itu mendatangkan pembaziran oleh kerana projek-projek yang dilancarkan tidak memenuhi kehendak-kehendak rakyat yang lebih faham tentang keperluan mereka.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah bermakna bahawa apa rakyat perlu semuanya dipersetujui tetapi dari segi psikologi pembangunan, rakyatlah yang akan menentukan nasib projek pembangunan itu sama ada berjaya ataupun tidak. Cubalah kita perhatikan masalah yang timbul pada masa sekarang, walaupun pihak Kerajaan telah mencurahkan berjuta-juta ringgit di dalam projek-projek pembangunan, mengapa terdapat sungutan-sungutan

rasa tidak puas hati di kalangan rakyat. Apakah unsur-unsur ketidakpuasan hati ini diambil kira oleh pihak-pihak yang sudah pun merancang, yang sedang merancang ataupun yang akan dirancang. Apakah ada kajian-kajian sebelum projek-projek itu dijalankan? Ini sangat penting, kerana terdapat dalam kajian samada melalui mass-media akhbar dan sebagainya, terdapat projek-projek Kerajaan yang memakan wang berjuta-juta ringgit tetapi belum pun sempat digunakan projek itu telah tidak dapat digunakan. Kita telah mendengar umpamanya pelabuhan di Kuantan dan baru-baru ini juga ditempat kawasan saya sendiri, saya fikir Kementerian yang berkenaan ataupun Jabatan yang berkenaan tolong ambil perhatian; sebuah pam air yang dibuat di Rungkup yang bernilai \$1.4 juta baru-baru ini keluar dalam suratkhbar *Utusan Malaysia* dan *Utusan Melayu*; belum pun dipasang enjin untuk pam air tersebut bagi mengeringkan keadaan banjir ataupun air yang bertakung di dalam kawasan Parlimen Bagan Datok tetapi pam air yang berharga \$1.4 juta itu rumahnya sudah siap tetapi telahpun retak. Adakah disebabkan oleh perancang ataupun kontrak ataupun pengawasan dari segi kontrak yang menjalankan kerja itu tidak diawasi betul-betul, sepatutnya "pilling" sepertimana yang dibuat di dalam pelan adalah umpamanya menggunakan kayu bakar 20 kaki tetapi kerana kontraktor hendak untung, pasang concrete 14 kaki atau 12 kaki. Ini semuanya adalah menjadi tanggungjawab kepada semua pihak untuk memperhatikan bahawa Kerajaan yang menggunakan wang rakyat berjuta-juta ringgit itu tidak akan rugi begitu sahaja sebelum projek itu dapat digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, apakah ada kajian-kajian penilaian sesudah rancangan itu diselenggarakan yang ditinjau daripada input faktor sosial. Di kawasan pilihanraya saya sendiri misalnya, sesudah 26 tahun negara kita

mencapai kemerdekaan masih terdapat kampung-kampung yang begitu mundur oleh kerana perancang-perancang yang merancang tidak memahami keadaan sebenar masalah setempat. Yang dipentingkan oleh mereka ialah semata-mata faedah yang diperolehinya, inipun kalau benar mengikut tafsir ataupun pendapat saya dan jika tidak, silalah buat kajian. Kepentingan-kepentingan dari segi faktor kemasyarakatan tidak diambil kira, Tuan Yang di-Pertua.

Di dalam kawasan pilihanraya saya di Bagan Datok misalnya mempunyai banyak ladang-ladang warisan daripada penjajah ataupun estet-estet daripada penjajahan. Banyak kampung-kampung yang terpencil akibat daripada ladang-ladang ini. Pihak perancang enggan mengambil kira keperluan infrastruktur yang mencukupi bagi kampung-kampung ini, kononnya tidak cukup kriteria ekonomi. Apakah kita ingin, untuk melihat bahawa kampung-kampung di pedalaman yang dikatakan Kerajaan ingin membela nasib penduduk-penduduk luar bandar yang kita sedar bahawa penduduk luar bandarlah yang telah memberi undi kepada Barisan Nasional untuk menegakkan Kerajaan dan apakah kita bersetuju kampung-kampung ini kekal dalam keadaannya sekarang? Inilah, Tuan Yang di-Pertua, yang saya katakan pegawai-pegawai ini tidak harus ramai di Kementerian atau agensi-agensi Pusat. Mereka yang berkelayakan dan berpengalaman ini sewajarnya berkhidmat dan mendasarkan perancangan mereka kepada reality, bukan hanya menerima data daripada pentadbiran daerah yang begitu kalau ada kucar-kacir dan sebagainya oleh sebab perkara ini sering saya timbulkan di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah tetapi apabila ditanya jawapannya belum ada rancangan, belum buat perancangan dan sebagainya.

Di sini, saya ingin menyarankan kepada Kerajaan supaya sesuatu usaha

raksaksa sama ada di dalam kita hendak membahaskan perbahasan mengkaji pertengahan Rancangan Malaysia Yang Keempat dan sebagainya, sudah sampai masanya sekiranya kita ingin mendapat terus keyakinan atau sokongan daripada rakyat di luar bandar, keperluan asas infrastruktur —3 perkara penting hendaklah dibuat ataupun diperuntukkan oleh Kerajaan dengan begitu besar sekali. Maksud saya ialah setelah kita mencapai kemerdekaan selama 26 tahun ini eloklah kita merancang supaya 5 tahun yang akan datang atau 10 tahun yang akan datang tidak timbul lagi soalan-soalan kepada seluruh Wakil-wakil Rakyat di dalam negara kita ini terutama di kampung-kampung khususnya mengenai masalah jalan, masalah air, masalah api elektrik. Inilah 3 perkara yang amat besar yang saya pandang penting kepada keseluruhan negara di dalam negara kita ini iaitu jalan di kampung-kampung, menaikkan taraf jalan seperti yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, menaikkan taraf jalan kampung kepada taraf jalan batu lombong ataupun jalan tar. Ini sangat-sangat diperlukan oleh rakyat. Begitu juga keperluan air dan juga keperluan api elektrik. Tiga perkara ini jika dapat diselesaikan dalam masa 5 atau 10 tahun ini negara kita akan tidak mendapat sungutan daripada rakyat di luar bandar yang saya katakan tadi sentiasa menyokong Kerajaan yang memerintah pada hari ini dan seterusnya sehingga kiamat dunia ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah kita lihat perancangan-perancangan bandar pula atau di Majlis Perbandaran, kita dapati bahawa terdapat perancang yang dengan sengaja dan begitu halus menggagalkan Dasar Ekonomi Baru. Kawasan-kawasan yang ramai kaum Bumiputera ataupun kawasan-kawasan yang mempunyai tanah Reserve Melayu itulah yang dirancangan

pembangunan jalanraya misalnya atau digezet sebagai "Green Belt" seperti di Wilayah Persekutuan ini misalnya.

Implikasinya, Tuan Yang di-Pertua, kawasan-kawasan ini sehingga hari kiamat pun tidak boleh dimajukan. Inilah saya katakan bahawa perancang-perancang di peringkat Penguasa Tempatan kalau sekiranya betul ataupun ada melaksanakan, ini bukanlah merupakan tuduhan tetapi sekiranya boleh dianggap itu merupakan satu sabotaj kepada pembangunan Dasar Ekonomi Baru dan di dalam pada itu, terdapat juga perancang-perancang yang menjadikan perancangan mereka itu sesuatu yang menyusahkan orang lain.

Perancangan jalanraya misalnya masih lagi menggunakan bulatan se- parah jalan. Ini adalah digunakan sebagai ujian land-scapping, maka berlakulah kesesakan jalanraya dan akibatnya berlakulah kerugian berjuta-juta ringgit setiap tahun akibat daripada pembuangan bahan tenaga secara membazir. Alat-alat gantian kenderaan, pembayaran perubatan akibat daripada stress dan juga strain disebabkan oleh kesesakan jalanraya itu sendiri. Pihak Bandaraya misalnya telah menjadikan beberapa batang jalanraya di bandar ini sebagai jalan sehalu, tetapi di kiri kanan jalan itu diadakan pula petak tempat letak kereta-kereta.

Sebagai contoh, yang saya selalu menghadiri sidang Parlimen di Kuala Lumpur ini, Jalan Raja Laut misalnya sebagai satu contoh di mana perancang-perancang di Dewan Bandaraya perlu turun daripada bangunan yang tinggi melihat kesesakan jalanraya yang dibuat oleh mereka itu sendiri. Banyak lagi cara Dewan Bandaraya boleh mencari punca-punca hasil tetapi bukan dengan cara menyesakkan jalanraya dengan mengadakan petak tempat letak kereta. Terdapat banyak lagi kawasan-kawasan di Dewan Bandaraya ini yang

boleh mendatangkan hasil daripada letak kereta tetapi bukan di pusat bandar, misalnya di pinggir bandar yang dinamakan bandar itu bandar satelit seperti di Cheras, Bandar Tun Abdul Razak dan berapa tempat yang lain. Berapa sen sangatlah Dewan Bandaraya akan mendapat hasil daripada kutipan letak kereta daripada Jalan Raja Laut yang saya katakan tadi jika dibandingkan dengan tempat-tempat yang saya katakan tadi. Ini bahawasanya perancang-perancang itu sendirilah yang menyebabkan berlakunya rasa tidak puas hati di kalangan orang ramai dalam merancang sesuatu kerana mereka ini barangkali kalau boleh saya katakan perancangan yang mereka buat itu ada mempunyai kekurangan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi contoh yang berlaku di bandar-bandar besar akibat salah perancangan ini jika difikirkan betul apa yang saya katakan. Banjir kilat umpamanya yang berlaku di Kuala Lumpur jelas menunjukkan salah perancangan daripada apa yang diberitahu kepada saya. Sepatutnya kawasan-kawasan bukit yang boleh dijadikan kawasan perumahan ini telah diluluskan. Jawabnya daripada apa yang telah diluluskan itu berlakulah hakisan tanah yang menyebabkan banjir kilat di Kuala Lumpur ini. Saya kira kedapatan kawasan di kawasan seperti Kuala Lumpur perlu diberi perhatian berat dengan kawasan-kawasan rekriasi-sinya bukan untuk binaan rumah pangsa satu bilik ataupun dua bilik di mana orang ramai hendak tinggal, anak-anak mereka adakah hendak disuruh tidur di veranda sahaja. Saya rasa sama ada sesuai atau tidak sesuai terpulanglah kepada pihak yang berkenaan sama ada dapat memikirkan perkara ini supaya dirancangan dengan lebih baik lagi.

Perancang harus lojik bila hendak merancang sesuatu itu. Rancangan negara ini mestilah ditahap yang rendah walaupun pegawai-pegawainya

ramai yang ada kelulusan Ph.D. atau sarjana dalam bermacam-macam bidang khusus yang ada pada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah yang saya dapat menyembahkan ucapan rafak sembah menjunjung kasih di atas ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang akan memberi manfaat dan faedah kepada keseluruhan kita yang bertanggungjawab untuk membangunkan negara kita sebagaimana di dalam akhir Titah Baginda, "Beta berkeyakinan penuh bahawa sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan akan kekal di negara kita yang dicintai ini."

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

6.15 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam menyampaikan Titah Ucapan kepada Parlimen telah bertitah tentang keperluan satu perjuangan yang berterusan bagi mewujudkan sebuah negara yang aman, bersatupadu, dihormati dan maju serta juga kepentingan negara yang berasaskan kepada nilai-nilai nasionalisma mestilah mengatasi kepentingan-kepentingan lain yang sempit. Sebagai seorang Ahli Dewan ini, saya suka mengambil kesempatan ini untuk menyuarakan sama dalam perbahasan Titah Ucapan Di Raja ini kerana saya sedar bahawa ianya merupakan asas kepada usaha-usaha untuk membina negara kita.

Saya gembira menyatakan di sini bahawa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah juga menekankan Sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan yang seharusnya berkekalan dalam negara kita yang tercinta ini. Parti saya, malah diri saya sendiri menjunjung sepenuhnya Sistem

Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan yang begitu penting untuk kejayaan dan kestabilan yang berterusan bagi negara kita.

Dalam sebuah negara demokrasi berparlimen, Pembangkang seperti DAP mempunyai satu peranan yang tertentu untuk dimainkannya dan adalah penting bagi Kerajaan atau parti pemerintah mesti mengaku sesuatu sumbangan daripada pembangkang bagi menjadikan demokrasi berparlimen bermakna kepada negara dan rakyat. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada juga bercakap mengenai penerapan nilai-nilai yang mulia seperti kejujuran, kerajinan, dedikasi, bertanggungjawab, bertimbangrasa dan amanah dalam mencapai matlamat Kerajaan untuk mewujudkan sebuah pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah.

Menurut Baginda nilai-nilai ini tidak akan bermakna melainkan ianya diamalkan. Banyak yang diperkatakan oleh Seri Paduka Baginda terutamanya berhubung dengan aspek-aspek pembangunan dan satu pentadbiran bersih, cekap dan amanah yang mana tanpa meragukan lagi akan dialu-alukan oleh rakyat. Bagaimanapun adalah perlu ditegaskan di sini bahawa perkara-perkara yang terpenting bukanlah apa yang diperkatakan tetapi sama ada apa yang diperkatakan itu akan dilaksanakan secara jujur bagi memenuhi harapan dan aspirasi rakyat untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang adil dan saksama. Seruan untuk wujud sebuah pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah tidak akan bermakna melainkan terdapat kesungguhan politik di pihak Kerajaan untuk memastikan ianya diamalkan dan dilaksanakan di seluruh peringkat Kerajaan bermula dari ahli-ahli Kabinet terus ke peringkat bawahan dalam pentadbiran awam. Di samping memberi pujian kepada semua kakitangan awam yang berkhidmat kepada negara dengan ikhlas dan dedikasi, saya mesti juga

menjelaskan di sini bahawa masih terdapat mereka yang tidak menjalankan tugas dengan penuh bertanggungjawab dan dedikasi untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara.

Memandangkan ini saya suka mencadangkan bahawa langkah-langkah tertentu mestilah diambil untuk menepatkan satu sikap yang positif ke dalam diri mereka di samping dalam masa yang sama melaksanakan langkah-langkah lanjut untuk meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran atau produktiviti semua Kementerian, Jabatan-jabatan dan badan-badan berkanun. Red-tape dan kelembapan pentadbiran disamping kecenderungan rasuah yang menular dalam setengah-setengah sektor perkhidmatan awam mestilah dihapuskan dan setiap kakitangan perkhidmatan awam mestilah disemaikan dengan perasaan tanggungjawab bagi perkhidmatan kepada negara dan rakyat dengan ikhlas dan dedikasi bagi memenuhi harapan dan aspirasi rakyat menerusi sebuah pentadbiran yang cekap, bersih dan amanah.

Kakitangan-kakitangan Kerajaan mesti tampil menunjukkan satu contoh yang baik kepada sektor awam dan sektor swasta dalam tugas ini untuk mengujudkan sebuah pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah ianya selaras dengan konsep kepimpinan melalui teladan. Hanya jika pemimpin bersedia menjadi contoh yang baik tentulah kita boleh menjangka orang ramai akan mengikutinya.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa diragukan bahawa sidang Parlimen yang baru ini mempunyai satu kepentingan politik yang besar kepada negara oleh kerana ianya secara tidak langsung bertepatan dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat.

Dasar Ekonomi Baru telah melalui separuh jalan, tetapi kebimbangan yang serius disuarakan oleh berbagai

kalangan profesional ialah sejauh mana Dasar Ekonomi Baru telah berjaya selama ini mencapai dua objektif yang utama itu yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum menerusi fungsi-fungsi ekonomi.

Jauh lebih penting satu kajian menyeluruh perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru diperlukan bagi memastikan bagaimana atau sejauh mana ianya mencapai matlamat-matlamat untuk mengujudkan perpaduan negara.

Adalah tidak sesuai pada masa ini bagi Kerajaan membuat apa juga penglibatan untuk melanjutkan Dasar Ekonomi Baru sebelum langkah-langkah pembetulan dikenal pasti jika Dasar Ekonomi Baru gagal mencapai objektifnya. Pada masa ini semasa Dasar Ekonomi Baru mempunyai enam tahun lagi untuk sampai ke tahun sasarannya, satu kajian semua keatas dasar itu diperlukan bagi membuat perbezaan yang besar untuk Dasar Ekonomi Baru yang diisytiharkan dengan Dasar Ekonomi Baru seperti dilaksanakan.

Dasar Ekonomi Baru seperti diisytiharkan tujuan bagi membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat Malaysia bagi menghapuskan apa juga pengenalan kaum menerusi fungsi ekonomi. Tetapi nampaknya Dasar Ekonomi Baru seperti dilaksanakan telah menghasilkan sesuatu bahawa penyusunan semula masyarakat di bawah Dasar Ekonomi Baru telah benar-benar memberi manfaat kepada golongan Bumiputra kelas menengah dan tinggi daripada dinikmati oleh golongan yang miskin. Ini adalah salah satu sebab mengapa perbezaan pendapatan antara golongan berada dan golongan tidak berada nampaknya semakin meluas pada kadar yang membimbangkan. Memandangkan ini saya menyokong sepenuhnya supaya Kerajaan

memeriksa semula falsafah Dasar Ekonomi Baru dan memberi definisi semula konsep pembangunan daripada hanya membuat penglibatan pada saat ini untuk melanjutkan tempoh selepas tahun 1990.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa saya tidak menentang Dasar Ekonomi Baru tetapi saya hanya bertanya cara mana perlaksanaan yang jelas kepada saya sebagai jauh berbeza dengan Dasar Ekonomi Baru yang diisytiharkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang sangat penting kepada negara Malaysia pada pandangan saya ialah pencapaian perpaduan negara. Tanpa perpaduan negara, kemajuan ekonomi tidak boleh menolong menguatkan ketahanan sebuah negara. Selepas 27 tahun Malaysia merdeka, pada tahun 1957 tugas membina negara untuk mewujudkan satu bangsa daripada berbagai kaum adalah masih jauh lagi. Tahun 1960-1970an telah menjadi dekad yang memecah belahkan yang tidak boleh dibenarkan berterusan jika Malaysia ingin membina perpaduan negara dan ketahanan dari dalam bagi menentang ancaman luar dan tekanan tahun 1980an.

Untuk Malaysia tugas penting yang dihadapi oleh kita semua ialah bagaimana menggunakan setiap kesempatan yang ada untuk membina sebuah negara Malaysia yang bersatupadu. Rakyat Malaysia dari semua keturunan mestilah sedar bahawa walaupun tidak berkongsi sama pengalaman-pengalaman yang lepas, mereka mempunyai masa depan yang sama, satu matlamat yang sama yang bersambung dengan kewujudan negara Malaysia.

Pada pandangan saya satu cara untuk mencapai perpaduan negara ialah Kerajaan hendaklah mengembalikannya kesungguhan politiknya dengan mengkaji perlaksanaan dasar-dasar yang benar-benar bercorak

berbagai-bagai kaum bagi mengatasi masalah politik, ekonomi, sosial, kebudayaan dan pelajaran di seluruh negara. Sebagaimana yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kemajuan pelajaran dan pembangunan kebudayaan adalah satu cara yang penting untuk mencapai perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pelajaran, kita mesti memecahkan batas peratusan peruntukan dalam pelajaran tinggi dalam universiti-universiti tempatan dan menerima satu pandangan yang bercorak Malaysia yang tujuannya pada satu segi untuk memberi peluang kepada setiap pelajar Bumiputera yang berkecayaan untuk mendapatkan pelajaran tinggi, sementara disatu segi lain ialah untuk menggalakkan dan memberi kemudahan kepada setiap pelajar bukan Bumiputera yang mempunyai keceayaan yang cukup dengan peluang-peluang pelajaran tinggi oleh kerana ini akan yang memberi faedah kepada Malaysia pada keseluruhannya.

Dengan pandangan sedemikian, saya suka menggesa Kerajaan dengan keadaan ekonomi negara kita semakin pulih sekarang untuk menimbang penubuhan sekurang-kurangnya 3 buah universiti lagi sebagai tambahan kepada universiti keenam yang sedia ada bagi menyediakan lebih banyak tempat pelajaran tinggi untuk pelajar-pelajar Malaysia. Saya yakin bahawa pertukaran asing yang boleh diselamatkan dari 50,000 orang pelajar Malaysia yang ada di luar negeri boleh disambungkan kepada perbelanjaan mengurus 3 buah universiti tempatan lagi.

Saya sedar bahawa kos modal mendirikan sebuah universiti adalah agak besar tetapi ini merupakan pelaburan yang begitu bernilai oleh kerana pelaburan dalam human

capital, dengan izin, adalah bentuk pelaburan yang sangat productive.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga telah menyentuh tentang pembangunan kebudayaan Kebangsaan sebagai satu cara mencapai perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Lee Lam Thye: Boleh saya sambung esok?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok, 14hb Mac, 1984.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.